



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Wang Choon Wing }
Y.B. Dr Tan Seng Giaw } [Ruangan 893]

Order of Adjudication terhadap Ahli Dewan [Ruangan 893]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 896]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 971]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani [Ruangan 971]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N. A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chapa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., (Penampang).

Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S:M.,
S.P.M.K.I., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 15hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI—
KEBENARAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Wang Choon Wing, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, bagi kawasan Lipis dari 7hb Mac—25hb Mac, 1988; dan
2. Y.B. Dr Tan Seng Giaw bagi kawasan Kepong dari 15hb Mac—25hb Mac, 1988 kerana Yang Berhormat dalam tahanan.

**Order of Adjudication
Terhadap Ahli Dewan**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberitahu iaitu Pegawai Pemegang Harta Malaysia dalam suratnya bertarikh 22hb Februari, 1988 yang dialamatkan kepada Setiausaha Bagi Parlimen telah

menyampaikan salinan 2 Order of Adjudication terhadap dua orang Ahli Dewan Rakyat. Sebagai menjalankan tugas saya selaku Yang di-Pertua, saya dengan ini menyatakan iaitu 2 Order of Adjudication itu adalah seperti berikut:

1. Mengikut Order of Adjudication yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 13hb Ogos, 1987 Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari telah diisytiharkan sebagai bankrap.

Berikutan dengan itu Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin telah membuat satu permohonan untuk membatalkan Perintah-perintah Penerimaan dan Penghukuman yang telah dibuat terhadapnya pada 13hb Ogos, 1987 itu. Permohonan tersebut telah didengar pada 6hb Mac, 1988 di Mahkamah Tinggi Alor Setar dan ditolak atas alasan bahawa beliau mempunyai dua orang siputang lagi yang beliau tidak menunjukkan di dalam pernyataan hal ehwalnya.

2. Mengikut Order of Adjudication yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Borneo di Sandakan pada 29hb Januari, 1988, Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali telah diisytiharkan sebagai bankrap. Walau bagaimanapun mengikut Perintah Mahkamah Tinggi yang sama pada 1hb Mac, 1988 Adjudication Order bertarikh 29hb Januari, 1988 terhadap

Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali itu dimansuhkan (annulled).

Pada pendapat saya kedudukan perkara ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengikut Perkara 48 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, saya petik:

“Seseorang adalah hilang kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen jika ia seorang bankrap yang belum dilepaskan”.

- (ii) Perkara 50 (1) Perlembagaan menyatakan, saya petik:

“Jika seseorang Ahli mana-mana Majlis Parlimen hilang kelayakan menjadi ahli Majlis itu maka kosonglah kerusinya itu”.

- (iii) Perkara yang paling mustahak dalam hal ini ialah Perkara 53 Perlembagaan yang akan saya petik sepenuhnya, dalam bahasa Inggeris:

“If any question arises whether a member of a House of Parliament has become disqualified for membership, the decision of the House shall be taken and shall be final: Provided that this Article shall not be taken to prevent the practice of the House postponing a decision in order to allow for the taking or determination of any proceedings that may affect the decision (including proceedings for the removal of the disqualification).”

3. Saya membawa kedua-dua kes kebangkrutan yang melibatkan Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari dan Yang Berhormat Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali kepada pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat berasaskan kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes Fan Yew Teng lwn Setiausaha Dewan Rakyat dan lain-lain 2(MLJ) 1975, muka surat 40.
4. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini terserahlah kepada Dewan yang mulia ini untuk membuat keputusan mengenai kedudukan keahlian Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PINJAMAN BERTEMPOH DARI SULTAN BRUNEI

1. **Tuan Mohd. Tawfik bin Tun Dr Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memperbaharui pada tahun ini satu pinjaman bertempoh 30 tahun dari Sultan Brunei yang diambil pada tahun 1958 sebanyak \$100 juta dengan faedah 3.5% bagi 15 tahun yang pertama dan 4.5% bagi 15 tahun yang kemudian.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman yang dilakukan pada tahun 1959 tersebut adalah merupakan sekuriti Kerajaan atau lebih dikenali pada masa itu sebagai Federation of Malaya-Brunei Sterling Loan. Wang yang diperolehi daripada pengeluaran sekuriti ini adalah untuk membiayai perbelanjaan

pembangunan. Pinjaman ini akan matang pada 2hb April, 1989 dan seperti pinjaman-pinjaman pasaran yang lain, Kerajaan akan membuat bayaran sepenuhnya.

Oleh yang demikian, hasrat sama ada Kerajaan ingin memperbaharui pinjaman itu tidaklah timbul.

KADAR KECICIRAN DI SEKOLAH

2. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah kadar keciciran di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti masing-masing bagi lima tahun kebelakangan ini.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, maksud keciciran ini ialah pelajar-pelajar yang terkeluar daripada sistem formal walaupun diakui sebahagian daripada pelajar-pelajar itu akan meneruskan pendidikan mereka di sekolah-sekolah atau maktab swasta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar keciciran bagi peringkat pendidikan rendah ialah:

1982	4.83%
1983	4.50%
1984	3.89%
1985	3.64%
1986	3.01%

Keciciran dari pendidikan rendah ke peringkat menengah rendah pula ialah:

1982	11.2%
1983	9.8%
1984	9.3%
1985	9.9%
1986	9.9%

Keciciran dari peringkat menengah rendah ke menengah atas ialah:

1982	37.1%
1983	33.2%
1984	33.4%
1985	34.8%
1986	32.4%

Bagi pendidikan di peringkat universiti pula, secara keseluruhannya jumlah pelajar yang tercacir adalah kecil bilangannya dan ini merupakan suatu fenomena biasa di setiap buah universiti. Sebab-sebab berlakunya keciciran adalah satu perkara normal iaitu kerana gagal di dalam peperiksaan. Kebanyakannya keciciran pula hanya berlaku pada kursus-kursus tertentu sahaja seperti Kejuruteraan, Perakaunan, Perubatan, Pergigian dan Undang-undang.

Secara keseluruhan kadar keciciran bagi Fakulti Kejuruteraan, perakaunan, Perubatan, Pergigian dan Undang-undang adalah kurang dari 10% daripada jumlah calon yang menduduki peperiksaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada angka-angka yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan adalah jelas bahawa kadar keciciran di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti adalah tinggi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada Kementeriannya telah mengenalpasti sebab-sebab berkenaan dengan masalah keciciran itu dan sekiranya ini telah dibuat, maka apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah keciciran ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama ingin saya jelaskan bahawa kadar keciciran sekolah rendah kita adalah rendah sekali dan mungkin di antara yang

paling rendah di dunia sedang membangun.

Kedua, ini tidaklah bermakna bahawa kita harus berpeluk tubuh dan menerima hakikat ini. Oleh itu, langkah-langkah seperti yang diambil beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya dengan memperkenalkan sistem KBSR, nyata mengikut kajian yang telah dibuat di Universiti Sains Malaysia, banyak membantu mengurangkan kadar keciciran yang kecil ini. Inilah di antara tindakan yang diambil iaitu untuk memastikan bahawa di sekolah di kawasan pedalaman dan luar bandar yang tidak mempunyai prasarana yang mencukupi diberikan peruntukan tambahan.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Menteri Pendidikan kenapakah pelajar-pelajar dari sekolah rendah yang memilih persekolahan menengah agama yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri iaitu sekolah-sekolah Kerajaan Negeri, murid-murid itu dianggap sebagai keciciran sedangkan mereka mendapat pendidikan yang formal di sekolah-sekolah negeri itu di mana guru-guru yang mengajar juga adalah diberi bantuan oleh pihak Kementerian sendiri. Adakah cadangan pihak Kementerian ini untuk menganggap atau menerima pelajar-pelajar itu tergolong dari kalangan penuntut-penuntut yang dianggap tidak tercicir?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya jelaskan di peringkat awal tadi bahawa istilah keciciran di sini digunakan untuk menerangkan jumlah pelajar yang terkeluar dari sistem formal Kerajaan kerana dalam sistem formal angka-angka yang didapati adalah tepat. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna pelajar-pelajar yang tercicir dari sistem formal itu tercicir dari segi pendidikan keseluruhannya.

Mengenai kedudukan sekolah-sekolah menengah agama yang ditaja oleh Kerajaan Negeri, saya ingin memberikan jaminan bahawa bantuan dan kerjasama boleh diberikan dengan syarat berlakunya perancangan bersama dan tidak didirikan sekolah menengah agama sewenang-wenangnya, terkeluar dari perancangan yang teliti.

BUKU "PENJELASAN TERHADAP AURAD MUHAMMADIAH PEGANGAN DARUL ARQAM"

3. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah naskhah buku "Penjelasan Terhadap Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang dicetak oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri;
- (b) adakah buku-buku tersebut diedarkan kepada umum; dan
- (c) adakah Menteri berkenaan berhajat untuk menarik balik penerbitan buku itu. Kalau tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, jumlah naskhah buku "Penjelasan Terhadap Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri adalah berjumlah sebanyak 13,000 naskhah.

Buku penjelasan ini memang diedarkan kepada umum.

Keputusan menerbitkan buku ini adalah dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam mesyuaratnya pada 6hb Oktober, 1986.

Tujuannya ialah bagi menjelaskan kepada orang ramai tentang

penyelewengan yang terdapat di dalam buku "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang diterbitkan oleh Jemaah Darul Arqam. Dari makluman balas yang diperolehi, orang ramai memang berpuas hati dengan buku penjelasan yang diterbitkan ini dan masih banyak permintaan diterima untuk mendapatkan buku tersebut.

Saya tidak nampak mengapa buku yang telah diedarkan itu perlu ditarik balik. Sebaliknya lebih banyak lagi akan dicetak dan diedarkan jika kewangan mengizinkan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dan juga keputusan oleh kerana buku "Penjelasan Terhadap Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" itu merupakan perkara yang salah di sisi agama. Kalaulah ianya salah apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan ataupun oleh Jabatan Perdana Menteri terhadap "Pegangan" itu kerana kalau sekadar mengeluarkan buku sahaja untuk menerangkan kesilapan dan kesalahan itu tidaklah akan bererti apa-apa kalau tidak disusuli oleh tindakan daripada pihak Kerajaan.

Kedua, apakah status Darul Arqam ini di dalam hal sebagai satu pertubuhan mengikut siasatan yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri. Apakah ianya satu pertubuhan yang didaftarkan ataupun yang sah di sisi undang-undang ataupun tidak. Jikalau ianya sebagai satu pertubuhan yang tidak sah di sisi undang-undang, apakah tindakan yang akan diambil?

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, iaitu yang bermaksud jikalau sekiranya terdapat kesalahan kenapa tindakan tidak diambil. Saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkembangan gerakan yang

berbentuk kerohanian adalah merupakan perkembangan yang tidak pernah kita dapati ada kejayaan yang 100% dari segi kawalan kerana ia lebih banyak bersifat berkecenderungan keperibadian atau individu dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Oleh kerana pihak Kerajaan menyedari tentang hakikat ini, maka pihak pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Islam berpendapat bahawa langkah yang pertama yang perlu dibuat ialah menonjolkan beberapa aspek yang didapati salah daripada segi ajaran Islam yang kalau sekiranya dibuat dengan secara tindakan pengharaman, sudah tentu kita dapati perkara yang sedemikian boleh berlaku menerusi amalan individu. Langkah ini adalah langkah untuk memberi pengetahuan supaya dapat bersama-sama orang Islam yang menyedari tentang hakikat ajaran Islam sendiri, mengambil aspek-aspek yang positif dan jelas, bukan aspek yang keliru.

Maka oleh kerana itu apabila dikeluarkan buku ini, harapan pihak Kerajaan ialah supaya semua pihak yang berkaitan memberikan perhatian kepada kandungan sesuatu ajaran kerohanian dan tidak menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang boleh menimbulkan kesangsian, seperti misalnya, berjumpa dengan Nabi Muhammad s.a.w. secara berlembaga, iaitu melihat tubuh badan Baginda sendiri di Kaabah atau di Mekah atau kesetiaan yang diutamakan kepada seorang pemimpin gerakan kerohanian dan boleh mengenyepikan keluarga sendiri dan berbagai-bagai lagi. Maka kerana itu, langkah ini sebenarnya adalah merupakan langkah yang pernah dibuat oleh negara-negara Islam yang lain, bukan negara Malaysia bersendirian dalam hal ini kerana langkah ini setelah dikaji didapati boleh memberi ketenangan kepada orang-orang Islam yang berfikir untuk kebaikan.

Mengenai dengan perkara yang kedua, tentang status gerakan Darul Arqam ini, ada beberapa perkara yang berkaitan dengan Darul Arqam iaitu dari sudut sekolahnya iaitu pendidikannya. Dari sudut yayasannya, sebagai sebuah yayasan yang menggerakkan kegiatan-kegiatan perniagaan dan sebagai sebuah persatuan. Saya mengagak bahawa Yang Berhormat memaksudkan tentang status dari segi organisasi atau pertubuhan. Kita dapati bahawa statusnya adalah tidak merupakan sebagai sebuah pertubuhan yang didaftarkan. Walaupun demikian, beberapa cara bagi mengatasi masalah ini sedang diambil secara bersama dengan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini berhubung juga dengan soalan tadi iaitu berhubung dengan kegelisahan orang ramai yang ingin tahu Darul Arqam ini secara dekat. Dapatkah Menteri di Jabatan Perdana Menteri memaklumkan tentang konsep Darul Arqam ini boleh kita pakai ataupun tidak, sebab dia ada mudirnya, dia boleh kutip hasil dan lain-lain lagi yang mana banyak anak-anak atau saudara-saudara kita yang terpengaruh dan tidak mahu lagi balik belajar dan sebagainya.

Yang keduanya, ini saya baca dalam surat khabar, yang mengatakan mudirnya pakai "jin" dan sebagainya. Ini adalah di antara perkara-perkara yang menimbulkan kegelisahan orang ramai. Oleh kerana perkara ini menimbulkan kegelisahan, maka buku yang dikeluarkan nanti akan menimbulkan sakwasangka kepada orang ramai. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab ringkas sahaja walaupun perkara ini sebenarnya panjang.

Mengenai dengan masalah bolehkah didekati pertubuhan ini, apa yang saya tahu tiada halangan. Sesiapapun boleh dan kalau Yang Berhormat berminatpun saya fikir walaupun saya tidak bercakap bagi pihak Darul Arqam, tetapi saya fikir pihak Darul Arqam tidak menghalang. Mungkin sebagai sebuah pertubuhan, mereka suka didekati tetapi dalam masalah pendekatan yang seperti ini, dalam konteks kegelisahan, maka Kerajaan berpendapat setelah membuat kajian pendekatan itu atau mana-mana pihak yang suka mendekati pertubuhan yang seperti ini terlebih dahulu perlu mengkaji dan buku yang dikeluarkan itu bukanlah merupakan buku yang ditulis dengan menggunakan perasaan tetapi seperti mana saya sebutkan tadi ia merupakan hasil muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan dan buku itu kalau dibaca dengan teliti ia akan menentukan sama ada perlu didekati ataupun tidak. Jadi, tidak perlu saya menyebutkan sama ada boleh didekati atau tidak perlu didekati. Saya percaya kalau sekiranya Yang Berhormat belum mempunyai buku yang sedemikian, saya pun ada di sini, kalau hendak boleh saya beri selepas ini.

Mengenai masalah mudir Darul Arqam dan hubungannya dengan jin, saya belum mengenal lagi jin ini dan saya susahlah hendak mengatakan sama ada ia bersahabat dengan orang yang berkenaan. Tetapi eloklah diteliti tentang ajaran kerohanian kerana dalam sejarah kerohanian, memang wujud dan pernah berlaku perhubungan di antara manusia dengan jin dan perhubungan seperti ini sama ada berlaku kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan di negara kita ataupun tidak, saya fikir biarlah kita putuskan menerusi siasatan yang mendalam dan ingin saya rumuskan iaitu hubungan dengan jin ini kalau kita berniat baik, biasanya tidaklah menjadi masalah apa-apa. Tetapi kalau sekiranya kita mempunyai niat yang tidak baik maka ia akan menimbulkan

masalah kerana Nabi Muhammad s.a.w. sendiri pernah mengIslamkan jin dan hubungan itu adalah hubungan yang baik, maka tidak berlaku masalah. Yang menjadi masalah ialah kalau ada mempunyai interest ataupun kepentingan yang tertentu.

TAMAN NEGARA—TARIKAN PELANCONG

4. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (i) sejak Taman Negara diserahkan balik kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), apakah perubahan-perubahan yang telah dibuat bagi menarik pelancong-pelancong datang ke Taman tersebut; dan
- (ii) berapa ramaikah pelancong-pelancong yang datang melawat ke Taman Negara selepas penyerahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Taman Negara diserahkan kembali kepada Jabatan PERHILITAN pada awal bulan Disember, 1987, pihak Jabatan telah cuba seberapa yang boleh untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di Taman Negara. Pembaikan yang dilakukan ini terutamanya tertumpu kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu. Usaha-usaha untuk meningkatkan kemudahan perkhidmatan pelancongan di Taman Negara ini telah melibatkan perbelanjaan sebanyak \$453,846.28 sen.

Di antara kemudahan-kemudahan yang telah dapat diperbaiki atau diadakan dalam masa tersebut ialah:

- (i) membaikpulih ruang legar dan dapur restoran di Kuala Tahan serta menggantikan lantainya kepada lantai mosaik;

- (ii) menggantikan lantai kayu untuk 12 unit rumah rehat Kuala Tahan kepada lantai terrazo serta membaikkan tandas;

- (iii) membaikpulih tandas serta pengubahsuaian pendawaian elektrik di bangunan asrama Kuala Tahan;

- (iv) pembaikan kecil di 11 bangunan syeyle Kuala Tahan;

- (v) membina tangga serta membaikpulih jeti Kuala Tahan dan Kuala Tembeling;

- (vi) membeli bot-bot penumpang baru serta enjin-enjin motosangkut;

- (vii) pembelian peralatan dobi;

- (viii) mengganti dan menambah peralatan-peralatan di restoran, rumah rehat dan chalet Kuala Tahan untuk kegunaan pelawat-pelawat; dan

- (ix) mengadakan latihan kepada pegawai-pegawai berkenaan mengenai cara-cara menguruskan penginapan dan menyambut tetamu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada data yang terdapat di Kuala Tahan, sejak Taman Negara dibuka pada 15 Januari hingga akhir bulan Februari tahun ini sejumlah 1,730 pelawat telah mengunjungi Taman Negara. Jumlah ini adalah meningkat jika dibandingkan dengan jumlah bagi tempoh yang sama dua-tiga tahun kebelakangan. Misalnya, bagi tempoh hingga akhir bulan Februari 1986, Taman Negara dikunjungi oleh seramai 1,518 pelawat sahaja dan bagi tempoh yang sama hingga akhir bulan Februari 1987, seramai 1,430 pelawat sahaja. Namun demikian, jumlah bagi dua bulan pertama untuk tahun 1988 ini, walaupun menggalakkan, ianya masih terlalu awal untuk dijadikan perbandingan terhadap sambutan pelawat ke Taman Negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah di atas jawapan Yang Berhormat tadi, tetapi saya hendak tanya apakah yang telah dibuat kepada kakitangan Rimba Park Sdn. Bhd. Adakah mereka ini diberhentikan ataupun diambil kerja sambilan? Saya juga melihat bahawa kakitangan Jabatan PERHILITAN tidak mencukupi untuk mengendalikan hotel dan juga Rumah Rehat, oleh kerana tugas mereka sebelum ini ialah tugas untuk meronda hutan. Sekarang ini mereka terpaksa mengendalikan Rumah Rehat dan juga hotel di Kuala Tahan. Jadi, saya ingin tahu tidak bolehkah Kementerian mengambil kakitangan yang lama itu sebagai kakitangan sementara untuk mengendalikan Rumah Rehat di Kuala Tahan.

Yang keduanya, apakah pembaikan yang telah dibuat kepada halangan-halangan pendakian Gunung Tahan, kerana baru-baru ini kita tengok ada kemalangan-kemalangan yang berlakunya adalah di tempat-tempat yang sama, iaitu kawasan di antara Rest camp dan juga Kem Padang, di mana baru-baru ini seorang doktor dan juga seorang jururawat terkandas. Saya percaya dia terseliuh semasa memanjat kabel 90 degree itu yang mana sampai sekarang saya rasa pembaikan tidak dibuat, dan sebelum ini kita dengar ada cerita pelancong daripada Singapura telah meninggal dunia kerana tergelincir jatuh dari tempat yang sama.

Saya ingin bertanya apakah pembaikan di Kuala Tahan ini sama dengan pembaikan yang dibuat di tempat yang merupakan halangan-halangan semasa mendaki Gunung Tahan?

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat, dan untuk menjawab soalan yang pertama, tiada apa-apa rancangan untuk mengambil

kakitangan yang terlibat di Rimba Park, yang kontraknya telah tamat, oleh kerana peruntukannya tidak mengingini berbuat demikian. Walau bagaimanapun jikalau keadaannya pulih balik bolehlah kami mengambil perhatian dan pertimbangan sewajarnya.

Untuk menjawab soalan yang kedua, ini memanglah menjadi hasrat dan perhatian Jabatan PERHILITAN sentiasa mengkaji semua tempat-tempat yang dianggap berbahaya untuk pelawat-pelawat, dan juga sebelum mereka menaiki tempat-tempat yang dianggap bahaya, mereka telah diberi nasihat melalui buku dan cara lain. Saya boleh katakan di sini Jabatan PERHILITAN memanglah mengambil perhatian berat ke atas perkara ini.

PEKERJA LADANG— PURATA PENDAPATAN

5. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan apakah purata pendapatan untuk seseorang penoreh getah dan pekerja ladang kelapa sawit bagi satu bulan dalam tahun 1985, 1986 dan 1987. Adakah pendapatan tersebut sesuai dengan keadaan harga-harga barangan di negara kita pada masa kini untuk membantu pekerja daripada perladangan menikmati suatu kehidupan yang sesuai di negara kita.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, mengikut tinjauan-tinjauan yang telah dijalankan oleh Kementerian Buruh, purata pendapatan untuk seseorang penoreh getah dan pekerja ladang kelapa sawit bagi satu bulan dalam tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Jenis Pekerjaan	Purata Pendapatan	
	1985	1986
(i) Penoreh getah . .	\$ 302	\$ 312
(ii) Pemetik buah kelapa sawit	406	315

Purata pendapatan bagi pekerja-pekerja tersebut untuk tahun 1987 belum dapat diperolehi. Walau bagaimanapun adalah dirasai purata pendapatan mereka telah meningkat disebabkan kenaikan harga komoditi di pasaran dunia mulai akhir tahun 1986. Oleh itu adalah juga dirasai bahawa pendapatan mereka tidak menjejaskan kehidupan mereka kerana kenaikan angkatanjuka harga pengguna sepertimana yang terdapat dalam Laporan Ekonomi 1987/1988, bagi tahun 1985 dan 1986 adalah hanya di paras 0.3 dan 0.7 sahaja. Di samping itu kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan tempat kediaman adalah diberi dengan percuma kepada kebanyakan pekerja-pekerja tersebut.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapat tahu juga adakah satu kajian telah dibuat untuk menentukan berapakah perbelanjaan yang harus dilakukan oleh seorang pekerja daripada ladang untuk menikmati satu taraf kehidupan yang boleh dikatakan sebagai kasar. Jika ada apakah perbezaan di antara perbelanjaan itu dengan pendapatan yang telah pun disebut tadi, dan bagaimana kita akan menyelesaikannya jika perbezaan itu sangat tinggi.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbelit-belit, saya faham apakah maksud Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun kajian ada atau tidak, kadar gaji ini sebenarnya telah ditetapkan, jika sekiranya ladang-ladang ini menjadi ahli kepada Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu gaji adalah ditetapkan melalui Perjanjian Bersama di antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang dan Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah

Melayu. Kalau mereka hendakkan gaji yang lebih besar, mereka hendaklah berunding dan terpulanglah penyelesaian kepada masalah mereka. Berkenaan belanja duit ini terpulanglah kepada mereka membelanjakannya dan kalau mereka hendak lebih daripada itu, seperti yang saya sebutkan perkara ini terletak kepada kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan biasanya di ladang suami-isteri bekerja, bukan suami sahaja bekerja, tetapi suami dan isteri biasanya bekerja sekali dan dapat dua gaji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar! Padang Terap—maaf.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan dikatakan dua gaji di dalam satu keluarga. Adakah angka-angka yang diberi tadi adalah gaji kepada individu ataupun gaji keluarga? Dan Tuan Yang di-Pertua, satu daripada kritik-kritik yang sedang dilemparkan terhadap dasar pembangunan ekonomi negara pada masa ini ialah Kerajaan sedang mengekalkan dasar gaji murah sebagai pemanjangan dasar pembangunan ekonomi kolonial dahulu. Adakah dakwaan ini benar dan jika benar, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu dasar gaji minimum untuk pekerja-pekerja ladang khususnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendapatan yang saya jelaskan tadi adalah untuk satu orang, bukan satu keluarga.

Mengenai bahagian yang kedua soalan itu, soal gaji minima ini tidak timbul kerana penetapan kadar gaji ini adalah berasaskan kepada perjanjian bersama iaitu pekerja-pekerja ini yang menjadi ahli kesatuan mereka merundingkan gaji ini melalui persatuan mereka dengan majikan. Jadi, soal gaji minima tidak timbul di sini kerana terpolung kepada keputusan perundingan mereka dan akhirnya mereka bersetuju membentuk perjanjian bersama yang menetapkan kadar gaji dan lain-lain syarat perkhidmatan itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibanding dengan pendapatan per kapita, adakah pendapatan daripada pekerja-pekerja ini memuaskan dengan memberi angka pendapatan ini dan pendapatan per kapita di negara kita ini? Keduanya, kalau dibanding dengan pendapatan pekerja-pekerja penoreh getah dan kelapa sawit ataupun pengutip kelapa sawit di negeri Sri Lanka, India dan Indonesia dan sebagainya yang mana lebih tinggi—yang di negeri kita ataupun di negeri-negeri itu?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka berkenaan dengan kadar gaji di negeri-negeri yang lain kerana tidak ada pada saya. Kalau berkehendakan itu, kemudian bolehlah diminta dengan cara yang rasmi.

Berbanding dengan pendapatan per kapita tadi saya telah menjelaskan bahawa gaji itu adalah gaji yang dibayar. Selain daripada itu, mereka juga disediakan rumah, api elektrik percuma dan air. Ini tidak termasuk di dalam jawapan tadi dan kalau itu dimasukkan boleh jadi lebih tinggi daripada yang saya sebutkan tadi.

PERATURAN (PERIHAL DAGANGAN) HARGA JUALAN MURAH—HUKUMAN

6. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) semenjak "Cheap Sale (Trade Descriptions) Regulations" diperkenalkan, berapa ramai peniaga-peniaga yang telah dikenakan hukuman. Bagaimana pula keberkesanan peraturan ini dan apakah kesannya terhadap peniaga dan pengguna; dan
- (b) apakah benar peraturan tersebut tidak cukup kemas dan kuat untuk memamatkan usaha-usaha beberapa pihak bagi terus mengadakan jualan murah dalam bentuk lain. Kiranya benar apakah langkah-langkah baru Kementerian untuk memastikan pengguna/pembeli tidak terus terpedaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M.G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Peraturan-peraturan (Perihal Dagangan) Harga Jualan Murah 1987 dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1988 sebanyak 130 orang peniaga telah didapati melanggar peraturan-peraturan Jualan Murah berkenaan sehingga 15hb Mac, 1988. Mereka ini akan didakwa di mahkamah apabila penyiasatan telah selesai. Keberkesanan Peraturan-peraturan Jualan Murah ini dapat dilihat dari segi berkurangnya aduan-aduan yang diterima daripada pengguna oleh Kementerian mengenai tawaran jualan murah. Cuma 34 aduan telah diterima. Kesannya kepada peniaga pula ialah berkurangnya tawaran-tawaran jualan murah yang diadakan oleh mereka jika dibandingkan dengan masa-masa sebelum peraturan-peraturan dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian (b) adalah tidak benar bahawa peraturan-peraturan ini tidak cukup kemas dan kuat untuk membanteras jualan-jualan murah palsu. Berkurangnya aduan yang diterima dan jualan-jualan murah yang diadakan oleh peniaga-peniaga menunjukkan bahawa peraturan-peraturan ini adalah amat berkesan untuk memerangi jualan-jualan murah palsu. Sebelum menggubal undang-undang ini, Kementerian telah meneliti dengan mendalam semua aspek-aspek yang berkaitan dengannya dan berbagai pihak yang terlibat telah dipanggil untuk memberi pendapat dan pandangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan ini tidak sekali-kali melarang tawaran atau jualan yang sah atau yang dikecualikan di bawahnya.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberi tahu bagaimana pula tindakan diambil kepada pesalah-pesalah menjual barang "cheap sale" melalui suratkhobar-suratkhobar atau majalah-majalah dan bagaimana hukuman yang telah dijatuhkan ke atas mereka tersebut mengenai hal yang sama?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang hendak menjalankan jualan murah akan memberi notis kepada Kementerian saya. Jika mereka tidak memberi notis dan menjalankan jualan murah mereka melanggar Peraturan-peraturan Jualan Murah dan Tindakan akan diambil atas sesiapa yang melanggar Akta Perihal Dagangan.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar daripada jawapan yang telah diberi oleh Setiausaha Parlimen berhubung dengan soalan ini tetapi saya dapati begitu ramai peniaga-peniaga menggunakan tanda jualan murah di seluruh negara kita ini. Jadi, saya ingin

tahu, adakah mereka ini telah mendapat kebenaran khas daripada Kementerian atau adakah peraturan atau syarat-syarat di bawah Akta kawalan ini yang dikenakan oleh Kerajaan itu tidak memberi kesan yang begitu meluas kepada peniaga-peniaga dan bagaimanakah pihak Kerajaan untuk mengatasi dan tindakan lanjut berhubung dengan penjualan murah ini yang begitu berleluasan di seluruh negara?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh manakah pelaksanaan Akta ini dapat mengimbangkan di antara peniaga dengan pengguna kerana khabarnya keuntungan di sebelah pihak sahaja. Apakah tindakan Kerajaan atau Kementerian dalam menseimbangkan di antara pengguna dan peniaga?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, tanpa notis kepada Kementerian saya, sesiapa mempamerkan sepanduk mereka melanggar Akta Perihal Dagangan. Mengenai Bahagian kedua soalan itu, saya sudah jawab tadi. (*Ketawa*)

BANK DARAH—PENDERMA TEMPATAN

7. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kesihatan menyatakan sumber-sumber daripada mana bekalan darah diperolehi oleh bank darah kita, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan darah itu bebas daripada kuman-kuman AIDS serta juga nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah rakyat kita daripada menghidap penyakit AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, semua darah yang diperolehi oleh bank darah di sektor Kerajaan adalah daripada penderma-penderma

darah tempatan. Penderma-penderma darah ini adalah terdiri daripada tiga kumpulan:

- (i) Penderma darah yang datang sendiri ke bank darah secara sukarela untuk menderma darah.
- (ii) Daripada Unit Perkhidmatan Bergerak (Mobile Unit) yang melawat agensi-agensi Kerajaan, pejabat-pejabat swasta, kilang-kilang serta pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk mendapat bekalan darah; dan
- (iii) Melalui beberapa penderma darah tertentu yang dipanggil balik oleh bank darah melalui telefon ataupun surat. Itu kes-kes penderma darah yang istimewa.

Untuk memastikan semua darah yang digunakan adalah bebas daripada kuman virus AIDS, bank darah di seluruh negara cuba seboleh-bolehnya mengelak dari menerima penderma darah daripada mereka yang dari golongan berisiko tinggi terhadap penyakit AIDS, seperti homoseks, pelacur dan penagih dadah melalui suntikan. Selain daripada itu, semua darah yang didermakan adalah diuji untuk memastikan yang darah ini bebas daripada kuman virus AIDS.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit AIDS di Malaysia ialah:

- (i) Memberi maklumat dan pelajaran kesihatan dengan secukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit AIDS. Perkara yang ditekankan dalam makluman kesihatan ini adalah bagaimana penyakit AIDS merebak dan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh seseorang itu untuk

mencegah diri daripada diserang penyakit ini.

- (ii) Pembawa kuman AIDS (carriers) yang dikesan adalah juga diberi kaunselling perubatan terhadap penyakit AIDS, cara-cara ia merebak dan cara-cara jangkitannya boleh dielakkan.
- (iii) Semua hasil-hasil darah (blood products) yang dibeli adalah yang telah dirawat dengan bahang panas (heat treated). Pembelian ini juga dibuat melalui satu punca sahaja iaitu melalui Pembelian Pusat (Central Purchase).
- (iv) Mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman berkenaan penyakit AIDS, terutama dengan negara-negara jiran dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan boleh beri angka berkenaan carriers atau orang yang sudah kena penyakit AIDS. Tadi beliau ada kata ada beberapa langkah untuk memberi maklumat kepada rakyat tetapi saya nampak kempen maklumat itu sangat kurang dalam suratkhbar atau mass media atau television. Oleh sebab hal ini sangat mustahak dan pakar-pakar AIDS kata akan merebak, saya harap kempen ini ditingkatkan dan beri maklumat yang sesuai. Oleh sebab seks adalah satu faktor yang penting, adakah Kerajaan ada minat memaksa pemuda-pemudi kalau ada seks mesti memakai kondom-kondom atau lain-lain.

Dato' K. Pathmanaban: Yang ketiga dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kondom-kondom!

Dato' K. Pathmanaban: Susah payah untuk Kementerian memaksa sesiapa mengenai cara mana hendak adakan hubungan seks. Hanya Kerajaan dapat menasihati kepada mereka yang disyakki ataupun dikesan sebagai pembawa penyakit-penyakit bukan sahaja AIDS tetapi pembawa hepatitis B atau telah pun diserang oleh penyakit-penyakit kelamin dan sebagainya untuk mengambil atau mengamalkan perlindungan-perlindungan yang tertentu, ada macam-macam cara.

Mengenai angka-angka carrier AIDS, perkara ini sudah pun diumumkan secara luas. Pada masa ini saya rasa terdapat 6 orang pembawa kuman AIDS yang dikesan di Malaysia.

Mengenai kempen pendidikan kesihatan, memang saya dapat mengakui bahawa kempen ini boleh ditingkatkan dan Kerajaan sedang berusaha seboleh-bolehnya tetapi dalam perkara ini kita memerlukan sangat kerjasama daripada mass media, khasnya surat-suratkhabar dan juga daripada pengamal-pengamal perubatan melalui risalah-risalah yang boleh juga mereka mengedarkan di klinik-klinik mereka dan juga di tempat-tempat yang lain. Kerajaan sedang berusaha seboleh-bolehnya untuk menjalankan satu kempen pendidikan kesihatan yang berkesan dalam negara ini.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu secara kasar kedudukan penyakit AIDS di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan adakah ianya terkawal. Dari bilangan tadi yang disebut oleh Timbalan Menteri berkenaan yang terdapat bilangannya adalah 6. Di antara bilangan 6 adakah terlibat Sarawak dan Sabah?

Dato' K. Pathmanaban: Angka yang saya beri tadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk seluruh tanahair kita termasuk Sabah dan Sarawak. Pada masa ini tidak ada kes atau pembawa kuman AIDS di Sabah dan Sarawak. Satu kes yang dikesan telah pun meninggal dunia baru-baru ini di Sarawak.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan sekarang membuat peraturan mewajibkan keluarga pesakit yang terpaksa dimasukkan darah ke badannya supaya keluarganya mengganti darah yang digunakan. Bagaimana kalau pesakit yang tidak ada keluarga atau keluarganya sangat kurus atau yang tak patut diambil darahnya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat keperluan sebanyak lebih kurang 160,000 atau lebih pint darah untuk rawatan di kemudahan hospital-hospital. Pada masa ini sedikit lebih daripada setengah sahaja yang tampil untuk menderma darah secara sukarela, yang lainnya adalah sebagai pengganti kepada darah yang telah pun disumbangkan kepada ahli-ahli keluarga mereka. Pengganti ini tidak perlu daripada keluarga itu sendiri, mungkin tidak ada keluarga yang boleh mengganti darah dan mereka bolehlah membawa kawan-kawan; ada juga pihak-pihak daripada kilang-kilang yang dengan sukarela datang membantu kepada rakan-rakan mereka di pejabat atau kilang dan sebagainya. Harapan kita adalah untuk menghapuskan keperluan untuk kita minta replacement donor atau pengganti penderma darah kerana ini bawa banyak masalah, tetapi ini hanya dapat dibuat dengan penderma sukarela ditingkatkan lagi dengan lebih ramai lagi tampil ke hadapan untuk menderma darah.

BANK ISLAM—CAWANGAN

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) berapa banyakkah cawangan Bank Islam yang dirancang akan ditubuhkan di peringkat daerah pada tahun 1988 termasuk di Sabah dan Sarawak dan memandangkan perkembangan Bank yang positif adakah rancangan penubuhan Bank Islam di luar negeri; dan
- (ii) sehingga 31hb Disember, 1987 berapakah simpanan pelanggan dari segi simpanan akaun pelaburan, akaun semasa dan akaun simpanan dan berapakah jumlah penyimpanan dalam Bank Islam dan syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. pada tahun 1987.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1988 Bank Islam dijangka akan membuka 4 buah lagi cawangan di bandar-bandar berikut, iaitu Temerloh, Parit Buntar, Kemaman dan Batu Pahat. Di negeri-negeri lain sudah ada cawangan-cawangannya di setiap negeri sebuah satu melainkan di Kedah dan di Selangor. Terdapat satu cawangan juga di Kuching, Sarawak dan sebuah di Kota Kinabalu, Sabah. Setakat ini Bank Islam tidak mempunyai apa-apa rancangan lagi untuk menubuhkan cawangannya di luar negeri kerana matlamat utama penubuhan Bank Islam ialah untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank perdagangan atas landasan-landasan hukum-hukum Islam kepada semua umat Islam dan rakyat di negara ini sahaja.

Seperti pada 31hb Disember, 1987 Bank Islam telah pun menerima simpanan berjumlah sebanyak \$967.4 juta daripada 178,344 penyimpan. Pecahan mengikut jenis simpanan serta

bilangan penyimpan-penyimpan adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah Penyimpan</i>	<i>Jumlah Simpanan</i>
(i) Akaun Semasa	13,620 orang	\$128.2 juta
(ii) Akaun Simpanan	147,142 orang	\$132.2 juta
(iii) Akaun Pelaburan	17,582 orang	\$707 juta

Bagi Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. pula, seperti pada 31hb Disember, 1987 ia telah menerima sumbangan takaful sebanyak \$9.4 juta daripada 38,073 orang peserta.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui apakah perbezaan antara Bank Islam dengan bank-bank komersial yang lain terutama dari segi akaun simpanan dan akaun semasa. Misalnya adakah Bank Islam memberi faedah yang sama kepada para pelanggan yang mempunyai akaun simpanan seperti bank-bank yang lain.

Kedua, adakah benar dakwaan bahawa ada setengah-setengah orang bukan Islam tidak digalakkan untuk membuka akaun di Bank Islam.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, sebenarnya ada perbezaan besar di antara bank biasa dengan Bank Islam. Bank Islam tidak mengenakan faedah, tetapi mengenakan service charges yang berbeza besar di antara bank biasa dengan Bank Islam. Mengenai soalan kedua, dakwaan mengatakan bahawa rakyat bukan Islam tidak digalakkan menyimpan di dalam Bank Islam adalah tidak benar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana banyak lagi orang bukan Islam iaitu bukan Melayu yang belum faham dengan Bank Islam seperti Yang Berhormat dari Gopeng, apakah rancangan Bank Islam, langkah-langkah untuk menerangkan perkara

ini dengan lebih lanjut kepada masyarakat bukan Islam seperti mengeluarkan risalah-risalah dalam bahasa Tionghua.

Perkara yang kedua, memandangkan akaun pelaburan sebanyak \$707 juta merupakan satu angka yang kecil jika dibandingkan dengan pelaburan yang ada di bank-bank komersial. Apakah Kementerian Kewangan bercadang untuk menasihati ataupun mengarah agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai wang lebihan supaya menyimpan dalam akaun pelaburan di Bank Islam. Saya kira langkah ini amat sesuai memandangkan Bank Islam sudahpun mempunyai rangkaian yang luas dan saya sebagai Ahli Parlimen yang mewakili rakyat di Pasir Mas sukalah mengucapkan tahniah kepada Pengarah Urusan Bank Islam yang telah berjaya memimpin, menggerak Bank Islam sehingga ke tahap prestasi yang ada hingga pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak tentang ucapan yang diberi oleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia kilat buat ucapan untuk soalan yang diberi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:berupa ucapan sedikit tadi. Walau bagaimanapun, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Soalan pertama, tentu sekali Kementerian Kewangan sedang cuba mendapat kerjasama dari Bank Islam untuk membuat penerangan yang lebih luas untuk menerangkan kepada pihak-pihak yang kurang faham tentang faedah-faedah dan juga keuntungan-keuntungan yang mungkin terdapat dan akan terdapat dan sedang terdapat dalam sistem Bank Islam di Malaysia ini. Malah kita boleh mengatakan di sini bahawa

sistem Bank Islam sudah pun meningkat dari segi prestasinya daripada satu masa ke satu masa dan berkenaan dengan saranan Yang Berhormat meminta supaya Bank Islam dapat diberi keutamaan ataupun digalakkan disimpan dengan akaun pelaburannya supaya lebih tinggi lagi, Insya-Allah kita dapat jalankan tetapi perlulah mempunyai satu rancangan yang teliti supaya ia dapat mencapai tujuan yang telah pun kita tubuhkan Bank Islam tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN—KENAIKAN PANGKAT

9. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa hanya Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang benar-benar menunjukkan prestasi cemerlang sahaja dinaikkan pangkat, memandangkan sistem penilaian prestasi yang digunakan sekarang masih amat subjektif.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem penilaian prestasi yang digunakan sekarang ialah menyukat tahap pencapaian professionalisme serta juga keperibadian seseorang pegawai. Apabila ianya digabungkan dengan prinsip-prinsip kenaikan pangkat yang lain, seperti kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi, maka sudah tentu dapat memberi gambaran yang jelas terhadap pegawai yang hendak ditimbang untuk kenaikan pangkat itu.

SISTEM PENGANGKUTAN LAJU RINGAN

10. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang telah berlaku kepada rancangan-rancangan untuk membina sistem pengangkutan laju ringan bagi Kuala Lumpur dan dalam hubungan ini apakah keputusan yang telah diambil oleh pihak berkuasa berkenaan mengenai sistem yang akan dilaksanakan, sama ada ia Metrolink atau Aerobus atau Transit Laju Ringan dan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Sebagai rancangan jangka panjang untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam bagi menampung permintaan perkhidmatan pengangkutan awam yang semakin bertambah serta meringankan masalah kesesakan jalanraya di Metropolitan Kuala Lumpur, Kerajaan telah membuat keputusan untuk meluluskan tiga (3) jenis sistem pengangkutan awam iaitu sistem Transit Laju Ringan, Sistem Aerobus dan Sistem Metrolink.

Sistem Transit Laju Ringan bagi Metropolitan Kuala Lumpur telah dirancang supaya dilaksanakan secara berperingkat dalam lima fasa. Rangkaian laluan bagi lima fasa ini ialah sepanjang 52 km. Fasa pertama yang meliputi laluan dari Sentul ke Petaling Jaya sepanjang 18.5 km telah pun dijalankan kajian terperinci termasuk penyediaan draf dokumen kontrak. Pelaksanaan untuk fasa pertama yang ditangguhkan buat sementara ini oleh sebab kemelesetan ekonomi sedang ditimbang semula oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bagi fasa-fasa yang lain, kajian terperinci untuk menetapkan jajaran Transit Laju Ringan masih sedang dijalankan.

Bagi Sistem Aerobus yang diswastakan dan yang dirancang untuk memberi perkhidmatan komplementari kepada Sistem Transit Laju Ringan, satu "pilot line" sepanjang 4.5 km yang menyambungkan kawasan Jalan Bukit Bintang ke kawasan terminal bas Jalan Tun Razak telah pun dirancang. Bagi "pilot line" ini, kajian pelaksanaan projek serta dokumen-dokumen kontrak telah pun disediakan. Oleh kerana masalah kewangan, projek "pilot line" Sistem Aerobus ini masih belum dapat dilaksanakan oleh Syarikat Swasta yang telah dipilih oleh Kerajaan.

Sistem pengangkutan awam yang ketiga yang telah dirancang ialah Sistem Metrolink. Sistem ini yang juga diswastakan akan mempergunakan trak-trak lama Keretapi Tanah Melayu. Projek Sistem Metrolink ini masih dalam peringkat perancangan terperinci.

Sementara rancangan sistem-sistem pengangkutan awam tersebut tidak dapat dilaksanakan pada masa yang telah dirancang, Kerajaan telah pun mengambil usaha untuk mempertingkatkan mutu serta memperbaiki sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang sedia ada iaitu bas dan teksi sebagai langkah jangkamasa pendek.

Beberapa usaha dan tindakan seperti berikut telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan demi mencapai matalamat tersebut:

- (i) merancang dan menyediakan laluan-laluan perkhidmatan bas serta kemudahan-kemudahan perhentian bas dan teksi di kawasan-kawasan pembangunan baru seperti projek perumahan dan kompleks perdagangan;
- (ii) mengubahsuai laluan-laluan perkhidmatan bas yang sedia ada supaya perkhidmatan bas

itu dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan teratur;

- (iii) melaksanakan sistem penghentian teksi di pusat bandaraya;
- (iv) menyediakan kemudahan pondok menanti bas dan teksi yang bermutu tinggi dan selesai digunakan oleh penumpang-penumpang.

FAHAMAN ISLAM KEPADA BELIA-BELIA

11. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah setakat ini program-program Kementerian untuk mendedahkan kefahaman Islam kepada Belia-belia dan Kursus Kepimpinan Negara untuk masa depan.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam mempertingkatkan kefahaman keagamaan kepada belia supaya tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang tidak baik dengan berbagai cara antaranya dengan mengadakan Seminar Tamadun Islam peringkat Antarabangsa yang melibatkan beberapa buah negara Islam, konvensyen Dakwah Belia Kebangsaan serta seminar dakwah dan kepimpinan Islam peringkat zon dan peringkat negeri. Hasil dari seminar dan konvensyen tersebut beberapa resolusi telah dipersetujui dan resolusi-resolusi tersebut sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan.

Di samping itu di peringkat Kementerian telah diwujudkan satu Unit Agama yang dihaskan untuk mengendalikan program-program yang bercorak keagamaan dan hasilnya semua kursus-kursus anjuran Kementerian diselitkan dengan ceramah-ceramah agama, begitu juga

dengan Pusat-pusat Latihan Belia di seluruh negara yang mewajibkan pelajaran agama bagi semua pelatih yang beragama Islam.

PENERBANGAN ANTARA-BANGSA DARI KOTA KINABALU

12. Tuan Gerard Math Lee minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa bilangan penerbangan yang mempunyai hubungan antarabangsa yang terhad dan kesesakan penumpang yang terdiri dari penumpang tempatan antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur menjadikan Kota Kinabalu satu destinasi yang kurang diminati oleh pelawat asing;
- (ii) jika benar, adakah Kementerian berkenaan bercadang mengambil langkah-langkah mengatasinya; dan
- (iii) sama ada Kementerian berkenaan akan bertimbang membenarkan polisi "open skies" di Sabah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Adalah tidak benar bilangan penerbangan yang mempunyai hubungan antarabangsa yang terhad dan kesesakan penumpang yang terdiri dari penumpang-tempat tempatan antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur menjadikan Kota Kinabalu destinasi yang kurang diminati oleh pelawat asing. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu mempunyai hubungan antarabangsa dengan Hong Kong, Taipeh, Seoul, Singapura, Manila dan Bandar Seri Begawan. Berdasarkan kepada purata muatan penumpang (average load factor) bagi penerbangan-penerbangan yang diadakan 6 bulan kebelakangan ini Kementerian Pengangkutan

mendapati kapasiti yang sedia ada mencukupi. Umpamanya purata muatan penumpang bagi sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu adalah 83.1%, bagi sektor Hong Kong-Kota Kinabalu adalah 73.9% dan sektor Singapura-Kota Kinabalu didapati 68.9%. Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan purata muatan penumpang yang tinggi di atas sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, Penerbangan Malaysia bercadang menambah dua lagi penerbangan. Yang pertama akan dilancarkan mulai April, 1988 dan yang kedua mulai November 1988. Sukacita saya memberi jaminan bahawa Kementerian Pengangkutan akan terus mengawasi purata muatan penumpang ke dan dari Kota Kinabalu dan jika keadaan memerlukan, kapasiti tambahan akan disediakan.

Kementerian Pengangkutan sememangnya mengamalkan dasar "open skies" bagi penerbangan "inclusive tour charters" ke tempat-tempat di Malaysia. Dengan adanya dasar ini, syarikat-syarikat penerbangan asing boleh memohon kebenaran untuk mengadakan perkhidmatan secara sewa khas pada bila-bila masa bagi tujuan membawa masuk pelancong-pelancong asing.

TABUNG NEGARA DISATUKAN

13. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah semua jumlah wang di dalam Tabung Negara Disatukan (National Consolidated Fund) bagi tahun 1987; dan dari jumlah tersebut berapakah yang disumbangkan oleh Sarawak dan Sabah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah-langkah akhir bagi menutup akaunnya bagi tahun 1987 dan untuk mengemukakan Akaun Awam 1987 kepada pihak audit sebelum 31 Julai 1988, seperti yang

dikehendaki mengikut undang-undang. Oleh demikian, angka-angka muktamad bagi Kumpulanwang Persekutuan Yang Disatukan (Federal Consolidated Fund) bagi tahun 1987 masih belum diperolehi.

Bagaimanapun, berasaskan angka-angka permulaan yang belum diaudit, Kumpulanwang Persekutuan Yang Disatukan telah mencatat defisit sebanyak \$1,850 juta bagi tahun 1987. Dari jumlah ini, defisit \$172.6 juta adalah berpunca dari Sarawak dan \$22.3 juta dari Sabah.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN KE EROPAH/ AMERIKA/TIMUR TENGAH

14. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah kesan daripada rombongan-rombongan penggalak pelaburan yang telah melakukan lawatan ke negara-negara Eropah, Amerika dan Timur Tengah;
- (b) berapa buah pelabur dari negara-negara yang dilawati telah bersetuju untuk membuat pelaburan di Malaysia dan jumlah keseluruhan pelaburan yang telah dijanjikan oleh pelabur-pelabur berkenaan; dan
- (c) sama ada Sabah juga dimasukkan di dalam senarai negeri-negeri yang akan mendapat faedah hasil dari lawatan penggalak pelaburan itu.

Tuan M. G. Pandithan:

- (a) Kesan daripada lawatan rombongan galakan pelaburan ke negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Timur Tengah telah dapat menimbulkan minat para

pelabur yang berpotensi dari negara-negara berkenaan untuk melabur di negara kita dan sambutan yang diberikan oleh mereka amat menggalakkan. Kini mereka telah faham tentang wujudnya peluang-peluang pelaburan yang boleh diterokai di negara kita, galakan pelaburan yang ditawarkan oleh Kerajaan, penyertaan ekuiti asing, pengambilan pekerja ekspatriat dan penyelarasan prosedur-prosedur pentadbiran bagi mempercepatkan penubuhan projek-projek perindustrian.

- (b) Sebagaimana yang telah saya katakan tadi pelabur-pelabur dari negara-negara tersebut telah menunjukkan minat untuk melabur di negara kita. Walau bagaimanapun mereka memerlukan sedikit masa untuk merancang dan meneliti secara mendalam akan cadangan projek mereka serta tawaran yang diberikan oleh Kerajaan kita sebelum mereka membuat sebarang keputusan muktamad. Secara tidak langsung gambaran kejayaan lawatan rombongan tersebut dapat dilihat daripada perangkaan-perangkaan jumlah ekuiti asing dari negara-negara berkenaan dalam projek-projek di sektor perkilangan yang telah diluluskan dari tahun 1980 hingga 1987 seperti berikut:

	<i>Juta M\$</i>
Eropah	718.0
Amerika Syarikat ..	250.2
Timur Tengah ..	29.3
Jumlah ..	997.5

Sayugia dinyatakan, pelaburan asing dari negara-negara berkenaan adalah lebih tinggi daripada angka yang telah saya sebutkan jika dicampurkan ekuiti dengan modal pinjaman mereka.

- (c) Pada kebiasaannya, wakil-wakil dari Kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak swasta adalah diundang untuk menyertai rombongan-rombongan sedemikian. Ini akan dapat memberi peluang dan faedah kepada negeri-negeri berkenaan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri-negeri mereka.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU

15. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian memberitahu apakah yang dikatakan Projek Raksaksa seluruh Malaysia bagi pembangunan ekonomi pertanian desa dan bilakah projek seperti ini akan dilancarkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tidak ada Projek Raksaksa yang dirancang oleh Kementerian Pertanian. Projek-projek yang ada, yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membangunkan ekonomi pertanian desa adalah merupakan projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADPs).

Strategi Pembangunan Pertanian Bersepadu mengutamakan integrasi dan kesepaduan aktiviti di antara pelbagai Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian. Penekanan bersepadu ini diperlukan dalam penyediaan kemudahan infrastruktur pertanian (seperti pembinaan jalan-jalan ladang, jalan masuk, perparitan, tebatan banjir dan jambatan), khidmat sokongan, kemudahan kredit dan

pemasaran serta kemudahan-kemudahan sosial yang berkaitan. Pada lazimnya kawasan-kawasan pembangunan pertanian yang dipilih adalah kawasan-kawasan yang sudah ada dan yang dianggap mundur tetapi mempunyai potensi untuk dimajukan.

Kesemuanya terdapat 15 projek pembangunan pertanian yang sedang dikendalikan secara bersepadu yang membabitkan keluasan kawasan sebanyak 4,676,788 hektar. Bilangan keluarga tani yang akan menerima faedah daripada projek-projek pembangunan pertanian ini nanti adalah seramai 265,363 keluarga tani. Jumlah kos projek-projek yang dijalankan ini adalah sebanyak 3,269.98 billion.

Dua projek pertanian seperti tersebut telah dilancarkan di Sarawak pada tahun 1986 iaitu di Sungai Samarahan dan di Kalaka-Saribas. Projek pembangunan pertanian di Sg. Samarahan meliputi kawasan seluas 86,000 ha. dan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) sejumlah \$40 juta telah diperuntukkan untuk projek ini. Seramai 8,000 keluarga tani akan mendapat manfaat daripada projek ini. Projek di Kalaka-Saribas pula meliputi kawasan seluas 157,800 ha. dan sejumlah \$40 juta juga telah diperuntukkan dalam RML dan seramai 6,200 keluarga tani akan menikmati faedah daripada projek pembangunan pertanian ini.

HIDUPAN LIAR

16. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihak PERHILITAN telah membuat satu kajian yang menyeluruh berkenaan spesis-spesis Penghidupan Liar yang diberi perlindungan dan jika ada:

- (i) berapakah bilangan hidupan liar seperti gajah, harimau belang, harimau bintang, badak kerbau, tapir dan

beruang yang dianggarkan masih ada di negara ini, serta

- (ii) pembahagian jumlah tersebut mengikut kawasan perhutanan di seluruh negara.

Tuan Law Hieng Ding: Di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, terdapat banyak hidupan liar yang diperindungi. Ini termasuk 80 spesis binatang liar dan 551 spesis burung liar. Sungguhpun pihak Jabatan mempunyai perancangan untuk membuat kajian untuk setiap spesis hidupan liar ini, tetapi dengan jumlah yang begitu banyak, ianya memerlukan masa yang panjang di samping keperluan-keperluan lain seperti kakitangan dan alat-alat seperti komputer. Oleh yang demikian, pihak Jabatan PERHILITAN pada peringkat permulaannya telah membuat kajian terhadap spesis-spesis tertentu sahaja mengikut keutamaan ataupun kepentingan ini adalah berdasarkan antara lain kepada aspek-aspek seperti jumlah populasinya yang mungkin menghadapi bahaya kepupusan ataupun spesis-spesis yang mendatangkan masalah seperti gajah. Kajian bagi spesis-spesis lain yang diperindungi akan dibuat kemudiannya. Bagi setiap kajian yang dilakukan terhadap sesuatu spesis hidupan liar, ianya akan meliputi semua aspek spesis tersebut seperti pemakanan, pembiakan cara hidup, tempat hidup, "home-range" dan sebagainya.

- (i) Anggaran bilangan bagi setiap spesis Gajah, Badak Kerbau dan Harimau Belang yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Spesis Hidupan Liar</i>	<i>Anggaran Bilangan</i>
Badak Kerbau	67-109 ekor
Gajah ..	800-1,000 ekor
Harimau ..	300-650 ekor

Bagi spesies tapir pula, anggaran bilangannya tidak ada, tetapi dipercayai populasinya masih lagi banyak terdapat di hutan-hutan Semenanjung Malaysia. Bagi Harimau Bintang dan Beruang, bilangannya rendah dan jarang dijumpai.

- (ii) Berkenaan dengan pembahagian jumlah gajah, badak kerbau dan harimau belang di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, senarai bilangan adalah terlalu panjang dan saya minta kebenaran untuk memberi jawapannya secara bertulis.

PELABURAN MALAYSIA—ARAB

17. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana hasil kehadiran ahli-ahli perniagaan Arab ke Malaysia dalam satu seminar yang dianjurkan oleh badan swasta akhir tahun 1987 lalu. Apakah sambutan ahli-ahli perniagaan tempatan dan apakah program-program yang diatur itu memberi kesan yang positif.

Tuan M. G. Pandithan: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Persidangan Perdagangan dan Pelaburan Malaysia—Arab yang diadakan pada November, 1987 telah dianjurkan oleh badan swasta. Ahli-ahli perniagaan tempatan telah memberi sambutan yang memuaskan. Pihak usahawan-usahawan Malaysia dan Arab telah dapat mengadakan perbincangan-perbincangan dan bertukar-tukar pendapat mengenai peningkatan perdagangan dan pelaburan.

Program-program yang disediakan oleh pihak penganjur dalam persidangan tersebut amatlah memuaskan dan memberi kesan yang

baik. Para peserta khususnya telah dapat memahami lebih mendalam lagi akan keadaan di negara serta peluang-peluang pelaburan yang boleh diterokai.

TELEFON—SISTEM BIL TERPERINCI

18. Tuan Sam Son Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada langkah-langkah perlu telah diambil untuk mempercepatkan sebarang resolusi berjawab atau jawapan bagi mengatasi masalah tuntutan yang telah dilaporkan oleh pelanggan telefon mengenai kesukaran pihak awam memahami sistem bil dan akaun Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Semenjak Syarikat Telekom Malaysia Bhd (STM) melancarkan sistem bil telefon terperinci bagi sebahagian ibusawat di Kawasan Tengah, iaitu Wilayah Persekutuan dan Selangor mulai bulan Julai 1987, pelbagai tindakan telah diambil oleh pihak STM bagi memastikan semua pelanggan memahami secara mendalam mengenai sistem bil dan akaun. Langkah-langkah yang telah diambil terdiri dari:

- (i) Mengepilkan bersama-sama dengan bil-bil telefon yang dihantar kepada semua pelanggan, risalah-risalah tentang sistem bil terperinci.
- (ii) Menyebar seluas-luasnya penerangan lanjut melalui poster-poster yang dapat dilihat di semua Kedai Telekom.
- (iii) Mendedah dan melengkap setiap kakitangan yang bertugas di kedai Telekom dan Pejabat Tempatan dengan maklumat yang terperinci mengenai sistem ini.

- (iv) Menjawab semua kemuskilan-kemuskilan yang diterima dari pelanggan-pelanggan sama ada ianya secara bersurat atau melalui panggilan telefon.
- (v) Meminta kerjasama pihak-pihak akhbar membuat liputan tentang sistem ini atau menyiarkan jawapan-jawapan STM terhadap aduan-aduan dari orang ramai yang tersiar dalam akhbar-akhbar.

Saya sesungguhnya berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak STM sehingga sekarang ini dan ternyata ianya sangat berkesan. Buktinya adalah jelas dan jika kita kaji perangkaan-perangkaan mengenai aduan-aduan dari pelanggan tentang sistem bil terperinci sejak ianya dilancarkan dalam bulan Julai 1987 kita akan nampak bahawa aduan-aduan ini telah berkurangan dengan banyaknya. Umpamanya, bilangan aduan pada bulan Julai 1987 adalah 1396 sementara pada bulan Disember 1987 angkanya

adalah 777. Ini bermakna sungutan dan aduan dari pelanggan-pelanggan telah menurun sebanyak 55.6% dalam tempoh masa 6 bulan sahaja. Ini adalah satu petanda yang baik dan menunjukkan bahawa langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak STM mempunyai kesan.

PENYAKIT KOLERA—KEMATIAN

19. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah kes-kes penyakit cholera yang dikesan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah bagi tempoh 1986, 1987 dan sehingga 29-2-1988. Berapakah kes kematian yang telah dilaporkan dalam masa yang sama. Apakah rancangan-rancangan kerajaan untuk mencegah penyakit seperti ini merebak.

Dato' K. Pathmanaban: Bilangan kes dan kematian penyakit kolera yang dilaporkan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun/ Negeri</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>		<i>Sarawak</i>		<i>Sabah</i>	
	<i>Bil. Kes</i>	<i>Kematian</i>	<i>Bil. Kes</i>	<i>Kematian</i>	<i>Bil. Kes</i>	<i>Kematian</i>
1986	14	2	10	0	31	0
1987	569	4	15	1	48	4
1988 (Sehingga 29-2-1988)	49	0	10	0	159	2

Rancangan-rancangan untuk mencegah penyakit kolera dari merebak ialah seperti berikut:

- (a) Langkah-langkah segera untuk mengawal wabak:
- (i) Menyiasset dengan segera kes-kes yang dilaporkan dan memusnahkan punca-punca penyakit

sebaik-baik sahaja ianya diketahui.

- (ii) Mengasingkan dan merawat semua pesakit di hospital-hospital dan pesakit hanya dibenarkan pulang setelah rawatan sepenuhnya diberi.

- (iii) Memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai yang bertujuan untuk menasihatkan mereka supaya tahu cara-cara jangkitan penyakit kolera dan cara mengelakkan daripada terkena penyakit berkenaan.
- (b) Langkah-langkah yang paling berkesan untuk mencegah wabak dari berlaku ialah:

- (i) Strategi utama dan yang paling mustahak dan berkesan untuk mencegah berlakunya wabak kolera ialah dengan menyediakan bekalan air yang bersih dan tandas yang sempurna kepada orang ramai.

Kementerian Kesihatan bekerja rapat dengan Jabatan Kerja Raya dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air bersih diberi kepada kawasan-kawasan yang dilanda oleh wabak kolera dan tifoid.

Di mana Jabatan Kerja Raya tidak dapat menyediakan bekalan air, Kementerian Kesihatan menyediakan bekalan air yang bersih dan selamat sebagai langkah sementara kepada penduduk-penduduk luar bandar. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga menyediakan tandas-tandas sempurna kepada mereka.

- (ii) Strategi kedua ialah memperbaiki mutu makanan

penyediaan makanan yang dijual kepada orang ramai, kebersihan gerai-gerai dan restoran-restoran, amalan kebersihan diri penjaja-penjaja serta pengendali-pengendali makanan dan kesedaran pengguna-pengguna terhadap makanan yang dibeli. Ianya dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

PENGGANAS KOMUNIS SHAMSIAH FAKEH

20. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menimbangkan dan seterusnya memberi kebenaran kepada Shamsiah Fakeh Ketua Wanita Komunis yang beruraura hendak balik ke Malaysia;
- (b) apakah langkah-langkah positif yang telah dan akan diambil bagi membawa balik Ketua Wanita Komunis itu; dan
- (c) di manakah Rashid Maiden sekarang ini menetap (berada) adakah ia juga menghubungi Kementerian Dalam Negeri untuk menyatakan hasratnya kembali ke Tanahair. Kalau ada, apakah reaksi Kementerian dalam hal ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kes Shamsiah Fakeh akan dilayan sama seperti kes-kes pengganas komunis yang lain yang ingin menyerah diri. Sekiranya beliau balik ke Malaysia beliau akan ditangkap dan dikehendaki menjalani pemulihan semasa dalam tahanan. Beliau akan dibebaskan

hanya apabila Kerajaan berpuashati beliau tidak lagi memudaratkan keselamatan negara.

Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa langkah untuk membawanya balik ke Malaysia.

Rashid Maiden sekarang bergerak di daerah Weng, Selatan Thailand. Beliau tidak pernah menghubungi Kerajaan untuk menyatakan hasratnya untuk kembali ke Malaysia.

PERIKANAN LAUT DALAM OLEH NELAYAN

21. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pertanian menyatakan keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan dan nelayan-nelayan tempatan dengan wujudnya perikanan laut dalam oleh nelayan-nelayan luar negeri. Apakah jaminan keselamatan kepada nelayan-nelayan tempatan dengan kehadiran nelayan-nelayan luar negeri.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kerajaan tidak pernah meluluskan lesen menangkap ikan laut dalam kepada nelayan-nelayan asing. Mereka hanya diberi permit bekerja di atas bot-bot yang dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia disebabkan oleh kekurangan tenaga tempatan buat masa ini. Keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan dan nelayan-nelayan tempatan dengan wujudnya perikanan laut dalam oleh nelayan-nelayan luar negeri ialah pendedahan nelayan-nelayan tempatan kepada cara atau penggunaan peralatan menangkap yang moden. Ini akan mengakibatkan pemindahan teknologi dan penukaran kepakaran daripada nelayan asing kepada nelayan-nelayan tempatan.

Pendedahan tersebut di atas akan dapat menukar sikap nelayan-nelayan tempatan supaya mereka rela bekerja di laut dalam dengan lebih cekap, bersemangat dan tahan lasak. Penggunaan nelayan-nelayan asing

ini juga akan dapat membantu Kerajaan untuk memesatkan lagi pembangunan industri perikanan laut dalam di negara ini, oleh kerana pada masa ini masih lagi terdapat kekurangan kemahiran dan tenaga kerja tempatan memandangkan ianya adalah bidang baru ketika ini, Untuk menjamin keselamatan nelayan-nelayan tempatan, Kerajaan sedang mempertingkatkan lagi kegiatan rondaan di laut dari masa ke semasa dengan wujudnya Pusat Penyelarasan dan Penguatkuasaan Maritim di Lumut. Di samping itu, bot-bot menangkap ikan tempatan dilengkapi dengan alat-alat keselamatan dan alat-alat perhubungan supaya mereka dapat menghubungi agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan apabila mereka memerlukan pertolongan.

BUKU ISLAM DITERJEMAHKAN KE BAHASA MALAYSIA

22. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah serta senarai tajuk dan penulis buku-buku Islam yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia yang dihasilkan oleh Sarjana atau Ahli Fikir Islam yang asal dalam Bahasa Arab atau Inggeris oleh DBP setakat ini bagi tujuan mempertingkatkan kefahaman Islam di kalangan semua peringkat masyarakat kita.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tajuk buku-buku Islam yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia setakat ini ialah 19 judul, manakala 42 judul sedang diusahakan terjemahannya untuk diterbitkan.

Senarai tajuk dan penulis buku-buku tersebut adalah terlalu panjang untuk dibacakan dan oleh itu saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk disampaikan senarai tersebut secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

SENARAI JUDUL TERBIT

<i>Bil.</i>	<i>Judul</i>	<i>Penulis</i>	<i>Karya Asal</i>
1.	Dhuha Al-Islam 2	Dr Ahmed Amin	Arab
2.	Benteng Aqidah Islam	Muhamad Al-Tarabulshi	Arab
3.	Kajian Al-Quran	Dr Subli Saleh	Arab
4.	Dhuha Al-Islam I	Dr Ahmed Amin	Arab
5.	Dhuha Al-Islam 3	Dr Ahmed Amin	Arab
6.	Islam Sepanjang Zaman	Dr Ahmed Amin	Arab
7.	Ilmu Pendidikan Islam	Muhamad Saleh Samah	Arab
8.	Fajar Islam	Dr Ahmed Amini	Arab
9.	Mutiara Al-Quran Imam Al-Ghazali	Dr Muhamad Abu Qassim	Arab
10.	Pemberontakan Abbasiyyah	H. S. Shaban	Arab
11.	Prinsip Akhlak Berdasarkan Al-Quran	Muhamad Abdullah Derraz	Arab
12.	Arab Dari Segi Sejarah	Benerd Lewis	English
13.	Sejarah Islam Satu Interpretasi Jilid 1	H. S. Shaban	Arab
14.	Sejarah Islam Satu Interpretasi Jilid 2	H. S. Shaban	Arab
15.	Sejarah Hidup Nabi Muhammad	Muhamad Husain Heikal	Arab
16.	Puasa Dan Iktikaf Dalam Islam	Hassan Muhamad Ayub Al-Quwait	Arab
17.	Penyelamat Dari Kesesatan	Imam Al-Ghazali	Arab
18.	Al-Faruqi	Al-Faruqi	Arab
19.	Kertas Kerja Al-Faruqi	Al-Faruqi	Arab
12.	Curriculum and Teachers	Hodder and Stoughton	English
13.	Islamic Cosmological Doctrine	Shambala Publication Inc.	English
14.	Islamic Medicine	Routledge & Kegan Paul	English
15.	Kajian Dasar Politik Islam (Dirasat fi Minhaj Islami Al-Siyasi)	Muassah al-Risalah	Arab
16.	Ringkasan Mazhab Syiah Imam Dua Belas	P. Shah Wahullah Al-Dahlawi	Arab
17.	The Islamic Theory of Inter Relations	P. Dr Abdul Hamid Abu Sulaiman Pen: Inst. of Islamic Thought	English
18.	Islamization of Knowledge	P. Ismail Al-Faruqi Pen: IIIT	English
19.	Islam and Secularism	P. Prof. Sayed M. Naquib Pen: ABIM	English
20.	(Sejarah Pemikiran Politik Islam) Al-Nazariet Al-Siasiyah Al-Islamiyah	Dr Muhammad Diauddin	Arab
21.	Studies in Hadith Methodology and Literature	Muhammad Azam Mustafa	English
22.	The Muslim Contribution to Mathematics	Ali Abdullah Al-Daffa	English
23.	Asas Kekeluargaan Islam	Hassan Salleh	Arab
24.	Encyclopedia of Seerah—Jld. V	The Muslim Schools Trust	English
25.	Hujjah Al-Sunnah	Abdul Ghani Abdul Khaliq	Arab
26.	Landlerd and Peasant in Early Islam	Ziaul Haque	English
27.	Mausu'ah al-Iqtisad Al-Islamiy	Muhammad Abdullah	Arab
28.	Saviours of Islamic Spirit	S. Abul Hasan Ali	English
29.	Muhamad—Man of Allah	Prof. Dr Sayyed Hossein Nasr	English
30.	Al-Fiqh al-Islami Jilid I	Dar al-Fikr	Arab
31.	Al-Fiqh al-Islami Jilid II	Dar al-Fikr	Arab
32.	Al-Fiqh al-Islami Jilid III	Dar al-Fikr	Arab
33.	Al-Fiqh al-Islami Jilid IV	Dar al-Fikr	Arab
34.	Al-Fiqh al-Islami Jilid V	Dar al-Fikr	Arab
35.	Al-Fiqh al-Islami Jilid VI	Dar al-Fikr	Arab
36.	Al-Fiqh al-Islami Jilid VII	Dar al-Fikr	Arab
37.	Al-Fiqh al-Islami Jilid VIII	Dar al-Fikr	Arab
38.	Fiqh al-Zakat Jilid I	Muassasah al-Risalah	Arab
39.	Fiqh al-Zakat Jilid II	Muassasah al-Risalah	Arab

SENARAI JUDUL YANG SEDANG DIUSAHAKAN

<i>Bil.</i>	<i>Judul</i>	<i>Penulis</i>	<i>Karya Asal</i>
1.	Encyclopedia Sierah-Jilid I	The Muslim Schools Trust	English
2.	Encyclopedia Sierah-Jld. II	The Muslim Schools Trust	English
3.	Encyclopedia Sierah-Jld III	The Muslim Schools Trust	English
4.	Encyclopedia Sierah-Jld. IV	The Muslim Schools Trust	English
5.	Aims and Objectives of Islamic Education	Hodder and Stoughton	English
6.	Al-Ahkam al-Adliyah	Tiada penerbit (Naskah lama)	Arab
7.	Muslim Economic Thinking	Islamic Foundation	English
8.	Islamic Futures	Mansell	English
9.	Social and Natural Sciences: The Islamic Perspektif	Hodder and Stoughton	English
10.	Crisis In Muslim Education	Hodder and Stoughton	English
11.	Science and Civilization in Islam	Harvard University Press	English
27.	Mausu'ah al-Iqtisad Al-Islamiy	Muhammad Abdullah	Arab
28.	Saviours of Islamic Spirit	S. Abul Hasan Ali	English
29.	Muhamad—Man of Allah	Prof. Dr Sayyed Hossein Nasr	English
30.	Al-Fiqh al-Islami Jilid I	Dar al-Fikr	Arab
31.	Al-Fiqh al-Islami Jilid II	Dar al-Fikr	Arab
32.	Al-Fiqh al-Islami Jilid III	Dar al-Fikr	Arab
33.	Al-Fiqh al-Islami Jilid IV	Dar al-Fikr	Arab
34.	Al-Fiqh al-Islami Jilid V	Dar al-Fikr	Arab
35.	Al-Fiqh al-Islami Jilid VI	Dar al-Fikr	Arab
36.	Al-Fiqh al-Islami Jilid VII	Dar al-Fikr	Arab
37.	Al-Fiqh al-Islami Jilid VIII	Dar al-Fikr	Arab
38.	Fiqh al-Zakat Jilid I	Muassasah al-Risalah	Arab
39.	Fiqh al-Zakat Jilid II	Muassasah al-Risalah	Arab

Bil.	Judul	Penulis	Karya Asal
40.	Fitnah Besar	Taha Husin	Arab
41.	Wahyu Ilahi	Rashid Rida	Arab
42.	Ruh Islam	Syed Ameer Ali	Arab

SISTEM LATIHAN DAN LAWATAN KEPADA PETANI

23. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah telah tercapai pelaksanaan Sistem 2L yang telah dimulakan pada tahun 1977 hingga ke hari ini kepada petani-petani khususnya di luar bandar.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Sistem 2L, singkatakan dari Sistem Latihan dan Lawatan telah mulai dilaksanakan sebagai projek perintis dalam tahun 1977 di Projek Kelantan Utara di bawah biayaan Bank Dunia. Setelah didapati Sistem 2L ini mencapai kejayaan di Negeri Kelantan ianya diperluaskan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak.

Sistem ini merupakan satu mekanisma pemindahan teknologi pertanian kepada petani-petani melalui kumpulan-kumpulan tani dengan menggunakan kontak tani. Pada prinsipnya sistem ini adalah teratur dan sistematik di mana aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengikut perancangan dan jadual yang tertentu.

Kejayaan

Sebagai satu sistem penyampaian teknologi yang dipelupori oleh Jabatan Pertanian pelaksanaan Sistem 2L telah menunjukkan beberapa kejayaan terutama sekali dalam tiga aspek iaitu aspek-aspek pembangunan manusia, peningkatan hasil pertanian dan penubuhan ladang-ladang berkelompok.

Pembangunan Manusia

Pelaksanaan sistem ini telah berjaya memberi keyakinan kepada petani-petani bahawa usaha-usaha bertani dengan cara kumpulan itu mempunyai banyak faedah seperti:

- mendedahkan petani-petani kepada kaedah bekerja dalam kumpulan.
- memberi peluang kepada petani-petani yang berkebolehan untuk memimpin petani-petani lain.
- menggalakkan semangat berlumba-lumba untuk maju di kalangan petani-petani dan memupuk sikap positif terhadap kerja-kerja pertanian dan semangat motivasi di kalangan mereka.

Melalui sistem ini jumlah kumpulan tani yang ditubuh hingga sekarang ialah 7,612 kumpulan yang terdiri dari 474,400 keluarga tani. Dari angka ini sebanyak 45,700 orang kontak tani telah dipilih

Peningkatan Hasil Pertanian

Pada keseluruhan hasil tanaman-tanaman yang diusahakan oleh petani-petani telah meningkat disebabkan oleh teknologi-teknologi moden yang diamalkan oleh petani-petani dengan bimbingan dan tunjuk ajar dari pekerja-pekerja pengembangan. Di antara jenis-jenis tanaman yang menunjukkan penambahan hasil adalah seperti berikut:

Padi

Setengah-setengah tempat seperti di Tanjung Karang terdapat hasil tertinggi sehingga 6 tan metrik padi sehektar.

Koko (berat basah)

Dari 348.9 kg/ha. kepada 364.0 kg/ha.

Penubuhan ladang-ladang berkelompok

Satu lagi kejayaan yang boleh dibanggakan ialah kerana sistem ini dapat menghasilkan 2,248 ladang berkelompok di seluruh negara yang melibatkan berbagai-bagai jenis tanaman koko, padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Bilangan peserta terlibat ialah 79,922 orang yang mengusahakan seluas 58,100 hektar tanah.

BARANGAN MAKANAN YANG DIIMPORT

24. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa nilai barangan makanan yang diimport telah

dikurangkan. Sila berikan angka-angkanya yang terperinci dan sila beri perbandingan nilai di antara barangan makanan yang diimport dan dieksport untuk tahun 1985 hingga 1987. Apakah usaha-usaha penyelidikan lanjut untuk memastikan bekalan buah-buahan bermusim seperti rambutan, manggis, durian dan lain-lain didapati sepanjang tahun.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Nilai barangan makanan yang diimport telah berkurangan dari sebanyak \$3,063,956,100 pada tahun 1985 kepada \$2,914,222,400 pada tahun 1986 dan naik sedikit kepada \$2,942,787,200 pada tahun 1987 secara anggaran.

Perbandingan nilai di antara barangan makanan yang diimport dan dieksport untuk tahun 1985 hingga 1987 adalah seperti berikut:

	<i>Import</i>	<i>Peratus Perubahan</i>	<i>Eksport</i>	<i>Peratus Perubahan</i>	<i>Imbangan (Perbezaan)</i>
1985	\$3,063,956,100		\$1,662,116,200		-\$1,401,839,900
1986	\$2,914,222,400	-4.9	\$1,964,482,300	18.2	-\$ 949,740,100
1987 (anggaran)	\$2,942,787,200	1.0	\$2,423,616,000	23.3	-\$ 519,171,200

Untuk mendapatkan buah-buah bermusim mengeluarkan hasil sepanjang tahun bukanlah satu perkara yang mudah. Walau bagaimanapun, MARDI sedang berusaha menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan teknologi yang mungkin membolehkan bekalan buah-buahan bermusim didapati sepanjang tahun. Di antara penyelidikan yang dijalankan ke arah ini ialah:

- (a) Pemilihan benih-benih yang boleh memanjangkan musim buah-buahan tertentu.

- (b) Mengenalpasti agroiklim mikro yang mempengaruhi pengeluaran buah-buahan tertentu.
- (c) Menguji cara-cara pengaruh jenis-jenis buah-buahan ini.
- (d) Memanipulasi persekitaran jenis tanaman untuk menggalakkan pengeluaran buah-buahan ini.

Insyallah suatu masa nanti Malaysia akan dapat mengeluarkan buah-buahan bermusim di sepanjang tahun.

PAPAN IKLAN UMNO

25. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Pendaftaran Pertubuhan telah mengarah Papan Iklan UMNO Cawangan atau Bahagian diturun dan dilucutkan jawatan ketua-ketua UMNO dan juga didakwa di bawah peraturan-peraturan Akta Pertubuhan 1966 sejak UMNO telah diisytiharkan sebagai parti politik yang haram oleh Mahkamah Tinggi di dalam Suit yang difailkan terhadap UMNO, jika tidak, sila berikan alasan-alasannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Akta Pertubuhan 1966 memperuntukkan sekiranya sesebuah pertubuhan itu dibatalkan maka dengan sendirinya pemegang-pemegang jawatan di dalam pertubuhan itu akan terlucut jawatannya. Di samping itu pihak pertubuhan sendiri hendaklah menurunkan apa-apa jua lambang dan iklan yang boleh menunjukkan pertubuhan itu masih wujud.

GURU DAN PEGAWAI PENDIDIKAN—KENAIKAN PANGKAT

26. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada garis panduan kenaikan pangkat Guru-guru dan Pegawai Pendidikan baru-baru ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya ataupun menghadapi kesulitan. Berapakah jumlah guru-guru dan pegawai pendidikan yang terlibat dengan kenaikan pangkat dan berapa banyakkah perbelanjaan yang terlibat berikutan dengan kenaikan pangkat itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan berhubung dengan tatacara kenaikan pangkat yang ditetapkan telah dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam urusan kenaikan

pangkat yang dijalankan baru-baru ini. Dalam urusan berkenaan, jumlah guru dan pegawai pendidikan yang telah diluluskan pemangkuannya bagi tujuan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Jumlah</i>
1.	PPP Kategori C	7,860
2.	PPP Kategori D	764
	Jumlah	8,624

Berhubung dengan jumlah perbelanjaan yang terlibat berikutan dengan urusan kenaikan pangkat berkenaan adalah dianggarkan sebanyak \$6 juta.

WANG KERTAS CONTOH \$50 YANG HILANG

27. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana Bank Negara hilang 300 spesimen ringgit \$50 dan bolehkah beliau menyatakan bagaimanakah dan berapa banyak ringgit spesimen itu dibawa masuk ke dalam negara ini dan bagaimanakah Bank Negara boleh hilang begitu banyak wang seumpama itu dan nyatakan sama ada satu siasatan telah dijalankan ke dalam perkara ini dan sama ada apa-apa penangkapan telah dibuat setakat ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 300 keping wang kertas contoh \$50 yang telah didapati hilang baru-baru ini adalah merupakan sejumlah wang kertas contoh yang dikirimkan oleh pencetaknya di United Kingdom kepada Bank Negara Malaysia melalui pos berdaftar. Wang kertas tersebut telah dianggap hilang dalam perjalanan pos memandangkan pihak berkuasa pos di sini tidak mempunyai rekod penerimaan pos berdaftar yang berkaitan dengan pengiriman wang contoh tersebut. Pengiriman wang contoh secara pos berdaftar itu adalah merupakan

amalan biasa dan semua pengirimnya sebelum ini telah diterima dengan selamat oleh Bank Negara Malaysia.

Kes kehilangan ini sedang diasiat oleh pihak polis dan sehingga ini seorang awam telah ditangkap dan dituduh bersabit dengan kehilangan wang contoh tersebut.

**KERUGIAN SYARIKAT
MALAYAWATA/MALAYSIA
SHIPYARD & ENGINEERING/
SABAH GAS INDUSTRIES**

28. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perusahaan Awam memberi sebab-sebab mengapa Syarikat Malayawata Steel Bhd, Malaysia Shipyard dan Engineering Sdn Bhd dan Sabah Gas Industries Sdn Bhd, yang sudah mengalami kerugian ratusan juta ringgit tiap-tiap tahun, tidaklah ditutup dan dibubarkan lagi walaupun amaran pendahuluan sudah diberi beberapa tahun. Apakah kerugian operasi tiga-tiga syarikat tersebut pada tahun 1987.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Syarikat Malayawata ialah sebuah syarikat yang tercatat (a public listed company) dengan bilangan pemegang saham yang ramai. Kerajaan hanya boleh menutup syarikat ini atas persetujuan majoriti pemegang-pemegang saham yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) mempunyai kepentingan ekuiti dalam Malayawata sebanyak 46% sahaja.

Kerugian Malayawata adalah bagi tempoh sementara disebabkan oleh masalah struktur dalam industri besi keluli dan besi waja. Industri ini secara keseluruhannya telah terjejas akibat dari kelembapan dalam sektor pembinaan. Permintaan terhadap "steel bar" telah merosot dari 550,000 tan metrik dalam tahun 1984 kepada 300,000 tan metrik dalam tahun 1986.

Akibatnya semua syarikat yang menjalankan aktiviti ini mengalami kerugian kecuali Syarikat Amalgamated Steel Mill Bhd yang menggunakan besi buruk (scrap metal) sebagai bahan-bahan mentah kepada keluli keluarannya. Kerugiannya bagi tahun kewangan 1987/88 yang akan berakhir pada 31-3-88 dianggarkan dalam lingkungan \$4-\$5 juta berbanding dengan \$48 juta dalam tahun kewangan 1986/87. Sekiranya keadaan ekonomi tidak merosot lagi, Malayawata diramalkan mencapai "break-even" dalam tahun kewangan 1988/89.

Bagi Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd (MSE) pula Kerajaan tidak ada cadangan untuk menutup atau membubarkan Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd (MSE). Ini adalah kerana MSE memainkan peranan yang penting dalam bidang perkhidmatan perkapalan dan kejuruteraan yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara dan juga dari segi menyelamatkan pertukaran wang asing. Penutupan MSE akan mengakibatkan banyak implikasi yang tidak sihat baik dari segi ekonomi, politik dan sosial. Kerugian operasi MSE pada tahun 1987 ialah \$7.4 juta.

Sabah Gas Industries Sdn Bhd (SGI) sedang mengalami kerugian khususnya oleh kerana kemelesetan ekonomi dunia telah mengakibatkan harga-harga di pasaran dunia bagi HBI (Hot Briquetted Iron) dan Methanol yang dikeluarkan oleh SGI turun kepada paras yang terlalu rendah. Kenaikan nilai matawang asing seperti Yen, Austrian Schillings dan Deutsche Mark telah mengakibatkan kos membiayai bayaran khidmat hutang SGI bertambah. Bagaimanapun, SGI masih berupaya untuk membiayai segala kos langsung pengeluaran dan berjaya memperolehi lebih wang tunai tetapi

lebih ini tidak mencukupi untuk membiayai bayaran khidmat hutangnya.

Oleh itu, persoalan untuk menutup SGI tidak timbul kerana ianya akan melibatkan kos yang tinggi untuk membayar balik awal segala pinjamannya yang dijamin. Dalam pada itu, mulai tahun 1988 ini, harga-harga untuk HBI dan methanol mula menunjukkan peningkatan dan prospek untuk ianya pulih adalah baik. Tindakan-tindakan sewajarnya telah pun diambil untuk mempertingkatkan prestasi SGI, termasuklah kemungkinan ianya diswastakan. Kerugian Sabah Gas Industries Sdn Bhd bagi tahun 1987 ialah \$118 juta.

AKHBAR STAR/WATAN/ SIN CHEW JIT POH—PERMIT

29. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sebarang keputusan telah diambil terhadap rayuan-rayuan oleh akhbar The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh bagi mendapat balik lesen penerbitnya. Jika ia, beri butir-butir.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bagi makluman Yang Berhormat, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 tidak memperuntukkan sebarang rayuan bagi akhbar yang telah dibatalkan lesen penerbitannya.

CUKAI PENDAPATAN DARI SYARIKAT/ORANG PERSEORANGAN

30. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang yang terkumpul dari hasil cukai pendapatan dari syarikat-syarikat atau orang-orang perseorangan yang masih belum dibayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri setakat ini di seluruh negara. Apakah tindakan yang positif diambil oleh Kerajaan untuk mengutip wang

tersebut dan apakah pula yang akan dilakukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jumlah tunggakan cukai pendapatan dari syarikat-syarikat atau orang perseorangan yang masih belum dibayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri sehingga 30-6-1987 ialah \$3,268.78 juta. Jumlah tunggakan ini adalah meliputi kes-kes di bawah tindakan pungutan, kes-kes di bawah tindakan mahkamah dan kes-kes bankrap dan pembubaran. Berhubung dengan jumlah tunggakan cukai pendapatan sehingga sekarang maklumat mengenai perkara ini belum dapat diketahui oleh kerana Jabatan Hasil Dalam Negeri masih menjalankan imbalan akaun.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan senantiasa mengambil tindakan untuk memastikan bayaran cukai dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Cukai yang terhutang selepas 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan akan dikenakan denda sebanyak 10%. Selepas tamat tempoh 60 hari daripada tarikh denda tersebut, cukai terhutang akan dikenakan denda tambahan sebanyak 5% lagi. Selepas daripada pengenaan denda ini, tindakan mahkamah akan diambil bagi menuntut cukai-cukai yang belum lagi dijelaskan.

Untuk mengatasi masalah tunggakan cukai ini dan bagi memperbaiki lagi sistem pungutan cukai pendapatan satu skim mengarahkan semua syarikat dan peniaga untuk membayar cukai secara ansuran akan dikuatkuasakan mulai dari 1hb Januari 1989. Dengan skim tersebut adalah dijangkakan bahawa jumlah tunggakan cukai akan dapat dikurangkan. Untuk makluman, skim yang sama telah pun dijalankan untuk pekerja di mana semua pekerja diwajibkan membayar cukai melalui

skim potongan cukai bulanan. Skim ini telah dimulakan pada bulan Januari 1987.

**PERWAKILAN MALAYSIA
DI LUAR NEGERI—
MENYUSUN SEMULA**

31. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kemajuan rancangan Kerajaan menempatkan/menyusun semula pentadbiran perwakilan Kerajaan seperti perwakilan perdagangan, pelancongan dan lain-lain di bawah satu bumbung dan bilakah projek tersebut dijangka akan berjalan sepenuhnya.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Pada masa sekarang 44 di antara 60 perwakilan Malaysia di luar negeri sudahpun berada di bawah satu bumbung. Perbincangan sedang diadakan antara Kementerian Luar dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi melaksanakan rancangan Kerajaan untuk menempatkan pejabat-pejabat yang lain di bawah satu bumbung. Saya tidak dapat memberi kepastian bilakah rancangan ini akan dicapai sepenuhnya oleh kerana penempatan agensi-agensi Kerajaan di dalam satu bangunan di sesuatu bandar bergantung kepada beberapa faktor seperti lis perjanjian bangunan-bangunan yang sedang diduduki oleh agensi-agensi di luar negeri, ruang pejabat kedutaan sekarang sama ada boleh menampung agensi-agensi lain, pembinaan atau pembelian bangunan-bangunan baru, kesesuaian penempatan sesuatu agensi Kerajaan bersama pejabat Kedutaan, dan lain-lain lagi.

Walaupun rancangan ini belum lagi dicapai sepenuhnya dan masih ada agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai bangunan pejabat sendiri usaha-usaha sedang diambil bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti semua agensi-agensi Kerajaan di sesuatu tempat supaya matlamat Kerajaan di

sesuatu negara dapat dicapai sepenuhnya.

**ZON BEBAS DARI SENJATA
NUKLEAR—PERSETUJUAN
ASEAN**

32. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) kandungan persetujuan yang telah dicapai di antara Ketua-ketua Kerajaan ASEAN mengenai gagasan "Kawasan Bebas Senjata Nuklear; di Manila pada bulan Disember, 1987;
- (ii) adakah benar kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat tidak menyokong tentang persetujuan ASEAN tersebut. Kalau benar apakah pendapat dan pandangan ASEAN mengenai hal ini lebih-lebih lagi pendapat dan pandangan Malaysia sendiri;
- (iii) adakah benar bahawa perjanjian INF yang telah ditandatangani oleh Presiden Reagan dari Amerika Syarikat dan Setiausaha Agung Russia Michael Gorbachev pada Disember, 1987 untuk menghapus penggunaan senjata-senjata nuklear jenis jarak dekat (short range) dan jarak sederhana (intermediate range) dan kemudiannya disambut baik oleh ASEAN membawa makna bahawa bermulanya penghapusan senjata nuklear di ASEAN khususnya dan dunia amnya. Kalau tidak benar bagaimanakah kedudukan sebenarnya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Seperti yang sedia maklum, di dalam Kenyataan Bersama serta Perisytiharan Manila 1987 yang dikeluarkan selepas Persidangan

Kemuncak ASEAN ketiga di Manila 1987 telah menyatakan keazaman ASEAN untuk mempertingkatkan usaha-usaha ke arah mewujudkan Zon Bebas Dari Senjata Nuklear di Asia Tenggara. Pengujudan Zon Bebas Dari Senjata Nuklear di Asia Tenggara ini adalah penting sebagai suatu cara untuk mempercepatkan pengujudan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telah mengambil maklum bahawa penubuhan Zon Bebas Dari Senjata Nuklear boleh menjadi sumbangan negara-negara di rantau Asia Tenggara kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keamanan dan keselamatan serantau serta mencapai perlucutan senjata secara am dan menyeluruh. Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telah berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai dalam usaha menunjuk ke arah pencapaian matlamat mengujudkan Zon berkenaan. Usaha itu meliputi pertimbangan ke atas beberapa aspek dari segi politik, strategik dan suratcara yang sesuai bagi penubuhan Zon tersebut.

Zon Bebas Dari Senjata Nuklear yang dibayangkan itu adalah sebagai suatu usaha negara serantau untuk membebaskan rantau ini dari senjata nuklear dan tidak rela negara-negara lain, termasuk kuasa-kuasa besar menggunakan ataupun mengancam untuk menggunakan senjata nuklear ke atas mana-mana negara di rantau Asia Tenggara. Kejayaan Zon ini hanya akan terjamin jika semua negara-negara Asia Tenggara menyertainya. Zon tersebut perlu disokong oleh negara-negara pemilik senjata nuklear. Penubuhan Zon ini perlu dibincangkan di antara semua negara-negara yang berkenaan. Negara-negara ASEAN sedar tentang hakikat ini dan sentiasa mengkaji segala aspek yang berkaitan dengan cadangan Zon tersebut.

Dari kenyataan umum oleh kuasa-kuasa besar, didapati bahawa Soviet

Union telah pun menyatakan sokongannya terhadap cadangan mengujudkan Zon Bebas Dari Senjata Nuklear di Asia Tenggara ini. Amerika Syarikat tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana ini akan menjejaskan dasar mereka mencegah Soviet Union yang berasaskan kepada kekuatan senjata nuklear yang dimilikinya.

Sungguhpun ada tentangan daripada Amerika Syarikat ini, tidak bermakna bahawa negara-negara serantau tidak dapat menyuarakan hasrat mereka untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan yang berkekalan dengan cara mengasingkan diri daripada perluasan senjata nuklear. Malaysia mempunyai komitmen yang sepenuhnya terhadap pengujudan ZOPFAN demi keamanan dan keselamatan rantau ini khasnya. Oleh itu kita bersedia menimbang dan mengkaji dengan teliti beberapa aspek mengenai cadangan Zon tersebut dengan negara-negara serantau dan di antara mereka dan dengan kuasa-kuasa nuklear.

Perjanjian INF yang telah ditandatangani antara Reagan dan Gorbachev pada bulan Disember 1987 adalah hasil daripada persetujuan antara kedua-dua kuasa besar untuk mengurangkan senjata nuklear jarak dekat dan sederhana di dalam inventori masing-masing. Pengurangan ini tertumpu kepada senjata-senjata yang ditempatkan di Eropah. Kita memang mengalukan perjanjian sebagai satu langkah pertama yang penting ke arah perlucutan senjata nuklear. Sama ada langkah yang diambil melalui perjanjian ini akan membawa kepada penghapusan senjata nuklear pada keseluruhannya, terpulanglah kepada keazaman kedua belah pihak yang berkenaan untuk menentukannya. Kita memang mengharap supaya kedua-dua kuasa besar akan dapat meneruskan usaha untuk benar-benar menghapuskan senjata nuklear. Perkembangan ini akan juga

mengurangkan ketegangan di dalam konteks perhubungan Timur-Barat.

Seperti yang kita maklum perjanjian INF ini hanyalah meliputi senjata nuklear keupayaan kedua-dua kuasa besar yang berkenaan. Ia tidak kena mengena dengan senjata yang dimiliki oleh negara-negara nuklear yang lain. Kita juga maklum bahawa tidak ada negara ASEAN yang memiliki senjata nuklear. Oleh itu soal penghapusan senjata nuklear di ASEAN bersabit dengan perjanjian tersebut tidak timbul. Setakat ini kita tidak ada bukti bahawa negara-negara lain di Asia Tenggara ada memiliki senjata nuklear. Kita juga tidak dapat mengesahkan sama ada kuasa-kuasa besar tersebut ada menyimpan senjata nuklear di rantau ini.

TAWARAN HARGA JUALAN MURAH—ADUAN

33. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, berikutan penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan (Jualan Murah) 1987:

- (i) berapa banyak aduan Kementeriannya telah diterima daripada orang ramai terhadap syarikat-syarikat perniagaan; dan
- (ii) berapa banyak pemeriksaan ke atas firma perniagaan yang dijalankan dan bilangan mereka yang didapati melanggar Akta dan didakwa di Mahkamah.

Tuan M. G. Pandithan: Semenjak Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987 dikuatkuasakan mulai 1 Januari, 1988, sebanyak 34 aduan-aduan telah diterima oleh Kementerian daripada orang ramai terhadap syarikat-syarikat perniagaan yang menawarkan harga jualan murah tanpa mematuhi Peraturan-peraturan Jualan Murah berkenaan.

Sebanyak 5,335 pemeriksaan-pemeriksaan ke atas firma-firma perniagaan telah dijalankan sehingga akhir bulan Februari 1988. Dari jumlah pemeriksaan-pemeriksaan ini sebanyak 126 orang peniaga telah didapati melanggar Peraturan-peraturan Jualan Murah. Mereka akan didakwa di Mahkamah apabila penyiasatan telah selesai.

IMPORT BARANG-BARANG DARI CHINA

34. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa lesen AP untuk mengimport barang-barang dari China dimansuhkan seperti diumumkan oleh beliau baru-baru ini, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini keadaan yang sebenarnya, dan apakah yang diberitahukan oleh Kementeriannya kepada Kedutaan China di Kuala Lumpur mengenai perkara ini dan setakat manakah keputusan ini menjejaskan perhubungan perdagangan antara Malaysia dan negara China, sila juga nyatakan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatan-kuasa 3 orang yang ditubuhkan oleh Jemaah Menteri untuk meningkatkan perhubungan perdagangan antara Malaysia dan Negara China.

Tuan M. G. Pandithan: Keputusan Kerajaan menghapuskan lesen AP ke atas import barang-barang dari Republik Rakyat China ialah untuk menggalak dan meningkatkan perdagangan secara langsung di antara kedua buah negara.

Hasil dari keputusan Kerajaan tersebut, RRC dan Malaysia akan menandatangani Perjanjian Perdagangan pada 1 April, 1988 yang akan datang.

Barang-barang luar yang masuk ke RRC tertakluk kepada dua jenis tarif import. Tarif pertama ialah untuk

barang-barang dari negara-negara yang mempunyai Perjanjian Perdagangan dengan RRC dan tarif kedua untuk barang-barang dari negara-negara yang tidak mempunyai Perjanjian Perdagangan dengan mereka. Tarif jenis pertama adalah rendah dari tarif jenis kedua. Justeru itu, Perjanjian Perdagangan yang akan ditandatangani oleh Malaysia dan RRC pada 1 April, 1988 yang akan datang membolehkan barang-barang eksport Malaysia ke RRC dikenakan cukai import yang rendah dari yang dikenakan sekarang ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berharap dengan adanya perjanjian tersebut eksport barangan Malaysia secara langsung ke RRC akan meningkat dan perdagangan dua hala antara kedua buah negara dapat dipereratkan.

Berhubung dengan Jawatankuasa 3 orang anggota Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, tugas Jawatankuasa yang dimaksudkan ialah untuk mencari jalan menggalakkan penggunaan kapal-kapal dan pelabuhan Malaysia dalam aktiviti eksport/import secara menyeluruh dan tidak terhad kepada meningkatkan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan RRC.

Pada ketika ini Jawatankuasa tersebut masih di dalam proses perbincangan dan mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mencapai tujuan yang disebutkan.

CUTI TAHUNAN PEKERJA LADANG

35. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan sebab apakah cuti tahunan untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang masih di dalam kadar 10 hari bagi 1 tahun sejak 10 tahun yang lampau walaupun beberapa permintaan oleh pihak

Persatuan Pekerja-pekerja telah pun dibuat supaya ditambah bilangan cuti tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Adalah tidak benar cuti tahunan pekerja-pekerja ladang dihadkan kepada 10 hari bagi setiap satu tahun. Di bawah Akta Kerja 1955 seseorang pekerja (termasuk pekerja-pekerja di ladang-ladang), adalah berhak mendapat cuti tahunan bergaji untuk setiap 12 bulan perkhidmatan berterusan seperti berikut:

- (i) 8 hari jika ia telah digajikan oleh Majikan yang sama untuk tempoh kurang daripada 2 tahun;
- (ii) 12 hari jika ia telah digajikan oleh Majikan yang sama untuk tempoh 2 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 5 tahun;
- (iii) 16 hari jika ia telah digajikan oleh Majikan yang sama untuk tempoh 5 tahun atau lebih.

Kerajaan tidak menghalang mana-mana majikan untuk memberi cuti tahunan yang lebih kepada pekerjanya daripada jumlah hari yang ditetapkan dalam undang-undang.

SUNTIKAN IMUNISASI MENCEGAH DIPHTHERIA

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab kebanyakan kanak-kanak di Lembah Kelang khususnya di kawasan Shah Alam dan Kelang tidak diberikan suntikan "immunisation against Diphtheria";
- (b) juga nyatakan apakah langkah-langkah diambil supaya mengatasi masalah kesihatan yang sangat serius ini dan untuk memastikan keluarga-keluarga

yang terlibat diberikan perkhidmatan kesihatan.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Adalah tidak benar bahawa kebanyakan kanak-kanak di Lembah Kelang dan Shah Alam tidak diberi suntikan imunisasi untuk mencegah Diphtheria.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan ini yang disediakan oleh Kerajaan adalah mencukupi untuk meliputi ke semua penduduk. Tambahan, klinik-klinik swasta juga menyediakan kemudahan imunisasi bagi kanak-kanak.

Di kawasan-kawasan tersebut lebih kurang 68% kanak-kanak telah diberi imunisasi Diphtheria oleh pekerja kesihatan dan dianggarkan tambahan 10-15% kanak-kanak mendapat imunisasi daripada klinik-klinik swasta.

Liputan sebanyak lebih kurang 78% ini adalah lebih daripada liputan kebangsaan. Walau bagaimanapun ada golongan tertentu yang tidak menerima imunisasi disebabkan oleh faktor-faktor sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan sebagainya.

- (b) Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan liputan imunisasi bukan sahaja di kawasan Selangor bahkan di seluruh negara khususnya bagi kawasan-kawasan dengan penduduk yang tidak melibatkan diri dalam rancangan ini.

Beberapa kawasan-kawasan dengan liputan rendah telah dikenalpasti dan strategi

memperhebatkan liputan imunisasi (accelerated immunisation coverage) sedang dilaksanakan dengan aktiviti-aktiviti seperti kempen kesedaran masyarakat, sesi-sesi imunisasi di kampung, tindak susul dan lawatan ke rumah oleh pekerja kesihatan bagi kanak-kanak yang tercicir dan sebagainya.

Kementerian Kesihatan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan pencapaian imunisasi supaya semua kanak-kanak dapat imunisasi dan dilindunginya daripada penyakit-penyakit yang berkenaan.

**ZON EKONOMI EKSKLUSIF/
ANTARTIKA—KAJIAN**

37. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada para saintis akan diminta mengkaji dan menyiasat sumber yang lumayan yang terdapat di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang akan hasil dan berguna daripada minta ahli-ahli sains mengkaji dan menyiasat Antartika.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan menggalakkan para saintis di negara ini menjalankan kajian ke atas kedua-dua kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan Antartika. Walau bagaimanapun lebih tumpuan diberikan kepada kajian dan siasatan atas sumber-sumber laut di kawasan ZEE yang mana kekayaannya masih belum dieksploitasikan sepenuhnya oleh negara ini.

Pendekatan negara sebagaimana saya terangkan tadi tidak bererti bahawa kajian di Antartika tidak perlu. Sebenarnya kajian di Antartika juga akan memberi hasil, malah akan memupuk kepentingan negara bukan

sahaja dalam hal-ehwal perhubungan antarabangsa bahkan juga dalam perkembangan ilmu alam dunia dan perlindungan alam sekitar secara amnya, kerana apa yang akan melanda Antartika besar kemungkinan ia akan juga menjejaskan sumber-sumber laut dalam alam samudra di perairan kita.

Kajian-kajian di Zon Eksekutif Ekonomi Malaysia telah dipertingkatkan dan malah dipergiatkan lagi di bawah pelbagai program-program carigali, penyelidikan, ekspedisi, pemetaan, peninjauan jarak-jauh (remote sensing), pengukuran, dan penilaian sumber-sumber hidup di laut (assessment of living marine resources).

Dalam pada itu para saintis dari seluruh dunia adalah digalakkan untuk menjalankan penyelidikan mereka di perairan Malaysia bersama-sama dengan para saintis dari negara ini. Hasil-hasil kajian mereka telah juga membawa hasil kepada negara dengan terlaksananya aktiviti-aktiviti seperti pengeluaran minyak di luar pantai, penangkapan ikan di lautan dalam, pelayaran kapal-kapal yang telah selamat, ramalan cuaca musim tengkujuh, dan perlindungan sumber-sumber hidup laut yang lebih terjamin.

PERDANA MENTERI MELETAKKAN JAWATAN

38. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Perdana Menteri tidak meletakkan jawatan beliau dan Kabinet dibubarkan berikutan dengan keputusan Mahkamah atas Suit yang difailkan oleh 11 Ahli UMNO terhadap UMNO dan adakah keputusannya mempengaruhi pasaran saham.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Soal Perdana Menteri meletakkan jawatan dan membubarkan Kabinet tidak timbul sama sekali berikutan dengan

keputusan Mahkamah terhadap UMNO. Sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ianya mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Saya tidak pasti sama ada keputusan Mahkamah itu telah mempengaruhi pasaran saham.

ASEAN—SIDANG KEMUNCAK

39. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada sidang Puncak ASEAN Ketiga yang diadakan di Manila pada 15hb Disember tahun lalu pernah membincangkan isu tuntutan Filipina ke atas Negeri Sabah, jika ya, apakah keputusan dan cara-cara penyelesaian yang telah dipersetujui antara Malaysia dan Filipina.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Sidang Kemuncak ASEAN Ke 3 di Manila merupakan sidang Serantau, dan ianya tidak melibatkan apa-apa perkara dua hala, termasuk isu tuntutan Filipina ke atas Sabah.

ANGKATAN TENTERA— KAWASAN LATIHAN TENTERA

40. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap para petani/peladang yang didapati menjalankan kegiatan pertanian dalam kawasan "manoeuvre" latihan askar di Kem Paradise Kota Belud, Sabah meskipun mereka sedar tentang larangan keras daripada pihak berkuasa latihan askar di situ, tetapi terpaksa berbuat demikian akibat ketiadaan kawasan yang lain di mana mereka boleh menjalankan kegiatan pertanian

sebagai tempat menyambung nafas mereka serta anak isteri dan kaum keluarga.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Sebenarnya pertanyaan mengenai perkara yang sama dari Yang Berhormat telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 13hb November 1987 di mana Yang Berhormat telah diberitahu bahawa untuk menjaga kepentingan negara, pihak Angkatan Tentera perlukan kawasan-kawasan latihan di beberapa tempat di Malaysia ini. Kawasan latihan di Kem Paradise, Kota Belud adalah satu-satunya kawasan yang sesuai untuk tujuan ini dan oleh itu telah pun diwartakan untuk tujuan tersebut di bawah Akta Manoeuvre Tentera 1983.

Dengan itu kawasan Firing Ground dan kawasan latihan askar perlulah bebas dari penempatan kampung dan kawasan aktiviti-aktiviti awam. Peraturan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan dari berlakunya kemalangan terhadap orang ramai dan kerosakan harta benda awam apabila pihak tentera mengadakan latihan ketenteraan di kawasan-kawasan tersebut dan pihak Kerajaan tidak akan dibeban dengan sebarang tuntutan gantirugi.

Di samping itu mereka yang terlibat telah pun diberi pampasan yang lumayan di mana jumlah pampasan yang telah dibayar ialah \$3.9 juta kepada pihak Kerajaan Negeri Sabah seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang.

Oleh yang demikian, saya memohon kerjasama Yang Berhormat untuk membantu Kementerian Pertahanan menjaga kepentingan negara dengan memujuk mereka yang terlibat supaya keluar dari kawasan yang berkenaan, sebelum Kementerian ini mengambil tindakan-tindakan mengikut undang-undang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Pertahanan telah juga menghubungi FELDA untuk memberi kawasan penempatan yang sesuai kepada mereka yang terlibat, yang mungkin layak menjadi peneroka FELDA di rancangan-rancangan FELDA. Pemilihan peneroka-peneroka yang berjaya di rancangan-rancangan FELDA adalah dikuasai oleh Kerajaan Negeri Sabah. Oleh itu Yang Berhormat sendiri boleh membantu mereka itu dengan berunding dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah mengenai nasib petani-petani yang terlibat.

BAHAYA MEROKOK—IKLAN

41. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah Kementeriannya sudah mengambil merunding dengan pihak Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan Kementerian Penerangan dan Penyiaran, untuk bertindak bersama mengurangkan iklan rokok dan rokok-merokok dalam surat khabar dan melalui radio dan televisyen. Adakah Menteri Kesihatan akan bercadang semua iklan rokok-merokok diharamkan di semua media massa.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan amat menyedari akan bahaya merokok, dan telah mengadakan rundingan-rundingan dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain yang berkaitan; dan ini juga akan terus dilakukan dari masa ke semasa. Hasil dari rundingan-rundingan tersebut, di antaranya ialah larangan mengiklankan iklan rokok melalui radio dan televisyen mulai tahun 1982.

Satu keputusan untuk melarang pengiklanan rokok melalui media

massa yang lain belum lagi tercapai oleh pihak-pihak yang berkenaan secara langsung.

BEKERJA 7 HARI SEMINGGU

42. Tuan Chiang Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menerima cadangan beliau (Tuan Chiang Heng Kai) supaya menubuh sebuah jawatankuasa untuk mengkaji kemungkinan Pejabat-pejabat, Jabatan-jabatan dan Badan-badan Kerajaan bekerja 7 hari seminggu untuk mempercepatkan pembangunan negara dan memudahkan rakyat jelata.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa dengan tujuan mengkaji kemungkinan Pejabat-pejabat, Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan menambahkan waktu pejabat sehingga 7 hari seminggu oleh kerana peraturan bekerja waktu pejabat seperti yang sedang berjalan sekarang adalah didapati baik dan sesuai. Cadangan untuk menambahkan hari bekerja sehingga 7 hari seminggu tidak menjamin hasrat untuk mempercepatkan pembangunan negara dan memudahkan rakyat jelata. Sebaliknya jika cadangan ini dilaksanakan produktiviti perkhidmatan awam mungkin akan menurun, kerana kesihatan pegawai-pegawai Kerajaan akan terganggu dan seharusnya mereka perlu diberi masa untuk berehat dan berekreasi.

HUKUMAN MATI MENGURANGKAN JENYAH

43. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan hukuman mati memandangkan kepada tidak ada cukup bukti bahawa hukuman mati telah berkesan dalam usaha mengurangkan jenayah dalam negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan tidak bercadang menghapuskan hukuman mati. Kerajaan percaya bahawa hukuman mati adalah perlu untuk mengurangkan kejadian-kejadian jenayah besar dan bahawa, jika hukuman itu dihapuskan, keadaan jenayah-jenayah seperti itu akan menjadi lebih buruk.

PELESENAN KEPADA PERUSAHAAN PERHOTELAN

44. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada polisi "Agensi Setempat" untuk mempercepat, mudah dan memperkemaskan sistem pelesenan kepada perusahaan perhotelan yang baru-baru ini diumumkan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kiranya Kementerian menghadapi masalah apakah rancangan-rancangan untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Soalan ini telah pun saya jawab di dalam Dewan ini pada 9-3-1988 semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

PERTUKARAN KEBUDAYAAN MALAYSIA-JEPUN

45. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian tersebut dalam mengembangkan pertukaran kebudayaan antara Malaysia dengan Jepun khususnya dan negara-negara ASEAN lainnya; dan
- (b) sejauh manakah Malaysia telah mendapat faedah dari rombongan kebudayaan Jepun

ke Malaysia dalam bulan November 1987 yang lalu terutama dalam bidang persefahaman antara kedua-dua buah negara.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:

(i) Di antara langkah-langkah yang telah Kementerian lakukan untuk mengembangkan pertukaran kebudayaan antara Malaysia dengan Jepun adalah seperti berikut:

(a) Meningkatkan dan menguatkan program pertukaran di antara Malaysia-Jepun di mana kedua buah negara saling isi mengisi program seperti mengadakan pameran, pesta kesenian. Misalnya dalam tahun 1986 Malaysia telah menghantar satu kumpulan Kompleks Budaya Negara (KBN) untuk membuat persembahan di Jepun. Di antara tahun 1986 dan 1987 sahaja Jepun telah berjaya menjalankan 7 program dalam bentuk seni muzik dan seni tari. Maklumat tambahan adalah seperti di Lampiran.

(b) Mempertingkatkan usaha promosi dan penyebaran maklumat di antara kedua buah negara, peranan ini telah dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC).

(c) Sejak Deklarasi Bangkok 1967 program pertukaran kebudayaan dibuat di bawah Jawatankuasa ASEAN mengenai kebudayaan dan

Penerangan (ASEAN Committee On Culture and Information). Pelbagai aktiviti kebudayaan yang meliputi Seni Tampak (Visual Arts), Seni Pementasan (Performing Arts), Kesusasteraan, Seni Muzik dan sebagainya yang dibuat secara bergilir-gilir secara tetap bercorak tahunan.

Selain daripada itu, pertukaran kebudayaan antara negara dibuat melalui pesta kesenian, pameran dan konvensyen berjalan lancar.

(ii) Dalam perbincangan di antara Malaysia dengan Jepun beberapa perkara kepentingan bersama telah dibincangkan dan pada dasarnya telah dipersetujui oleh kedua belah pihak di antaranya seperti berikut:

(a) Mempertingkatkan jumlah pengiriman rombongan kebudayaan.

(b) Memperluaskan kerjasama dalam bidang bahasa.

(c) Menggalakkan lagi pertukaran pakar-pakar/sarjana Universiti dan pelajar-pelajar di antara kedua buah negara.

(d) Cadangan mereka untuk mempertingkatkan perhubungan di bidang sukan.

Kerjasama Malaysia—Jepun di bidang kebudayaan diteruskan berasaskan kepada kerjasama yang sedia wujud, lebih-lebih lagi di bidang pelancongan di mana negara Jepun menjadi sasaran kita.

Peranan pihak swasta Jepun khususnya firma-firma mereka bagi membuat tawaran kepada graduan-graduan universiti-universiti tempatan bekerja di sana, dengan ini akan mempercepatkan kejayaan Dasar Pandang ke Timur.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, INSURANS DAN TAKAFUL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zahil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh”. (14hb Mac, 1988)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Arau untuk berucap, saya akan memberi hanya tidak lebih daripada 10 minit, setelah itu pihak Kerajaan akan menjawab.

3.37 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyambung ucapan saya selama 2 minit semalam dan hari ini diberi 10 minit.

Kedua, saya ingin mengambil kesempatan untuk menimbulkan persoalan kepada Kementerian-kementerian oleh kerana saya kagum kerana semua kawan-kawan, Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen hampir semuanya hadir. Jadi, saya ingin mengambil peluang ini untuk menimbulkan

sebanyak persoalan yang boleh. Saya tidak ingin menimbulkan lagi perkara-perkara berhubung dengan perpaduan, bahasa dan lain-lain lagi oleh kerana banyak telinga-telinga yang mendengar adalah telinga-telinga yang berat seperti DAP dan PAS. Saya setakat ingin membuat teguran kepada beberapa pendapat yang telah diberikan oleh suara-suara emosi tanpa menyelidikan dan bacaan yang tepat. Malah ada juga di antara wira-wira ilmu pun tidak dapat mengenengahkan pandangan yang tepat tentang perpaduan. Saya sendiri dahulu pernah menekankan bahawa untuk perpaduan, syarat utama untuk orang berpadu ialah tolak ansur, toleransi.

Orang-orang yang ingin bercinta mesti berkorban. Berkorban apa sahaja, sepatut kata Allahyarham P. Ramlee. Demikian juga untuk kita berpadu, kita mesti mewujudkan perasaan cinta di antara satu dengan lain dalam bentuk perpaduan. Maka pengorbanan adalah penting. Saya akan sentuh perkara ini di peringkat akhir ucapan saya masa "injury time" yang akan diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Semalam Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa rumah-rumah orang tua, sekarang ini semuanya dikendalikan oleh pihak-pihak badan-badan sukarela dan Kerajaan hanya terlibat dalam memberi sumbangan dalam bentuk elaun bulanan dan sebagainya. Tanpa apa-apa prejudice, dengan izin, saya ingin menyentuh tentang perkara ini sekali lagi, iaitu tuan-tuan dan saya sama ada tua ataupun dewasa akan mengalami alam tua dan apabila kita tua, sampai ke peringkat umur lanjut yang pertama yang kita ingat ialah hari-hari kematian, tetapi sebelum kita mati, kita ingin berehat dan berada di tempat yang selesa. Maka bagi mereka yang menjadi bujang terlajak dan tidak

ada anak dan sebagainya, apabila tua mereka terpaksa ditempatkan di rumah-rumah ini oleh kerana mereka tidak mampu dan sebagainya. Tetapi keadaan rumah-rumah orang tua ini kalau kita lihat betul-betul rumah yang dikhaskan untuk orang yang akan mati. Walaupun mereka tahu mereka akan mati, kita semua akan mati tetapi dalam jangkaan umur ini mereka lebih cepat daripada kita, tetapi kita tidak sewajarnya membiarkan bahawa mereka ini ditempatkan dalam rumah yang tidak teratur dan dalam rumah yang mana soal keselesaan itu tidak diberi perhatian.

Saya bukanlah ingin mencadangkan supaya satu bentuk rumah rehat ataupun rumah orang tua sebagaimana di negara-negara membangun di mana mereka ada kelas-kelasnya, ada first class, second class dan sebagainya, tetapi pihak Kerajaan harus memberi perhatian tentang perkara ini dan kalau tidak pun dapat mengambil sepenuhnya, sekurang-kurangnya separuh penglibatan Kerajaan. Tetapi mereka harus mengenakan syarat kepada orang-orang tua ini untuk menentukan waris-waris yang terdekat. Kalau kita dapat mengadakan undang-undang yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan merampas harta-harta mereka yang terlibat dengan pendedaran dadah termasuk anggota keluarga, apakah kita tidak dapat mengenakan sedikit syarat yang sama kepada orang-orang ataupun kepada anak-anak sebab terdapat orang-orang tua yang telah pun menukarkan harta-hartanya kepada anak-anak, selepas itu mereka tercampak ke tepi. Kita tidak boleh membiarkan anak-anak derhaka ataupun keluarga derhaka ini berbuat demikian tetapi kita harus memberi perlindungan kerana rakyat ataupun senior citizens kita ini pernah berkhidmat, pernah menjadi rakyat yang setia di peringkat mudanya, maka inilah sumbangan terakhir negara

kepada mereka sebelum mereka meninggalkan dunia ini buat selamanya.

Saya pohon kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk memberi perhatian yang sewajarnya dan untuk mengenakan syarat-syarat yang tertentu supaya anak-anak memberi perhatian kepada orang-orang tua. Di negara-negara Asia terutamanya, anak-anak sering menjaga ibu bapa tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu terdapat ibu bapa ataupun orang-orang tua yang tidak mempunyai keluarga dan sebagainya, kita berilah sumbangan dan pengiktirafan kepada tuanya mereka.

Yang keduanya, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Semasa saya membuat lawatan singkat ke negara jiran, saya berjumpa dengan 2 orang pemuda daripada Saudi Arabia. Mereka sedang bercuti dan melancong di negara yang berkenaan. Saya tanya dia bila dia ingin membawa keluarganya ke sini? Oh, dia kata hendak bawa keluarga, dia tidak akan bawa ke sini. Ke sini dia akan datang seorang diri ataupun bersama-sama teman lelaki yang lain. Tetapi untuk berkeluarga dia akan bawa ke Malaysia ataupun Indonesia. Jadi apabila saya mendengar perkataan itu, saya begitu gembira. Saya cuba mencari telefon untuk hendak telefon Menteri Kebudayaan dan Pelancongan ataupun Setiausaha Parlimennya yang "big, strong and friendly" untuk memaklumkan bahawa betapa pentingnya pendekatan dan juga promosi untuk pelancong-pelancong luar negeri ini yang telah disebutkan oleh Kementerian ini sendiri iaitu untuk memberi kemudahan berkeluarga, mungkin dalam bentuk promosi yang berbunyi begini: "Bersama Keluarga di Malaysia".

Jadi, kita tahu bahawa mungkin pelancong-pelancong Arab yang datang bersama keluarga, dia tidak mahu tunjuk tempat-tempat yang dia

melawat seorang diri, dan orang kata berseronok-seronok seorang diri, dia terpaksa tunjuk tempat-tempat lain. Nampaknya Malaysia amat sesuai untuk pelancongan berkeluarga. Saya ingat promosi yang penting di sini ialah pendedahan supaya perkara ini dapat dimaklumkan. Apabila dia sebut Malaysia dan Indonesia itu, saya kata kepadanya: "Malaysia lebih bagus, sebab saya pernah pergi ke Malaysia".

Yang ketiganya, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya minta Kementerian ini yang mempunyai pakar-pakar, ada yang belajar luar negeri dan dalam negeri supaya peka (sensitive) kepada teknologi-teknologi moden. Janganlah ada jurutera-jurutera kalau sekiranya dia belajar di Great Britain ataupun di Amerika Syarikat mengatakan teknologi yang buat di negara lain tidak bagus. Dia mesti peka kepada teknologi-teknologi baru. Sebagai contohnya, terdapat satu teknologi baru untuk menutup kabel-kabel yang ditanam, sekarang ditutup dengan bata. Saya pernah melihat sendiri kontraktor yang terlibat apabila tidak ada penyelia, mereka tidak membubuh bata, sebaliknya dia tanam terus, dia kambus dengan pasir dan tanah. Dengan ini kita tidak tahu apa yang terjadi kepada kabel yang berkenaan. Tetapi terdapat satu teknologi baru yang telah dicipta di Eropah, daripada Australia, di mana tanpa penyelia, tanpa sesiapa pun bahawa alat ini boleh ditutup kepada kabel-kabel yang berkenaan. Tetapi jurutera-jurutera dan juga pihak LLN mengatakan bahawa teknologi baru ini mahal dan bukan bidang yang mereka telah pelajari. Saya minta mereka sentiasa peka kepada perkara-perkara baru untuk memberi kesenangan kepada rakyat jelata dan juga Kerajaan.

Perkara yang lain ialah penswastan. Mengenai penswastan ini saya minta supaya dibuat kajian yang teliti. Saya percaya di Jabatan Telekom sekarang

masih ada banyak perkara yang belum diselesaikan. Saya mendengar berita untuk hendak selesaikan masalah tanah pun akan mengambil masa 10 tahun ataupun dua dekad lagi. Jadi, sebelum buat penswastan kepada lain-lain, harus difikirkan tentang perkara-perkara ini dan kita mesti pastikan bahawa walaupun penswastan telah dibuat tetapi mereka harus ingat bahawa yang berkuasa dalam syarikat yang berkenaan adalah Kerajaan dan mereka harus hormat kepada Menteri. Saya tidak mahu bahawa pegawai-pegawai yang terlibat dalam penswastan menganggap ketua mereka hanya Ketua Pengarah ataupun Pengerusi kepada syarikat yang berkenaan dan bukan kepada Menteri. Saya tidak mahu Menteri yang telah dilantik tidak dihormati oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Yang keempat dan terakhir ialah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya ingin menyentuh berhubung dengan hakmilik tanah. Saya lihat ada dua kaedah: yang pertama, diberi hakmilik dan yang kedua hakmilik berkumpulan—seperti ladang tebu di Perlis, diberi hakmilik berkumpulan sementara di tempat-tempat lain diberi hakmilik persendirian.

Saya ingin bertanya, sejauh manakah pegangan Kerajaan ataupun FELDA kepada yang mendapat hakmilik persendirian kerana apabila mereka mempunyai hakmilik persendirian, saya rasa ikatan mereka telah renggang daripada FELDA. Apakah mereka ada perjanjian yang lain yang tidak membolehkan mereka menjualkan barangan selain daripada FELDA dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Untuk ini akhir sekali, berhubung dengan

Jabatan Pemetaan yang telah saya sebutkan semalam. Saya telah menghubungi Jabatan Pemetaan dan dia kata pemetaan ataupun boundary yang ditetapkan sekarang ialah berdasarkan kepada perjanjian di antara Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Thailand. Ada sebuah pulau kecil di Perlis, namanya Pulau Berasmana, katanya dengan tegas, Pulau Berasmana tidak termasuk di bawah Malaysia dan Perlis. Yang Berhormat Dato' Speaker datang dari Perlis, pergi tanya tiap-tiap biji mata dan juga anak-anak kecil sampai orang tua di Perlis, mereka mengatakan Pulau Berasmana ini adalah kepunyaan Perlis separuh, separuh lagi Thailand. Tetapi bila dibuat peta baru tidak dimasukkan Pulau Berasmana dan dia mengatakan bahawa ini berdasarkan Perjanjian Bangkok, 1909.

Saya kata kalau didasarkan kepada Perjanjian Bangkok, saya baca hanya buku sejarah, saya tidak sempat melihat dokumennya kerana saya terpaksa pergi Muzium Negara. Saya percaya Satun ataupun Setooi Thailand itupun tidak termasuk dalam Perjanjian Bangkok. Inikan pulau kecil Pulau Berasmana yang berkenaan telah dikeluarkan daripada Malaysia. Kalau saya tahu macam itu kita tidak payah buat peta baru sebab understanding di antara orang Perlis, pemahaman di antara orang Perlis dan orang-orang Satun atau orang Setooi di Selatan Thailand bahawa pulau itu separuh-separuh, pulau yang mengeluarkan burung layang-layang itu, yang tuan-tuan banyak minum katanya banyak khasiat, Thailand punya yang sebelah yang ada sedikit pantai Perlis punya. Itulah Perlis yang ada pulau di Perlis. Kalau inipun diberi kepada Thailand saya takut kemudian hari ianya akan melibatkan masalah pantai.

Baru-baru ini kita lihat sebuah bot telah ditangkap satu kilometer dari muara Kuala Perlis di depan mata kita

dan dibawa balik ke Thailand. Saya percaya perbuatan ini dibuat berdasarkan kepada gigi pantai di antara Kuala Perlis dan juga di Pulau Berasmana yang jaraknya lebih kurang 2½ kilometer. Jadi saya minta Jabatan Ukur jangan beri jawapan dengan tegas berdasarkan perjanjian itu dan perjanjian itu, mesti melihat sebab saya tidak kesah apabila dibuat oleh orang-orang Perlis dan Kedah terpaksa masuk ke Thailand oleh kerana dibuat boundary dan mereka ini cuma melihat orang-orang mengambil hasil yang telah mereka usahakan.

Tetapi pulau yang kecil ini saya rasa tidak patut bertolak ansur sama seperti tolak ansur yang telah diberikan sebuah pulau di Terengganu di mana sekarang kita terpaksa membuat pulau tiruan pula iaitu Terumbu Layang-layang, kalau saya tidak silap. Saya hendak beri penekanan di sini ialah bahawa kita harus lihat dan minta pandangan di kedua belah pihak. Jangan menyebut Perjanjian Bangkok oleh kerana Perjanjian Bangkok saya percaya tidak disebut Pulau Berasmana.

Malah dalam tahun 1909 saya percaya pulau ini mungkin hanya seketul batu yang timbul tetapi akhirnya dia telah bertambah dan sebagainya, berdasarkan kepada alam semula jadi, sekarang menjadi sebuah pulau kecil yang harus dituntut oleh kedua-dua belah pihak.

Saya akan mengulangi tuntutan saya berseorang diri kalau tidak disokongpun supaya pulau ini dipertahankan, ini tok saya, tok, tok saya, tok daripada saya mengatakan pulau ini Perlis punya. Mengapa pula orang-orang yang baru kerja di Jabatan Pemetaan kata ini Thailand punya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya minta seminit sahaja berhubung dengan perpaduan. Saya lihat ada seorang kawan saya. Saya ada buat kajian semalam, buku itu ditulis oleh

Dr Wang Gong Woo. Sebelum itu saya hendak sebut kepada kumpulan DAP yang tidak ada pun sebab saya rasa dia takut, dia ada menyebut semalam bahawa contoh Filipina oleh wakil daripada Seputih. Filipina sekarang dia kata kerana agama dan bangsa berpecah. Dia kata cuba lihat Switzerland terdiri daripada yang bercakap bahasa Perancis, bahasa Italy dan juga bahasa German, dia kata berpadu. Orang ini dia bercakap mengikut emosi. Dia ingat dia orang putih, tidak tahulah kalau dia menikah dengan orang putih, itu soal dia, tetapi dia kena melihat dalam bentuk Asia, dalam bentuk Malaysia. Kita hendak lihat dalam bentuk Malaysia kita kena beri contoh yang terdekat. Adakah Filipina berpecah disebabkan oleh agama dan bangsa. Kenapa tidak ambil Indonesia yang telah bersatu berdasarkan "Bhineka Tunggal Eka", tetapi fahaman Yang Berhormat dari Gopeng berlainan sedikit daripada saya, yang dimaksudkan di sini ialah ciri-ciri kebudayaan, kedaerahan itu kepelbagaian tetapi mereka telah disatukan melalui satu bahasa. Cuba baca Utusan Malaysia semalam dia menunjukkan seorang tycoon yang ketujuh terkaya di dunia seorang Tionghua, dia mempunyai nama Indonesia. Dan dia berjumpa saya di Pan-Pacific, saya tidak tahu kata dia orang Tionghua, Indonesia. Dia bercakap bahasa Indonesia sehingga lebih baku daripada bahasa daerah saya.

Jadi ini menunjukkan bahawa pentingnya bahasa, pentingnya apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu ini untuk diberi perhatian oleh pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa telah cukup Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dan kepada kawan-kawan saya dalam Islam dia menggalakkan kesederhanaan.

Semua bangsa menggalakkan kesederhanaan. Dalam Confucious dalam tahun 551 hingga 479 sebelum Masehi telah memberi pendapat yang mana telah dipakai oleh falsafah orang-orang Tionghua di seluruh dunia. Saya hendak beri pendapat yang kedua, pendapat "Cheng Joo" ataupun kesederhanaan. Dia menyebut segala kelakuan mestilah sederhana mengikut jalan pertengahan. Manusia mestilah bertindak mengikut tertib dengan menghormati peraturan sewajarnya.

Ketiga, berhubung dengan negara mestilah ada taat setia, keluarga mesti hormat dari yang muda kepada yang tua untuk diri perseorangan dan mestilah dia mengkaji dan membetulkan diri sendiri.

Keempat, Raja-raja yang bijaksana, dahulu kala telah memerintah dengan jayanya dengan contoh tauladan yang tinggi.

Jadi kita lihat bahawa semua pihak mempunyai pegangan yang harus dirujukkan kenapa yang asal dan bukan ciptaan sendiri yang kemudian-kemudian dan dengan itu kita dapat mewujudkan satu kebudayaan nasional. Kita dapat mewujudkan perpaduan, kita tidak payah bergaduh. Kita cuma bergaduh dengan DAP cukuplah. Kita di sini berpadu untuk mewujudkan Kerajaan yang kuat.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekarang sampai masanya untuk Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab. Saya jemput yang pertama sekali Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

3.57 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji

Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Di-Raja dan seterusnya memberi pandangan, teguran, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan atas Titah Di-Raja selama 5 hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, terutamanya mengenai dengan perpaduan, Dasar ekonomi Baru, kemajuan pembangunan Kuala Lumpur, pengangguran, tema perayaan kebangsaan, hal-hal perkhidmatan dan penerapan nilai-nilai Islam.

Saya tidak bercadang untuk menjawab semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan bahawa perkara-perkara tersebut telah dijawab di dalam Soalan Mulut. Namun demikian, segala pandangan, teguran dan syor yang membina yang diberikan dengan ikhlas adalah dihargai dan akan diambil perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat berminat dan bangun berucap di Dewan yang mulia mengenai masalah perpaduan dan polarisasi kaum, terutama di negara kita ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut dan Bachok menyarankan supaya mengadakan program yang berkesan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu-padu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perpaduan Negara memang sentiasa merancang dan melaksanakan program-program yang berkesan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Perpaduan Negara mempunyai 2 strategi utama iaitu penggalakan dan pencegahan. Antara program-program di bawah strategi penggalakan adalah aktiviti sosial, sukan, budaya, pendidikan, kesukarelaan, kebajikan dan lain-lain lagi yang dijalankan di bawah konsep kejiranan. Contohnya, baru-baru ini, Jabatan Perpaduan Negara telah melancarkan khemah kerja kejiranan di seluruh negara dan dengan tujuan memupuk semangat perpaduan antara pemuda pemudi dari semua golongan kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor, menyatakan bahawa Skim Rukun Tetangga telah banyak menyumbangkan kepada perpaduan dan beliau juga menguji Kerajaan kerana mewujudkan Jabatan Perpaduan Negara. Tetapi beliau merasakan Jabatan Perpaduan Negara masih tidak boleh mencapai matlamatnya yang merangkumi semua kaum, baik Melayu, India atau Cina. Saya kurang pasti dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan Jabatan Perpaduan Negara masih tidak boleh mencapai matlamatnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha dan program untuk menyatu-padukan rakyat sedang dilaksanakan dan kini kita sedang menuju ke arah mencapai matlamat perpaduan. Tetapi tanggungjawab memupuk perpaduan tidak semata-mata dipikul oleh Jabatan Perpaduan Negara sahaja. Perpaduan merupakan tanggungjawab semua lapisan masyarakat dari semua kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyarankan supaya menyemak semula Dasar Perpaduan Negara. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sedang berusaha mengkaji ke arah menggubal satu dasar perpaduan negara yang dipanggil **Konsep**

Pembangunan Perpaduan Nasional atau Konsep Padu. Di bawah konsep ini semua aspek perpaduan akan diambil kira supaya pada akhirnya kita dapat menggubal satu dasar perpaduan negara yang lebih menyeluruh, yang merangkumi dimensi-dimensi politik, sosial, ekonomi, budaya, pendidikan, bahasa, kewilayahan dan lain-lain lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud menyatakan bahawa kita harus menekankan perpaduan kaum supaya semua rakyat dalam negara Malaysia dapat hidup dengan aman dan damai. Saya bersetuju dengan pendapat tersebut. Sesungguhnya, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menekankan perpaduan kaum supaya pembangunan negara dapat diteruskan dengan lebih pesat lagi.

Kita juga harus menekankan faktor-faktor positif yang boleh membawa kepada perpaduan. Sebaliknya, kita jangan lagi menimbulkan perkara-perkara yang boleh memecah-belahkan perpaduan kaum. Satu perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai perkauman dan kedaerahan. Di sini saya ingin memberitahu bahawa kepentingan nasional harus mengatasi kepentingan perkauman dan kedaerahan.

Satu perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai dengan kebebasan yang dijamin dalam Perlembagaan. Saya ingin memberitahu bahawa walaupun kebebasan seseorang individu ada terjamin dalam Perlembagaan, namun demikian kebebasan itu mesti diikuti dengan tanggungjawab dan ianya tidak bermaksud untuk disalahgunakan. Sekiranya seseorang individu tidak mempunyai sikap bertanggungjawab dan bertindak sesuka hati, maka perbuatan itu jika tidak dikawal akan membawa kepada kesan yang buruk. Dalam erti kata yang lain, kebebasan ada batasnya.

Saya lebih tertarik kepada perkara hormat-menghormati yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Aspek ini adalah satu daripada nilai-nilai bersama dalam masyarakat Malaysia yang patut kita semua mengamalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng telah mencadangkan supaya Rukunegara dijadikan tema Perayaan Hari Kebangsaan, 1988. Suka saya menjelaskan di sini bahawa Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan, 1988 sedang mengkaji dan memilih tema-tema yang sesuai untuk dijadikan tema Hari Kebangsaan tahun ini. Beberapa garis panduan digunakan untuk memilih tema perayaan Hari Kebangsaan, di antaranya termasuklah semangat dan prinsip Rukunegara. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu sememangnya telah diambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok telah membangkitkan mengenai sumbangan Kerajaan kepada penerima Darjah Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.) supaya penghargaan yang diberikan kepada mereka lebih bermakna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Pusat sedang mengkaji kemungkinan memberikan elaun secara "token" kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.) atau kepada warisnya jika penerima bintang tersebut telah meninggal dunia. Oleh itu, soal Kerajaan Pusat tidak memikirkan untuk memberi elaun kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.) adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Kota Belud mencadangkan supaya hari bekerja dijadikan selama 5 (lima) hari dalam seminggu dan mensejagakan cuti hujung minggu bagi seluruh negara untuk mencapai matlamat integrasi nasional dan menggalakkan

pelancongan. Dalam hubungan ini, sebagai sebuah negara yang sedang membangun, maka semua rakyat Malaysia hendaklah meninggalkan produktiviti agar dapat bersaing dengan negara-negara asing. Walaupun masa cuti yang panjang akan menggalakkan pelancongan tetapi cadangan ini akan mengurangkan masa bekerja dan akan menjejaskan kemajuan negara.

Mengenai cadangan untuk mensejagakan cuti hujung minggu di seluruh negara, Kerajaan berpuas hati buat masa ini mengenai cuti hujung minggu yang diamalkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, memanglah diakui bahawa perancangan, analisa dan urusniaga ekonomi negara ini masih lagi berdasarkan sistem ekonomi barat. Kita perlu menyedari bahawa tidak semua teori ekonomi barat dan sosialis itu buruk, sebaliknya ada ciri-ciri yang baik dan tidak menyalahi hukum-hukum Islam yang patut diikuti dan dicontohi. Namun demikian, Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam proses perancangan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berhati-hati dalam mendekati isu ini, terutama memandangkan negara ini akan terus mengamalkan sistem ekonomi terbuka yang bergantung kepada perdagangan dan sistem kewangan antarabangsa.

Usaha-usaha akan diteruskan di dalam program perancangan ekonomi di mana keputusan-keputusan ekonomi bukan sahaja berasaskan kepada akal dan logik, tetapi juga mengambil kira nilai-nilai kemanusiaan, hukum halal dan haram serta hak-hak orang-orang miskin dan daif dalam bersama-sama mengecap nikmat kekayaan negara yang diusahakan secara halal serta mendapat restu dari Allah s.w.t.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor telah menyentuh bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) hanyalah merupakan satu program ekonomi untuk menyokong matlamat akhir perpaduan negara. Ini adalah kerana ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum adalah merupakan salah satu daripada punca utama yang menggugat perpaduan negara. Hakikat ini harus difahami oleh semua pihak.

Selaras dengan ini, pandangan Kerajaan terhadap isu-isu yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor itu adalah seperti berikut:

- (a) hasrat DEB dilaksanakan ialah untuk terus memperbaiki keadaan ketidakseimbangan ekonomi dalam masyarakat sehingga tercapainya keseimbangan yang adil dan bermakna. Ini ialah asas utama DEB. Berbagai-bagai strategi dan program termasuk yang bercorak "interventionist, dengan izin, telah dirangka dan dilaksanakan. Kerajaan berpendapat selagi wujudnya golongan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik selagi itulah ia perlu memikirkan dan melaksanakan dasar-dasar dan program-program yang bertujuan untuk golongan seperti itu. Kalaulah kita telah berjaya mengatasi bentuk-bentuk ketidakseimbangan ini, tentulah kita tidak perlu lagi kepada DEB dan dasar-dasar pertamanya;
- (b) kita harus sedar bahawa cara pengagihan yang dilaksanakan di negara ini adalah pada asasnya masih berasaskan sistem pasaran. Dari itu, tidak mungkin kita boleh memastikan setiap golongan yang disasarkan mencapai tahap faedah yang kita kehendaki. Daya usaha dan tindakan golongan bumiputera sendiri adalah penting bagi
- memenuhi hasrat DEB keseluruhannya. Dalam konteks ini, Kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan seperti melaksanakan Skim Amanah Saham Nasional di samping mengadakan berbagai-bagai program bantuan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputera;
- (c) adalah tidak benar bahawa sektor swasta telah tidak bekerjasama dengan sungguh-sungguh dalam penyerapan pekerja-pekerja mahir kaum bumiputera. Apa yang berlaku ialah beberapa pihak dalam sektor swasta mengalami beberapa batasan tertentu, sama ada dari segi corak perniagaan, bentuk organisasi dan sebagainya, yang menghadkan keupayaan mereka untuk mengambil begitu ramai pekerja-pekerja bumiputera. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya Kerajaan percaya bahawa sektor swasta harus sanggup meningkatkan lagi usaha-usaha mereka bagi mengambil pekerja-pekerja bumiputera lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana timbulnya isu siswazah menganggur;
- (d) tidak benar Kerajaan mengurangkan kontrak bagi kaum bukan bumiputera di sektor Kerajaan dengan sebab kaum bumiputera tidak mempunyai peluang di sektor swasta. Harus diingati bahawa tindakan Kerajaan membantu bumiputera dari segi pekerjaan dan kontrak adalah bertujuan untuk memberi peluang yang asas kepada mereka, memandangkan di peringkat awal kebanyakan mereka belum mampu bersaing dan berdikari di kalangan sektor swasta. Adalah diharapkan semua pihak

tidak melihat strategi DEB sebagai menyekat peluang kaum-kaum lain. Semua strategi DEB hendaklah dinilai secara keseluruhannya, bukan dilihat dari satu-satu sudut sahaja;

- (e) semua pihak harus faham matlamat murni di sebalik DEB. Kita telah pun menjalani DEB selama 17 tahun dan berbagai pengalaman telah kita pelajari. Kerajaan berpendapat bahawa strategi utama DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat perlu diteruskan walaupun selepas tahun 1990 demi untuk memastikan matlamat keseimbangan dan perpaduan di kalangan kaum di negara ini. Apa yang perlu dibuat sekarang ialah bagi Kerajaan dan pihak-pihak lain bersama-sama meneliti kelemahan-kelemahan yang dialami dan memperbaiki langkah-langkah kita dengan lebih tersusun di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi SibU dan Lembah Pantai telah membangkitkan mengenai pembangunan di Kuala Lumpur seperti kesesakan lalulintas dan kemudahan-kemudahan asas dan banjir. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus memberi kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk bandar yang berpendapatan rendah seperti kemudahan-kemudahan bekalan air paip umum, projek menggantikan tandas-tandas, longkang-longkang awam yang lebih sempurna dan perkhidmatan kesihatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputih telah membangkitkan masalah banjir di tepi Sungai Kerayong dan masalah

setinggian di kawasan Sungai Kerayong. Dalam hal ini Kerajaan berusaha untuk mengatasi masalah banjir melalui Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan di dalam beberapa projek yang sedang dan akan dilaksanakan bagi masalah tersebut.

Pelaksanaan projek tersebut terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah mendalam dan meluruskan Sungai Kerayong dan meliputi kawasan-kawasan sempadan Wilayah Persekutuan/Selangor yang bermula dari Taman Shamelin dengan perbelanjaan sebanyak \$1.3 juta dan dijangka siap pada penghujung tahun ini. Di samping itu sebuah jambatan baru akan dibina di Batu Tiga Setengah Kuala Lumpur. Bagi peringkat kedua pula, ianya masih dalam perancangan dan akan dilaksanakan pada tahun ini setelah mendapat kelulusan peruntukan daripada Kerajaan. Projek ini akan dimulakan dari jarak 200 meter dari flat perumahan Jalan Loke Yew hingga ke Sungai Kelang.

Menyentuh masalah setinggian di tepi sungai tersebut, Kerajaan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengambil tindakan memindahkan mereka, di bawah pelaksanaan peringkat pertama mendalam dan meluruskan Sungai Kerayong itu. Masalah ini dijangka akan dapat diatasi sepenuhnya apabila pelaksanaan peringkat kedua projek ini selesai.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Langat menyentuh mengenai masalah pengangguran dan dalam hal ini Kerajaan memang menyedari dan mengambil perhatian yang serius mengenai masalah ini. Beberapa langkah jangka pendek dan panjang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Bachok telah menyentuh mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam. Dasar Penerapan Nilai Islam memang telah lama dilaksanakan dan

usaha-usaha untuk mempertingkatkan penerapan tersebut dalam perkhidmatan awam terus dijalankan. Kerajaan melaksanakan berbagai program termasuk kursus-kursus, ceramah dan seminar untuk pegawai-pegawai Kumpulan A termasuk Ketua-ketua Jabatan. Kursus-kursus tersebut diadakan dari masa ke semasa bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pegawai-pegawai mengenai dasar tersebut.

Mengenai cadangan penyerapan Perkhidmatan Tadbir Am dengan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil perhatian dan satu kajian terperinci dan menyeluruh menyentuh segala aspek perkhidmatan tersebut sedang dilakukan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Bandau supaya taraf berpacen pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam diberi pada tahun perkhidmatan mereka yang terakhir, boleh dikaji jika ini menyumbangkan kepada peningkatan produktiviti.

Ahli Yang Berhormat bagi Simunan telah menyentuh mengenai tempoh ucapan oleh Ahli Dewan serta jumlah soalan yang boleh dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara ini boleh dipertimbangkan sekiranya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengemukakan cadangan-cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syorsyor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya memohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan menjawab atau menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun

demikian, perkara ini telah dicatat dan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pandangan, teguran dan sokongan terhadap perjalanan Kementerian Dalam Negeri semasa membahaskan Usul Terima Kasih di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tindakan Kerajaan menangkap dan menahan beberapa orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan membentangkan Kertas Putih di Dewan ini yang akan menjelaskan dengan terperinci segala peranan dan kegiatan pihak-pihak yang telah membawa kepada keadaan yang menjejaskan ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan negara dalam bulan Oktober, 1987. Pihak saya sengaja tidak mahu menjelaskan butir-butir tuduhan terhadap mereka yang ditahan kerana saya tidak mahu butir-butir yang diterangkan di dalam Kertas Putih akan menjadi maklumat yang basi apabila ditatapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh telah membuat kenyataan yang tidak tepat dan sengaja mengelirukan Dewan yang mulia ini dengan mendakwa mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di lima kawasan, tempat tahanan perlindungan, tidak diberi

katil sama sekali dan terpaksa tidur di atas lantai simen. Perkara yang sebenarnya ialah, cuma satu daripada 5 kawasan sahaja di tempat tahanan tersebut yang mempunyai katil yang diperbuat daripada simen. Seperti di kawasan-kawasan yang lain di tempat tahanan tersebut orang-orang tahanan adalah dibekalkan dengan tilam. Mereka tidak tidur di atas lantai simen seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyentuh mengenai butir-butir pertuduhan yang dikenakan terhadap orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mengenai perkara ini sukalah saya mengulangi sekali lagi bahawa tindakan Kerajaan adalah berdasarkan kepada kegiatan seseorang itu yang memudaratkan keselamatan negara. Tidak ada kaitan langsung dengan apa-apa yang berunsur politik oleh sebab jika sebab-sebab penahanan adalah sebab-sebab politik, saya pasti tidak ada Pembangkang di negara ini dan dengan itu pula Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang juga sudah tentu tidak dapat berucap dengan bebas dan lantang dalam Dewan yang mulia ini.

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini tempoh hari, bahawa jika Kerajaan hanya menangkap pihak-pihak yang mengkritik Kerajaan sahaja, sudah tentu kita terpaksa melipat-gandakan bilangan penjara, juga pusat-pusat tahanan di negara ini. Tidakkah terbayang di fikiran Yang Berhormat bahawa jika Kerajaan tidak bertindak tegas di hujung bulan Oktober yang lalu sesuatu malapetaka akan berlaku. Kemungkinan besar sidang Parlimen hari ini pun belum tentu dapat kita adakan dan Yang Berhormat sendiri tentu sekali tiada peluang bercakap berapi-api mengkritik Kerajaan. Ini membuktikan bahawa Kerajaan telah

menjalankan tindakan yang adil iaitu menjaga keamanan negara, ketenteraman awam di mana Parlimen dapat diteruskan dan Yang Berhormat berpeluang bercakap dan mengkritik Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga mendakwa bahawa butir-butir pertuduhan yang dikenakan kepada orang-orang tahanan pula diputar-belitkan, berat sebelah dan mempunyai motif yang tersembunyi. Mengenai perkara ini, saya suka mengulangi sekali lagi bahawa butir-butir pertuduhan tersebut adalah berdasarkan kepada kegiatan seseorang itu dan penggunaan butir-butir pertuduhan ini adalah terserah kepada pihak yang berkuasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, butir-butir pertuduhan itu akan dikaji dengan teliti oleh Lembaga Penasihat yang akan mendengar rayuan orang-orang tahanan tersebut terhadap perintah penahanan yang dikenakan kepadanya. Saya suka menjelaskan bahawa butir-butir pertuduhan ini tidaklah semestinya berdasarkan kepada hasil soal-siasat oleh pihak polis sewaktu orang-orang tahanan tersebut ditahan di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi juga faktor-faktor lain yang difikirkan bersangkutan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah mencadangkan supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri dihapuskan. Mengenai perkara ini, saya sukalah menyatakan bahawa Akta tersebut sangat perlu dari segi pencegahan untuk mencegah seseorang itu daripada bertindak dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan negara atau kepada penyegeraan perkhidmatan perlu ataupun kepada kehidupan ekonomi negara. Akta Keselamatan Dalam Negeri ini perlu untuk menegakkan demokrasi bukan seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang iaitu Akta

Keselamatan Dalam Negeri menjadi satu ancaman kepada kebebasan dan demokrasi. Tanpa Akta Keselamatan Dalam Negeri, kita tidak akan dapat mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam kerana di negara ini masih ramai orang-orang tertentu yang tidak inginkan keamanan atau tidak tahu menikmati keamanan dan kesentosaan.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa kakitangan Cawangan Khas sentiasa hadir semasa keluarga orang-orang tahanan melawat orang-orang tahanan, saya ingin menjelaskan bahawa perkara yang dibangkitkan adalah kurang jelas. Adakah ini semasa tahanan polis di bawah Seksyen 73 (1) atau semasa di kem tahanan?

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pula menuduh bahawa Kerajaan membenarkan pemimpin-pemimpin parti politik dari DAP dan PSRM membuat lawatan kepada orang-orang tahanan. Tuduhan ini adalah tidak benar. Sebenarnya tidak ada pemimpin-pemimpin dari mana-mana parti politik yang dibenarkan membuat lawatan kepada orang-orang tahanan. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga telah menuduh pihak Pusat Tahanan Taiping memujuk orang-orang tahanan masuk UMNO. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berjanji memberi bukti dakwaannya itu tetapi sehingga hari ini beliau belum lagi menunaikan janjinya.

Ahli Yang Berhormat dari Larut dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menghargai langkah-langkah Kerajaan untuk membasmi penyalahgunaan dadah. Tindakan Kerajaan membentang Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucutkan Harta) 1988 di dalam Dewan ini menunjukkan satu lagi langkah yang diambil oleh Kerajaan kita untuk membasmi dadah hingga kepada akar umbi. Saya berharap

ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan apabila undang-undang ini dibahaskan di dalam Dewan ini kelak. Jika Rang Undang-undang yang baru ini dapat diluluskan maka harta pengedar dadah boleh dilucutkan. Hasrat Kerajaan dan rakyat membentang Rang Undang-undang ini ialah untuk membebaskan negara ini dari ancaman najis dadah.

Yang Berhormat dari Kota Belud telah membangkitkan mengenai pelarian Filipina di negeri Sabah. Dikatakan pelarian Filipina dibenarkan tinggal di Sabah atas dasar perikemanusiaan, tetapi ada di antara mereka melakukan jenayah seperti merompak, merogol, pecah rumah dan mencuri di negeri yang memberi perlindungan kepada mereka. Mengenai ini sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan memang sedar tentang adanya kes-kes jenayah yang dilakukan oleh pelarian Filipina itu. Saya memberi jaminan bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan bertindak tegas ke atas sesiapa sahaja yang melakukan jenayah tanpa mengira negara asal mereka mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menyentuh perkara kebebasan persuratkhabaran di negara ini dan cuba menghubungkaitkannya dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang mengikut beliau telah menghalang kebebasan akhbar. Saya suka mengulaskan terlebih dahulu bahawa Akta Mesin Cetak dan Penerbitan adalah bertujuan mengawalseliakan penggunaan mesin cetak dan penerbitan demi menjaga ketenteraman awam dan kepentingan negara. Akta tersebut juga bertujuan memastikan pencetak dan penerbit akhbar memainkan peranan dengan penuh tanggungjawab dan tidak terbawa-bawa oleh kecenderungan yang akan menggugat keharmonian kaum dan kestabilan ekonomi.

Menjelang suku terakhir 1987, beberapa akhbar dengan tidak berhati-hati memuat dan menunjolkan berita-berita yang menyemarakkan perasaan perkauman tanpa hiraukan kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kerajaan menyokong kebebasan akhbar dan pihak akhbar hendaklah bertanggungjawab menghormati kebebasan ini dengan tidak menyalahgunakannya demi kepentingan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan yang dapat saya berikan pada kali ini. Mana-mana teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab, Kementerian Dalam Negeri dan saya sendiri akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kehakiman.

4.24 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kehakiman menjawab perkara-perkara mengenai bidang tugas Kementerian Kehakiman yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Di-Raja dijalankan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga Ahli Yang Berhormat dari Marang yang telah memberi pandangan serta cadangan yang berguna berhubung dengan masalah penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah ini, sukalah saya memaklumkan seperti yang pernah Dewan yang mulia ini dimaklumkan di masa-masa yang lepas iaitu semasa menjawab soalan

berhubung dengan masalah yang sama, seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1967, Akta 32, memberi kelonggaran kepada mahkamah berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia. Walaupun terdapat kelonggaran, namun begitu Kerajaan telah, sedang dan akan terus ambil beberapa langkah positif untuk memastikan bahawa Bahasa Malaysia digunakan di setiap peringkat mahkamah. Di antara langkah itu ialah:

- (i) Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan satu pekeliling kepada semua Hakim-hakim Mahkamah Agung, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret menunjuk ajar di mana yang boleh mereka menggunakan Bahasa Malaysia. Arahan ini telah dikeluarkan pada 21hb September, 1981.
- (ii) Kerajaan telah mewujudkan satu Biro Terjemahan yang ditempatkan di bawah Jabatan Kehakiman mulai tahun 1984 di mana tugas-tugas Biro tersebut di antara lain adalah membuat terjemahan semua kes-kes Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi ke dalam Bahasa Malaysia. Setakat ini Biro tersebut telah menyiapkan satu naskah mengenai senarai perkataan-perkataan Bahasa Malaysia yang digunakan di mahkamah dan dalam perundangan dan naskah tersebut telah diedarkan kepada semua Hakim dan pegawai kehakiman.
- (iii) Surat pekeliling telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah Rendah di negara ini supaya menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam kes-kes yang dibicarakan oleh mahkamah tersebut.

- (iv) Di dalam pentadbiran harian Jabatan Kehakiman, semua surat-menyurat dan pekeliling-pekeliling adalah di dalam Bahasa Malaysia.
- (v) Surat telah juga dikeluarkan kepada Majlis Peguam meminta badan tersebut menasihatkan semua peguam menulis surat dalam Bahasa Malaysia kepada mahkamah-mahkamah.
- (vi) Semenjak bulan September 1967 semua undang-undang yang digubal ada diterbitkan di dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di mana teks Bahasa Malaysia adalah teks yang sah. Di samping itu, Jabatan Peguam Negara sedang menterjemahkan semua undang-undang yang digubal sebelum September, 1967 dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.
- (vii) Borang-borang yang hendak difailkan di Mahkamah Tinggi oleh seorang peguam untuk diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara perlu dibuat dalam Bahasa Malaysia semenjak dua tahun yang lepas.
- (viii) Sejak tahun 1984 seorang peguam yang belum diterima masuk sebagai peguam disyaratkan mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil SPM atau yang setaraf dengannya dan jika tidak, mereka dikehendaki ambil peperiksaan yang dikendalikan oleh satu Lembaga yang dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah yang telah, sedang dan akan terus diambil seperti yang disebut tadi, suka saya juga

memaklumkan bahawa pihak mahkamah sedang mengambil tindakan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh pihak-pihak yang ada urusan dengan mahkamah dan juga pihak-pihak yang arif dalam bidang undang-undang dan bahasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan ke atas Titah Di-Raja di Dewan yang mulia ini sejak 8hb Mac, 1988. Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mengenai kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, industri kecil termasuk industri kraf, pembangunan kampung-kampung baru dan juga peranan MARA.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah meminta kemudahan air dan elektrik khususnya untuk kawasan Kota Belud. Sebagaimana yang dinyatakan beberapa kali di Dewan ini sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut di semua kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pendalaman, tidak ketinggalan kawasan Kota Belud. Walau bagaimanapun, keupayaan pelaksanaannya adalah bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Mengenai peruntukan bagi kawasan luar bandar dan kampung-kampung baru yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, saya suka menegaskan bahawa semua kawasan penempatan sama ada kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan lain diberi pertimbangan yang sama untuk pembangunan mengikut keperluan serta keutamaan bergantung kepada keupayaan Kerajaan. Pembangunan kampung-kampung baru melalui pendekatan yang menyeluruh merupakan satu proses jangka panjang yang berterusan. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai pembangunan di semua kawasan penempatan termasuk kampung-kampung tradisi dan kampung-kampung baru. Pembangunan di semua kawasan ini sedang diselaraskan dan tumpuan adalah diberi untuk pembangunan kawasan-kawasan yang kurang maju.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Larut, Gopeng dan Betong masing-masing telah menyentuh tentang industri kecil termasuk industri kraf.

Mengenai dasar industri kecil yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan pada masa ini sedang menyediakan satu dasar yang menyeluruh bagi pembangunan industri kecil. Diharapkan usaha ini akan dapat meningkatkan lagi pembangunan industri kecil di negara ini. Kerajaan juga sentiasa membuat penilaian kekesan bantuan kepada industri kecil sama ada yang berbentuk grant, subsidi dan pinjaman sebagai satu langkah untuk membantu industri tersebut. Kedua-dua bentuk bantuan sama ada melalui grant ataupun pinjaman mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing, tidak semestinya sekiranya dipertingkatkan grant atau subsidi untuk menggantikan bentuk-bentuk pinjaman maka dengan

sendirinya pembangunan pengusaha kecil itu akan berjaya. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar masih meneruskan bantuan grant bagi bengkel dan mesin di bawah Program Industri Kampung.

Kerajaan juga menyediakan grant bagi usaha-usaha pemasaran kepada beberapa agensi pemasaran yang dikenalpasti oleh Kementerian untuk memasarkan barang-barang keluaran pengusaha-pengusaha kecil. Begitu juga Kerajaan ada memberi grant untuk mengadakan tapak dan kilang bagi beberapa tapak perkilangan di bawah skim kilang bimbingan di beberapa tempat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap sedia maklum, Kompleks Perabot KEDA adalah dilaksanakan melalui grant yang telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Mengenai sekatan-sekatan birokrasi pula pihak Kerajaan sentiasa peka untuk memajukan industri kecil yang mana salah satu dari caranya ialah mengurangkan lagi sekatan-sekatan tersebut. Semua industri kecil tidak dikenakan lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) dan Kerajaan juga sedang mengkaji beberapa syarat dan undang-undang supaya ianya dapat dilonggarkan lagi.

Mengenai peluang-peluang pekerjaan bagi mereka yang menganggur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, Betong, Maran dan juga Kuala Langat sememangnya ia menjadi salah satu tujuan Kerajaan menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil supaya dapat menambah peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar juga telah banyak menyebarkan maklumat mengenai bantuan mesin, peralatan dan bengkel di bawah Program Industri Kampung

dengan harapan lebih ramai lagi pengusaha tampil ke hadapan memohon bantuan tersebut untuk meningkatkan lagi teknologi pengeluaran mereka. Kerajaan telah menyediakan bantuan dan perkhidmatan seumpama ini dan adalah terpulang kepada masyarakat untuk berusaha menjayakannya.

Mengenai latihan dan kursus bagi mereka yang berminat dalam perusahaan pengeluaran seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, Kerajaan telah menyediakan berbagai kursus latihan di banyak tempat bagi sesiapa yang berminat untuk melengkapkan lagi diri di dalam bidang pembangunan usahawan dan teknologi pengeluaran. Antara tempat-tempat tersebut ialah Pusat Daya Pengeluaran Negara, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, MARA, SIRIM, MARDI, Jabatan Pembangunan Koperasi dan juga yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, universiti-universiti, Dewan Bandaraya, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain.

Saya mengucapkan terima kasih atas minat dan saranan Ahli Yang Berhormat dari Larut juga mengenai pembangunan industri kecil di negara ini. Pada asasnya industri kecil yang boleh dihubungkan dengan industri pelancongan adalah industri kraf. Dalam membangunkan industri kraf, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengenalpasti dan menggalakkan pengeluaran barang-barang kraf yang ada pasaran seperti kraf untuk kegunaan harian dan kraf yang dikeluarkan secara perdagangan seperti barang-barang cenderamata untuk pelancong-pelancong. Hasil-hasil kraf seperti lencana, pemegang kunci dan lain-lain yang dibuat untuk mengenalkan dan mengenang sesuatu tempat yang dilawati memang telah

ada dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kita. Mengikuti kajian keluaran-keluaran seperti ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelancong-pelancong tempatan terutama murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut, sementara pelancong luar negeri lebih berminat kepada barangan kraf yang unik dan tersendiri yang mempunyai ciri-ciri Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Betong yang telah mengambil berat tentang pasaran bagi barangan kraf. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensi-agensinya telah mengatur langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan lagi bekalan barangan kraf di pasaran. Di antara usaha-usaha yang telah diambil ialah menyusunatur unit-unit pengeluaran yang sedia ada di mana tenaga-tenaga yang terlibat di dalam pengeluaran barangan kraf diberi tunjuk ajar mengeluarkan barangan tersebut dengan lebih sistematik, efisien serta peka kepada seluk-beluk perniagaan. Bagi memastikan barangan yang dikeluarkan mendapat sambutan pasaran, pengusaha-pengusaha digalakkan untuk hanya mengeluarkan barang-barang yang mempunyai pasaran sahaja di mana kadar bayaran dan tarikh pengambilan barang telah ditetapkan. Melalui cara yang sedemikian masalah harga dan pengambilan barang tidak timbul di kalangan para pengusaha.

Bersabit dengan masalah pasaran juga, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedang mengambil tindakan untuk menyusun rangkaian pemasaran yang cukup. Salah satu tindakannya ialah membuat pelarasan tanggungjawab dengan meletakkan Syarikat Pemasaran Karyaneka (Sdn.) Bhd. di bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan

Malaysia mulai 1hb Disember, 1987. Langkah ini bukan sahaja bagi membantu mengatasi masalah modal pusingan syarikat tersebut supaya dapat beroperasi secara cekap dan menguntungkan, tetapi juga untuk memastikan urusan pemasaran barangan kraf dapat berjalan dengan lebih berkesan dan meluas dengan cara mengatur beberapa strategi pemasaran baru.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam supaya MARA dibuka untuk semua syarikat termasuk bukan bumiputera, saya suka menjelaskan di sini bahawa tujuan MARA ditubuhkan pada tahun 1966 adalah khususnya untuk memajukan taraf sosio-ekonomi masyarakat bumiputera. Peranan tersebut adalah selaras dengan matlamat koporat MARA ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Council of Trust for the Indigenous People. Tujuan koporat MARA ialah membangun dan memajukan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Hasrat dan matlamat ini dihayati melalui pelaksanaan program usahawan pelajaran, pengendalian syarikat dan juga perkhidmatan pengangkutan luar bandar. Dari segi dasar sememangnya semua program yang dianjurkan oleh MARA adalah khas bagi bumiputera sahaja. Sungguhpun begitu melalui anak-anak syarikatnya MARA ada membuka peluang kepada kaum lain untuk menyertai sama program yang dianjurkan oleh MARA. Sebagai contoh melalui Maktab Yayasan Pelajaran MARA umpamanya, MARA memperuntukkan 10% pengambilan pelajar kepada kaum lain. Oleh itu, memanglah ada peluang diberikan oleh MARA kepada semua anggota masyarakat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan

perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jawab, saya akan pastikan bahawa perkara-perkara tersebut akan disusuli dan di mana perlu diambil tindakan sewajarnya oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seorang sahaja Ahli Yang Berhormat, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas yang telah menyentuh mengenai perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan usul ucapan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas telah membangkitkan potensi mengadakan perkhidmatan keretapi Orient Express dari Istanbul ke Singapura dengan menggunakan route, dengan izin, melalui Bangkok dan Kuala Lumpur ke Singapura. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mencadangkan supaya Keretapi Tanah Melayu mengambil peluang untuk turut serta dalam perkhidmatan Orient Express. Untuk makluman Yang Berhormat, Keretapi Tanah Melayu telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak Orient Express dan Kerajaan Thailand mengenai perkara ini sejak tahun 1987 untuk cuba merebut peluang bagi menyertai perkhidmatan Orient Express tersebut. Sehingga kini keputusan muktamad mengenainya belum dapat dibuat. Saya ingin menegaskan Kementerian Pengangkutan akan memberikan pertimbangan yang saksama kepada cadangan Ahli

Yang Berhormat itu dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas pandangannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Titah Di-Raja, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap Kementerian Pertahanan dengan memberikan berbagai syor dan pandangan yang berguna itu. Jelas menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa peka dengan perkembangan keselamatan negara kita. Saya tidak akan menyentuh atau menjawab satu persatu soalan-soalan yang dibangkitkan kerana di antara perkara-perkara yang dibangkitkan itu telah pun saya jawab pada masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar antara lainnya telah menyarankan supaya Angkatan Tentera Malaysia dilatih dalam penggunaan alat kelengkapan peperangan conventional. Terima kasih atas saranan tersebut. Sebenarnya Angkatan Tentera Malaysia sentiasa menjalankan latihan bagi mengekalkan dan mempertingkatkan kecekapannya. Latihan ini melibatkan persiapan untuk perang conventional dan menentang insurgency. Keupayaan Angkatan Tentera kita telah dirancang supaya kekuatan memenuhi kehendak mempertahankan kepentingan negara

peringkat keupayaan ini sentiasa dijalankan melalui latihan di antara ketiga-tiga perkhidmatan, iaitu perkhidmatan Tentera Darat, Laut dan Udara. Bagi membantu dasar luar negara untuk mewujudkan keamanan serantau, maka Malaysia telah mengadakan hubungan ketenteraan bilateral dengan negara-negara ASEAN dalam bentuk kerjasama di bidang operasi dan latihan dengan negara ahli. Di samping itu latihan dengan negara-negara di bawah peraturan Pertahanan Lima Negara, iaitu New Zealand, United Kingdom, Australia dan Singapura yang diadakan setiap tahun, latihan-latihan ini bukan sahaja untuk meningkatkan kecekapan corak peperangan conventional tetapi juga untuk mengeratkan kerjasama di antara negara-negara tersebut.

Mengenai keselamatan perairan negara dan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis, masing-masing mengesyorkan agar TLDM memainkan peranan untuk menjamin agar perairan negara tidak dicerobohi. Peranan utama Tentera Laut Di-Raja Malaysia dengan bantuan Tentera Udara Di-Raja Malaysia dan Polis Di-Raja Malaysia pada keseluruhannya adalah pertahanan maritim negara dan ruang angkasa negara. Dalam memikul tanggungjawab ini, TLDM sentiasa menjalankan penguasaan maritim, dengan izin, maritime surveillance dan rondaan ini di sekitar perairan negara, termasuklah di Zon Ekonomi Eksklusif. Saya sedar dengan adanya pergolakan yang berlaku di rantau ini peranan TLDM semakin mencabar, oleh itu penyertaan kapal-kapal baru ke dalam Armada TLDM adalah sesuai dengan rancangan TLDM untuk menjadikan TLDM dari Coastal Navy kepada Off-shore Navy, malah kegiatan maritim juga turut memberikan kesan kepada TLDM di samping memperkuatkuasakan wilayah EEZ.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TLDM hari ini mempunyai beberapa buah kapal yang mempunyai sistem yang moden untuk beroperasi dalam semua suasana peperangan. Peranan TLDM hari ini tidak sahaja terhad kepada penumpuan keselamatan semata-mata, malah ianya juga meliputi memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan tempatan, penyeludupan, pelantar minyak, perlanunan sehinggalah kepada kerja-kerja penyelidikan sains samudra.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengharapkan supaya pertubuhan ASEAN tidak dijadikan sebagai pakatan tentera. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ASEAN ditubuhkan atas konsep kerjasama dalam bidang ekonomi dan kebudayaan. Ini jelas kepada kita bahawa wujudnya ASEAN adalah atas kesedaran untuk mempertingkatkan dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan di antara ahli-ahli. Buat masa ini konsep ASEAN masih lagi tidak berubah. ASEAN tidak ada rancangan untuk menjadikan ASEAN sebagai pakatan kententeraan, walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti kententeraan sentiasa diadakan di antara negara-negara ahli secara kerjasama dua hala, dengan izin, bilateral. Melalui Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia-Indonesia, Malaysia-Thailand, Angkatan Tentera negara masing-masing sentiasa mengadakan beberapa siri latihan bersama sebagai langkah mempertingkatkan keupayaan peperangan dan profesionalisme dalam kerjaya kententeraan. Di bawah kerjasama dua hala, TLDM sering mengadakan latihan kententeraan bersama tentera Negara Brunei Darussalam.

Mengenai cadangan agar sistem perisikan diperkuatkan, di sini saya nyatakan bahawa perisikan Angkatan Tentera kita sentiasa

mengikuti perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini bagi menentukan agar kita tidak terperangkap dengan keadaan yang tidak terduga.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas juga mengesyorkan supaya Kementerian Pertahanan melantik anggota-anggota Angkatan Tentera dari kalangan graduan bagi jawatan pegawai. Sebagaimana yang sering saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, iaitu Kementerian Pertahanan sentiasa mengalu-alukan penyertaan para belia, termasuklah graduan-graduan yang berminat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Angkatan Tentera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia ada menaja siswazah-siswazah sama ada dari Cawangan Putera Maktab Tentera Di-Raja mahupun siswazah-siswazah am ke universiti-universiti tempatan dan luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus dalam bidang pengajian-pengajian yang disyaratkan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Mereka yang ditaja oleh ATM ini apabila tamat pengajian akan ditawarkan berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai Pegawai Graduan Tugas Am, walau bagaimanapun pintu sentiasa terbuka kepada graduan-graduan yang bukan tajaan ATM yang berminat dan memenuhi syarat kemasukan untuk memasuki perkhidmatan Angkatan Tentera.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga meminta supaya pemberian saguhati \$10,000 kepada perajurit yang terkorban dikaji semula. Di sini saya nyatakan iaitu saguhati Derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara untuk anggota tentera yang cedera dan meninggal dunia semasa bertugas telah pun menaikkan kadar bayaran saguhati tersebut dari \$10,000 kepada \$15,000 kepada anggota yang terkorban semasa bertugas dan juga menaikkan kadar bayaran kecederaan mengikut taraf kecederaan. Kadar

baru ini mula berkuatkuasa pada 18hb Mei, 1985. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini mulai 1hb Januari, 1987 pemberian saguhati dari tabung ini telah diperluaskan pembayarannya kepada anggota-anggota tentera yang cedera dan meninggal dunia semasa bertugas yang mana sebelum tarikh tersebut pemberian saguhati hanya diberi kepada anggota-anggota tentera yang tercedera dan meninggal dunia dalam tugas operasi sahaja layak menerima saguhati tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok meminta agar dikaji kedudukan penerima pingat tertinggi Angkatan Tentera iaitu Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.) dengan memberi taraf yang sama seperti penerima pingat Victoria Cross di United Kingdom. Kerajaan sentiasa peka dengan jasa bakti yang telah disumbangkan oleh anggota tentera dalam usaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara. Kerajaan juga sedar sungguhpun kesanggupan mengorbankan nyawa kerana menjalankan tugas bagi mempertahankan maruah negara telah diberi pengiktirafan dengan penganugerahan Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.), tetapi pengiktirafan ini akan lebih bermakna dan jelas lagi jika disusuli pula dengan pemberian elaun kewangan. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Kerajaan telah pun mengenalpasti kedudukan ini dan satu kajian mengenai perkara ini sedang dibuat dan insya Allah ianya akan dapat dilaksanakan apabila kajian tersebut selesai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan soal tidak adanya anak Sarawak yang memegang jawatan pegawai tinggi, khususnya yang berpangkat Jeneral dalam Angkatan Tentera. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada sebarang diskriminasi dalam

perlantikan pegawai tinggi dalam Angkatan Tentera. Perlantikan pegawai tentera tidak tertakluk kepada mana-mana keturunan sama ada mereka rakyat Sarawak, Sabah atau Semenanjung. Tidak ada satu kuota yang tertentu digunakan untuk perlantikan pegawai dalam Angkatan Tentera. Perlantikan Pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria yang tertentu seperti kekanan dalam perkhidmatan, telah menjalani kursus-kursus yang tertentu serta telah lulus peperiksaan, yang diisyaratkan dan lain-lain lagi dan bukan berdasarkan kepada keturunan sebagaimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat. Memang diakui tidak ada bumiputera Sarawak berpangkat Jeneral pada masa ini tetapi ini bukanlah kerana diskriminasi. Namun demikian, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat buat masa ini memang terdapat pegawai-pegawai kanan tentera terdiri dari anak negeri Sarawak yang berpangkat Kolonel yang tidak mustahil mereka ini akan menyandang jawatan Jeneral pada masa hadapan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan serta ulasan saya terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Pertahanan. Mana-mana perkara yang mungkin saya tidak sempat jawab dalam jawapan ini akan dikaji dan diberi perhatian sekiranya sesuai demi untuk kebaikan Kementerian Pertahanan khususnya dan negara amnya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon jawapan dari Kementerian saya ditangguhkan sebentar, sementara ini saya dapat persetujuan dari

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjawab dahulu. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh. Yang Berhormat dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membena dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja, khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menarik perhatian Kerajaan betapa perlunya diadakan usaha-usaha yang lebih gigih untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Beliau telah menyarankan supaya syarat-syarat mendirikan industri dikaji semula supaya tidak menimbulkan kesulitan kepada pelabur-pelabur.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun mengambil berbagai langkah untuk memperbaiki iklim pelaburan supaya dapat menarik lebih banyak pelaburan ke negara kita. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah melonggarkan syarat penyertaan ekuiti asing, pengambilan pegawai asing, peraturan-peraturan berhubung dengan pemerosesan dan kelulusan projek-projek perkilangan. Kerajaan juga telah menggubal dan memperkenalkan sistem galakan yang baru yang lebih menarik di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Dengan adanya sistem galakan ini, kedudukan

Malaysia sebagai pusat pelaburan adalah dianggap lebih menarik lagi dan dapat bersaing dengan lebih berkesan dengan negara-negara jiran yang lain. Syarat-syarat mendirikan industri diadakan dengan tujuan untuk mengawal dan menyelaraskan pembangunan perindustrian di negara ini dan bukan bertujuan untuk menyekat atau menyulitkan pelabur-pelabur. Kerajaan sentiasa mengadakan perbincangan dua hala dengan pelabur-pelabur untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur dalam memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan seberapa yang boleh Kerajaan akan membantu mereka dalam mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mencadangkan supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada syarikat-syarikat yang berbentuk multinational dalam usaha menarik pelaburan asing. Beliau juga mahukan syarikat-syarikat tersebut memainkan peranan yang lebih di dalam masalah perpindahan teknologi kepada syarikat-syarikat tempatan.

Pihak Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian terhadap peranan syarikat-syarikat multinational dalam pembangunan perindustrian negara. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah pun menetapkan beberapa garis panduan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi apabila syarikat asing melabur ataupun menandatangani perjanjian dengan syarikat tempatan. Ini termasuklah syarat-syarat mengenai ekuiti, pemindahan saham, pengajian pegawai dagang, kawalan pencemaran dan lain-lain bertujuan untuk menentukan supaya kepentingan negara sentiasa dipelihara. Pihak Kerajaan juga sentiasa mengambil berat terhadap pemindahan teknologi syarikat-syarikat asing kepada syarikat-syarikat

tempatan. Antara langkah-langkah yang diambil ialah;

Pertama, mengadakan lawatan ke kilang dan meninjau sendiri pelaksanaan pemindahan teknologi yang telah dilakukan.

Kedua, memastikan syarikat-syarikat asing memberikan latihan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja tempatan supaya mereka dapat mempelajari teknologi yang berkenaan.

Ketiga, menetapkan tempoh perjanjian dan keistimewaan yang diberi. Jika syarikat asing gagal memberikan kerjasama dalam usaha pemindahan teknologi, kemungkinan perjanjian mereka tidak akan dilanjutkan lagi dan keistimewaan yang diberi ditarik balik; dan

Keempat, menyemak dan memastikan perjanjian yang akan diluluskan tidak ada peruntukan yang boleh menghadkan atau membataskan pemindahan teknologi kepada rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah mencadangkan supaya pasaran tekstil, buah-buahan dan sebagainya di tembusi dan diperluaskan lagi seperti apa yang dilakukan oleh negara jiran kita, Thailand, yang mana telah berjaya menembusi pasaran Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan memang sentiasa melaksanakan rancangan-rancangan galakan eksport keluaran tekstil Malaysia ke pasaran luar negeri. Rombongan-rombongan galakan eksport ke Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan lain-lain yang dianjurkan oleh Kerajaan, adalah juga disertai oleh pengilang-pengilang dan pengeksport-pengeksport keluaran tekstil Malaysia. Para peserta yang mewakili sektor perkilangan tekstil bukan sahaja digalakkan mengeksport

jenis-jenis keluaran yang dikenakan sekatan kuota, malahan keluaran-keluaran yang tidak dikenakan sekatan kuota. Mereka juga digalakkan menembusi pasaran-pasaran baru. Setakat ini kegiatan galakan eksport ke atas keluaran tekstil bolehlah disifatkan berjaya.

Ini dapat dilihat dari prestasi eksport sektor ini yang semakin meningkat. Umpamanya, dalam 11 bulan pertama tahun 1987, jumlah eksport bernilai hampir \$2 billion berbanding dengan \$1.7 billion pada tahun 1986. Dari jumlah tersebut, eksport keluaran tekstil Malaysia ke Amerika Syarikat bernilai \$782.2 juta, diikuti oleh Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) \$506.15 juta, Jepun \$102.7 juta dan lain-lain negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga menyarankan agar Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di London, New York dan Paris berusaha dengan lebih gigih untuk mendapat pasaran bagi barang-barang keluaran negara. Saya suka menyatakan bahawa sememangnya menjadi tugas utama Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri untuk mencari dan mendapatkan pasaran-pasaran bagi barangan eksport Malaysia, termasuk barang-barang komoditi dan barang-barang perkilangan.

Dalam usaha menggalakkan barang eksport Malaysia, Pesuruhjaya Perdagangan sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pengimport-pengimport, gedung-gedung perniagaan dan pegawai-pegawai Kerajaan di negara-negara tersebut, bagi mempengaruhi dan meyakinkan mereka agar mendapatkan bekalan dan mengimport barangan keperluannya dari Malaysia.

Di samping perbincangan-perbincangan tersebut, Pesuruhjaya Perdagangan juga membuat kajian pasaran terperinci mengenai prospek barangan eksport Malaysia menembusi

pasaran antarabangsa. Laporan-laporan mengenainya dimajukan oleh Pesuruhjaya Perdagangan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia untuk dijadikan panduan. Pesuruhjaya Perdagangan juga sentiasa membantu pengeksport-pengeksport Malaysia yang melawat negara-negara di bawah jagaan mereka dengan mengaturkan pertemuan-pertemuan dengan pembeli-pembeli di negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyarankan supaya Malaysia meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara Dunia Ketiga. Saya suka menyatakan bahawa adalah menjadi dasar negara ini untuk meningkat dan mengukuhkan hubungan perdagangan dengan semua negara khususnya negara-negara Dunia Ketiga. Ini adalah kerana pasaran dalam negara kita adalah terlalu kecil. Dengan itu adalah penting bagi negara ini mencari pasaran bagi keluaran-keluarannya di luar negeri. Hubungan perdagangan yang erat dengan negara-negara luar juga adalah penting untuk membolehkan kita mencari punca bekalan barang-barang yang diperlukan yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara dengan murah dan efisien.

Kerajaan sering melaksanakan aktiviti-aktiviti galakan perdagangan di pasaran negara-negara Asia Barat, Asia Timur dan kawasan Pasifik. Malaysia juga telah pun menerima kunjungan perdagangan dari beberapa negara sedang membangun. Usaha mempererat lagi hubungan perdagangan dengan negara-negara Dunia Ketiga akan diteruskan oleh Kerajaan. Namun begitu, kejayaan usaha ini adalah juga bergantung kepada sambutan dan inisiatif syarikat-syarikat swasta kita.

Mengenai persaingan Indonesia dalam pasaran eksport minyak kelapa sawit yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, perlu

dinyatakan bahawa negara-negara anggota ASEAN adalah bebas mencari pasaran di luar negeri bagi barang-barang keluaran masing-masing. Apa yang penting adalah bagi pengeluaran-pengeluar tempatan supaya sentiasa peka terhadap perkembangan-perkembangan di pasaran luar negeri dan berusaha serta menentukan bahawa kos pengeluaran kita sentiasa kompetitif.

Namun demikian, sukacita juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di Persidangan Ketua-ketua Negara ASEAN yang Ketiga di Manila pada 14hb dan 15hb Disember 1987, ASEAN sebagai satu kumpulan ekonomi serantau secara keseluruhan telah berjaya mencapai kata sepakat dan bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama antara satu sama lain di bidang komoditi. Aspek-aspek kerjasama itu termasuklah merangka tindakan-tindakan bersama yang sesuai bagi mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan kecenderungan negara-negara pengimport untuk menyekat kemasukan keluaran negara ASEAN ke negara mereka, meningkatkan program penyelidikan dan perancangan (R & D) serta menubuhkan pertubuhan-pertubuhan komoditi serantau. Langkah-langkah seumpama ini akan dapat mengurangkan konflik kepentingan nasional antara negara anggota yang terlibat dan akan memupuk semangat kerjasama serantau yang lebih kukuh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan isu Pelan Induk Perindustrian yang dikatakan tidak merangkumi Kedah, Perlis dan Kelantan. Suka saya terangkan bahawa Pelan Induk Perindustrian (PIP) adalah merupakan pelan pembangunan perindustrian yang menyeluruh dan tidak menumpukan perhatian kepada mana-mana negeri jua pun di Malaysia. Cadangan pembangunan perindustrian mengikut

sektor seperti yang disarankan oleh PIP merupakan kaedah-kaedah pembangunan di peringkat sektor industri yang tertentu dan industri-industri berkenaan bolehlah diwujudkan di mana-mana juga negeri sekiranya didapati bahan-bahan "input" kepada industri-industri yang dinyatakan itu terdapat di negeri-negeri yang berkenaan. Dengan kata lain, industri-industri mengikut sektor-sektor yang telah dikenalpasti oleh PIP boleh wujud di mana-mana negeri jua pun.

Penempatan industri-industri itu walau bagaimanapun adalah bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang boleh diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, selain daripada kemudahan-kemudahan galakan, iaitu insentif, yang disediakan oleh Kerajaan Pusat di bawah peruntukan Akta Galakan Pelaburan, 1986. Kemudahan-kemudahan tambahan ini, di antara lain, termasuklah skim harga lot-lot tanah perindustrian yang menarik, harga pembayaran utiliti yang munasabah, serta kos pembinaan infrastruktur yang murah dan lain-lain.

Di samping itu PIP tidak pula menyekat pengwujudan kawasan-kawasan perindustrian di mana-mana jua negeri, selain dari menyarankan bahawa pembangunan perindustrian hendaklah mengikut konsep koridor di mana kemudahan-kemudahan asas infrastruktur telah sedia ada. Salah satu daripada koridor pembangunan perindustrian yang disarankan oleh PIP sememangnya merangkumi negeri-negeri Kedah dan Perlis iaitu the western corridor, manakala the eastern corridor pula adalah merangkumi negeri-negeri di Pantai Timur termasuk Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal one-stop agency, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor,

sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah pun mengarahkan semua negeri menubuhkan one-stop agency di peringkat negeri bagi mempercepatkan pemerosesan permohonan untuk mendapatkan kelulusan mendirikan projek-projek perindustrian. Di peringkat Persekutuan, Kerajaan telah memutuskan supaya one-stop agency ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mempercepatkan pemerosesan permohonan-permohonan di peringkat Persekutuan.

Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dalam pembangunan industri. Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan akan menyediakan galakan-galakan untuk menarik pelaburan ke negara kita dan Kerajaan Negeri dikehendaki memainkan peranan dengan menyediakan tanah atas kadar yang berpatutan, membina infrastruktur yang cukup untuk pembangunan industri dan membantu pelabur-pelabur dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di peringkat negeri.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri Selangor serta beberapa buah lagi Kerajaan Negeri seperti Melaka, Perak, Kelantan dan Terengganu telah pun menubuhkan satu Pusat Serenti atau one-stop agency, yang membincangkan isu-isu berkaitan dengan dasar-dasar perindustrian. Semua pihak yang terlibat seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC), Pejabat Tanah, LLN, JKR, Jabatan Telekom dan MIDA sama-sama memberi kerjasama dalam usaha mempercepatkan proses kelulusan projek-projek perindustrian.

Dengan langkah-langkah seperti yang disebutkan di atas, Kerajaan berharap akan dapat mempesatkan pembangunan industri yang mana akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada beberapa isu tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya menyambut dan menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ada empat perkara yang perlu diberikan penjelasan dalam Dewan ini berikutan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh empat Ahli Yang Berhormat.

Yang pertama ialah Ahli Yang Berhormat dari Saratok yang memberi pandangan mengenai peruntukan yang diagihkan kepada masyarakat luar bandar supaya dapat menikmati kemudahan jana kuasa elektrik ke rumah-rumah mereka lebih-lebih lagi kepada negeri Sarawak.

Mengikut peruntukan yang difikirkan sesuai dan seimbang dan memandangkan keadaan negeri Sarawak semasa merancang Rancangan Malaysia Kelima ianya diperuntukkan sebanyak \$227 juta. Hingga kini lebih kurang \$30 juta telah diberikan kepada Negeri Sarawak untuk tahun 1986 dan untuk tahun 1987 tidak ada peruntukan yang diberikan. Pada tahun 1988 adalah dianggarkan lebih kurang \$3.9 juta untuk negeri tersebut dan dijangka untuk tahun

1989 dan 1990 lebih kurang \$4 juta untuk satu-satu tahun.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada keupayaan yang ada pada Kerajaan Persekutuan untuk rancangan bekalan elektrik luar bandar maka peruntukan ini perlu diagih-agihkan di antara negeri-negeri di Persekutuan ini dan peruntukan yang telah saya sebutkan tadi sama ada yang telah dilaksanakan ataupun yang akan diperuntukkan adalah merupakan keupayaan berdasarkan kepada keupayaan yang ada daripada Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap mengenai rancangan Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri desa. Sambil itu pula wujud masalah peraturan-peraturan yang perlu dikenakan kepada usaha untuk mewujudkan industri tersebut khususnya kilang-kilang di luar bandar.

Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kalau sekiranya banyak sangat peraturan yang dikenakan maka ianya akan menjejaskan usaha ke arah pengwujudan industri dan kilang di luar bandar. Sebagai contoh, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap menyebut tentang perlunya kilang-kilang tersebut memenuhi syarat yang dikenakan seperti piawai dan juga jika perlu terpaksa diwujudkan pencawang-pencawang ataupun substations untuk kilang-kilang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa kelulusan untuk mendirikan kilang-kilang di desa sebenarnya ialah di bawah bidang kuasa Majlis Daerah kalau sekiranya dalam lingkungan bidang kuasa Majlis Daerah tertentu. Peranan Lembaga Letrik Negara adalah sekadar untuk melaksanakan bekalan elektrik

tersebut dan juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pendawaian dibuat mengikut piawaian yang tertentu untuk menjamin keselamatan dan penggunaan elektrik.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa beban yang biasanya diambil oleh kilang walaupun di desa adalah lebih tinggi daripada beban yang digunakan oleh rumah ataupun kedai. Oleh yang demikian perlulah satu usaha untuk menjamin tentang keselamatan bekalan tersebut. Biasanya bekalan itu memerlukan voltage yang tinggi dan juga yang stabil maka perlulah diwujudkan pencawang-pencawang. Jika sekiranya ini diperlukan maka sumbangan daripada pihak pengguna dikehendaki. Ini adalah ditentukan dengan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang dianggap wajar. Walaupun begitu ingin saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa pihak Lembaga Letrik Negara sedang mengkaji tentang sambungan tersebut supaya ianya tidaklah begitu berat untuk ditanggung oleh mana-mana pihak jika sekiranya memerlukan bekalan elektrik pada masa-masa akan datang. Jika sekiranya kajian ini akan selesai nanti, kita mengharapkan bahawa faedahnya akan dapat dirasakan oleh pihak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh yang membangkitkan tentang pemotongan perkhidmatan telefon di negeri Selangor khususnya di kawasan setinggan. Ahli Yang Berhormat merasa dukacita tentang langkah yang terakhir yang dibuat oleh Syarikat Telekom Malaysia ini. Ingin saya maklumkan di sini bahawa Syarikat Telekom Malaysia adalah merupakan satu perbadanan bahkan sebuah syarikat yang bertanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan telefon dan ia tertakluk kepada dasar Kerajaan Negeri untuk membekalkan

perkhidmatan tersebut ke kawasan setinggan. Kebelakangan ini pihak Syarikat Telekom Malaysia telah menerima surat edaran rasmi daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya merujuk kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada meneruskan bekalan telefon ataupun tidak ke kawasan setinggan. Maka dasar tentang membekalkan kemudahan tersebut adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini perlu ditepati oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara yang terakhir yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengenai bekalan elektrik dan telefon di luar bandar. Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya penekanan Kerajaan sepatutnya bukan tertumpu kepada kawasan bandar sahaja tetapi juga di kampung-kampung termasuk kawasan setinggan. Mengenai kawasan setinggan saya telah dimaklumkan bahawa Lembaga Letrik Negara dan juga Syarikat Telekom Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Majlis Daerah tertentu dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang tertentu. Jika sekiranya Majlis Daerah ataupun Kerajaan mengizinkan kedua-dua badan tersebut untuk membekalkan elektrik dan telefon mereka akan melaksanakan dan menyampaikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Mengenai bekalan telefon ke luar bandar, ingin saya menyatakan di sini bahawa walaupun dibentukkan sebuah syarikat seperti Syarikat Telekom Malaysia, Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawab untuk membekalkan kemudahan tersebut ke luar bandar, bahkan di dalam lesen yang dikeluarkan untuk Syarikat Telekom Malaysia oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos wujud di situ syarat yang merupakan obligasi syarikat tersebut untuk menyampaikan bekalan telefon ke luar bandar.

Kita sedar bahawa pada hari ini bekalan telefon bukan merupakan satu keistimewaan hidup dalam masyarakat kita, tetapi merupakan makin lama ia merupakan satu keperluan untuk perhubungan dan sebagainya termasuklah merupakan keperluan masyarakat luar bandar.

Pada hari ini pada puratanya kita dapat membekalkan setiap 107 telefon dalam negara kita dan setiap 100 agak lebih banyak bekalannya di kawasan bandar khususnya di kawasan Lembah Kelang ini. Kalau kita lihat nisbahnya di luar bandar agak kurang jika sekiranya kita bandingkan dengan kawasan bandar khususnya kawasan Lembah Kelang.

Oleh yang demikian usaha untuk menyambung bekalan elektrik ke luar bandar masih lagi ketinggalan. Walaupun begitu Syarikat Telekom Malaysia berdasarkan kepada pengalaman sepanjang tahun 1987, iaitu tahun pertama Jabatan Telekom Malaysia menjadi sebuah syarikat, berusaha untuk membekalkan telefon ke luar bandar dengan dua cara. Yang pertama ialah untuk menyampaikan bekalan dalam bentuk telefon awam terutama sekali di kawasan-kawasan yang agak jauh daripada talian yang sedia wujud pada tempat-tempat dan kawasan-kawasan yang tertentu. Kita mengharapkan bahawa bekalan telefon awam ini akan berterusan sebagai satu daripada langkah yang paling cepat untuk membekalkan kawasan luar bandar dengan kemudahan telefon.

Cara yang kedua ialah cara jangka masa panjang di mana talian-talian akan disampaikan terus menerus daripada pencawang-pencawang yang ada di tempat-tempat dan kawasan-kawasan tertentu supaya ianya sampai ke luar bandar supaya kemudahan telefon akan dapat disampaikan bukan sekadar telefon awam tetapi untuk

disambung ke rumah-rumah berdasarkan kepada permintaan yang ada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk langkah ini ia memerlukan perbelanjaan yang banyak, bukan sahaja sekadar untuk membuat talian ke luar bandar bahkan untuk mewujudkan dan mendirikan pencawang-pencawang yang baru dan Syarikat Telekom Malaysia (STM) sewajarnya menimbang antara kos dan faedah langkah-langkah yang hendak dibuat. Walaupun begitu, seperti yang saya katakan tadi terkandung dalam lesen bahawa ini merupakan obligasi dan tanggungjawab STM dan kita yakin bahawa Syarikat tersebut adalah syarikat yang bertanggungjawab.

Kemudian, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai bekalan elektrik di luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan elektrik ke luar bandar di Malaysia ini merupakan satu pencapaian yang baik, kalau sekiranya kita bandingkan dengan negara-negara yang sedang membangun pada hari ini. Walaupun begitu, kalau kita lihat perbezaan yang wujud antara negeri-negeri yang tertentu.

Ada di antara negeri-negeri kita ini yang boleh dikatakan sudah tiba pada tahap seratus peratus bekalannya, yang tertinggal sekadar rumah-rumah yang tertentu yang agak tersorok di kampung-kampung ataupun di kawasan yang tertentu, tetapi ada juga di negeri-negeri yang tertentu di mana bekalan masih lagi pada tahap yang rendah. Dan kita sudah tiba pada peringkat di mana apabila hendak membekalkan tenaga elektrik ke luar bandar, kita terpaksa menyampaikannya ke kampung-kampung yang lebih jauh ke dalam dan ini memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi, lebih jauh kampung tersebut, maka lebih tinggilah kosnya. Dan ini merupakan satu daripada

kenyataan yang perlu dihadapi oleh Kerajaan pada hari ini.

Dan cara LLN menyampaikan bekalan tersebut ialah jika ianya tidak terlalu jauh, ianya adalah merupakan sambungan daripada sistem grid nasional yang ada pada hari ini. Dan kalau sekiranya dianggap sesuai diwujudkan stesyen-stesyen yang tertentu di kawasan luar bandar, terutama sekali di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, proses untuk meneruskan usaha membekalkan tenaga elektrik ke luar bandar ini akan dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang ada dalam Rancangan Malaysia Kelima, walaupun terpaksa dikaji berdasarkan kepada kemampuan, kewangan Kerajaan Persekutuan dan kita mengharapkan kalau sekiranya pada setiap tahun 45,000 buah rumah yang akan mendapat bekalan, maka tidak berapa tahun lagi, maka sebahagian besar daripada masyarakat luar bandar akan menerima bekalan tersebut dan kita mengharapkan bahawa apabila bekalan itu tiba ke luar bandar, ke kampung-kampung yang masih lagi belum menerima bekalan tersebut, ianya bukan sekadar merupakan tambahan kepada infrastruktur kampung tersebut, kita mengharapkan bahawa bekalan tenaga elektrik ini merupakan sebagai suatu "impetus" kepada pembangunan dan kegiatan ekonomi kampung-kampung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kementerian Pertanian.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yung Lee): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan perhatian terhadap Kementerian Pertanian.

Yang pertama, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai pengeluaran buah-buahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sindrom melatah bukanlah menjadi asas perancangan pengeluaran buah-buahan secara besar-besaran. Asas perancangan tanaman buah-buahan mengambil kira potensi permintaan di dalam dan di luar negeri. Kajian pemasaran memang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian. Sebagai contohnya, buah-buahan seperti pisang emas, betik zotika, belimbing dan mangga telah membuktikan mempunyai pasaran besar di luar negeri. Pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai permintaan yang rendah ke atas manggis di bandar Tokyo adalah tidak tepat. Ini adalah kerana jika sekiranya tidak terdapat permintaan terhadap barangan tersebut, cadangan usahawan Jepun mengadakan usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak untuk mengeluarkan manggis di Sungkai, Perak secara besar-besaran tidak akan dikeskukan.

Mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh berhubung dengan projek mendalam dan meluaskan Sungai Kerayong, walaupun projek tersebut sedang dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair, Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi telah menjelaskan berkenaan projek ini dan tidak payahlah saya mengulangi sekali lagi.

Berhubung dengan masalah lanun-lanun yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Semporna, perkara ini mungkin berlaku disebabkan oleh kawasan berkenaan berhampiran dengan negara jiran. Pihak Kerajaan, walau bagaimanapun, sedar akan masalah ini dan langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk memperketatkan kawalan di kawasan perairan tersebut. Rondaan laut dan udara telah dipertingkatkan. Pihak Kerajaan memberi jaminan bahawa orang ramai termasuk nelayan tidak perlu bimbang kerana langkah-langkah kawalan keselamatan yang ketat telah diambil.

Penambahan anggota dan peralatan keselamatan juga telah dipertingkatkan. Dalam hubungan ini, para nelayan diseru memberi laporan segera kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindak-balas serta merta dapat diambil. Maklumat terakhir menunjukkan keadaan adalah terkawal.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian terhadap pembangunan sektor pertanian di negara ini. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertinggal, saya minta maaf dan memberi jaminan bahawa perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya minta tangguh sebentar kerana belum ada persediaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kementerian Pendidikan.

5.33 *ptg.*

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan di atas Titah Di-Raja yang berjalan di Dewan yang mulia sejak 8hb Mac dahulu, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara berhubung dengan dasar dan aktiviti Kementerian Pendidikan.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan saranan yang membina, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih. Saya juga ingin memberikan sedikit ulasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berucap mengenai perpaduan, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng telah menegur bahawa kita telah melupakan persetujuan yang telah dicapai oleh UMNO-MCA-MIC yang menghasilkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara. Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa satu dokumen penting yang dipertikaikan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Akta Pelajaran, 1961 adalah juga hasil daripada persetujuan yang dicapai oleh UMNO-MCA-MIC dahulu. Apabila beliau menyatakan bahawa integrasi boleh wujud dalam keadaan kepelbagaian, nampaknya beliau telah melupakan keadaan sebelum kita mencapai kemerdekaan dahulu.

Pada zaman tersebut tidak terdapat suatu sistem pendidikan kebangsaan. Apa yang terdapat ialah kepelbagaian sistem pendidikan yang mempunyai matlamat dan orientasi yang berlainan.

Akibat kepelbagaian tersebut tidak wujud satu identiti bagi rakyat di Tanah Melayu dahulu. Kekurangan inilah yang telah mendorong pemimpin kita yang dahulu mewujudkan suatu sistem pendidikan kebangsaan. Paling sedikit yang boleh kita katakan mengenai kejayaan sistem pendidikan kebangsaan kita ialah telah melahirkan satu generasi rakyat yang boleh berkomunikasi dengan menggunakan satu bahasa yang sama iaitu Bahasa Malaysia dan melahirkan generasi rakyat yang sadar dan membanggakan tentang identiti kebangsaan mereka sebagai rakyat Malaysia.

Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk menyusun program-program yang bertujuan untuk memupuk perpaduan di kalangan pelajar-pelajar negara kita. Di sini sukalah saya mengumumkan suatu program untuk memupuk perpaduan sedang disusun oleh Kementerian Pendidikan untuk dilancarkan di seluruh negara pada tahun ini. Program ini akan melibatkan sekolah rendah dan sekolah menengah. Menerusi program ini berbagai kegiatan termasuk sukan, perkelahan, pertunjukan kebudayaan dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh merapatkan perhubungan sesama pelajar akan dilaksanakan di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng juga telah meminta supaya kurikulum diperbaiki dan mata pelajaran sains sosial diwujudkan dan faktor sejarah ditekankan untuk memupuk integrasi kaum. Mengenai kurikulum, Kementerian Pendidikan sememangnya mengkaji kurikulum persekolahan dari masa ke semasa untuk disesuaikan dengan keperluan negara. Bagi peringkat sekolah rendah, seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah pun

dilaksanakan di semua sekolah rendah di seluruh negara sejak tahun 1983. Sementara bagi sekolah menengah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1988. Sungguhpun dalam Kurikulum Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah sekarang tidak ada mata pelajaran yang dinamakan sains sosial, namun demikian kurikulum tersebut mengandungi mata pelajaran seperti alam dan manusia, pendidikan Islam, pendidikan moral, sejarah dan geografi yang menekankan pengetahuan, nilai dan amalan hidup yang berkaitan dengan kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Seperti yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia ini, KBSR memberikan penekanan kepada penguasaan kemahiran-kemahiran asas iaitu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) dan perkembangan individu secara menyeluruh yang meliputi aspek-aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai estetika dan sebagainya. Isi kandungan kurikulum sentiasa berlatar-belakangkan masyarakat dan juga negara Malaysia.

Sementara aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengutamakan perkembangan kemahiran belajar kemahiran sosial, nilai dan sikap yang positif di samping juga penguasaan pengetahuan. Unsur-unsur sejarah dan geografi dalam KBSR dipelajari secara berintegrasi melalui idea-idea tertentu berhubung dengan kehidupan manusia dan alam sekitarnya dan di dalam mata pelajaran alam dan manusia. Jadi, mata pelajaran itu juga bertujuan untuk membina serta memupuk nilai dan sikap yang positif terhadap kepentingan dan keperluan hidup bersama yang harmonis dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) memberi penekanan kepada penghayatan dan amalan nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan di samping perkembangan intelek dan jasmani. Pemupukan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia akan ditekankan dalam mata pelajaran pendidikan moral, pendidikan Islam, geografi dan sejarah. Nilai-nilai murni juga akan diserapkan dalam bidang kajian yang lain dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Dalam KBSM juga sejarah akan dijadikan mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh semua pelajar dari Tingkatan I sehingga ke Tingkatan V. Kandungan sejarah KBSM ini akan memberikan penekanan ke atas perubahan dan kesinambungan warisan tradisi, kehidupan masyarakat dan negara daripada segi politik, ekonomi, sosial dan budaya. Melalui pemahaman dan penghayatan sejarah bangsa dan negara, nilai-nilai murni masyarakat, semangat patriotik dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia akan dapat dipupuk.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berpendapat pendekatan KBSR mirip kepada cara bertanding dan boleh melemahkan bakat dan intelek murid-murid. Mengikut beliau, pendekatan ini menanamkan sifat-sifat negatif seperti sedia meniru, menipu, berpura-pura dan agresif hanya untuk mengatasi saingan di antara mereka. Beliau mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan memikirkan satu pendekatan lain yang tidak mengandungi unsur-unsur ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan bahawa pendekatan KBSR mirip kepada cara bertanding dan boleh melemahkan bakat dan intelek murid-murid adalah tidak tepat. Walaupun KBSR mementingkan taraf pencapaian kemahiran serta pengetahuan yang tinggi, namun budaya pengajaran

dan pembelajarannya tidak menggalakkan pertandingan yang kurang sihat. Malah terdapat banyak unsur-unsur positif dalam KBSR. Antara lain, KBSR menggalakkan perkembangan saksiah yang baik melalui Persatuan Agama Islam dan Pendidikan Moral yang memberi penekanan terhadap amalan nilai-nilai murni. Murid-murid KBSR dibiasakan belajar mengikut kaedah pengajaran dan pembelajaran kumpulan mengikut kebolehan. Dengan kaedah ini, kebanyakan aktiviti dalam kelas dijalankan dalam suasana mesra serta riang sambil memupuk semangat kerjasama. Aktiviti dijalankan tanpa persaingan yang negatif antara murid dalam satu kumpulan itu, sebaliknya terjalin persefahaman dan tolong-menolong antara satu sama lain. Sifat yang sama juga dipupuk dalam aktiviti ko-kurikulum terutama dalam aktiviti-pasukan beruniform dan persatuan-persatuan. Pertandingan mungkin timbul dalam aktiviti sukan dan permainan. Namun demikian, dalam semua aktiviti sukan, ciri-ciri positif seperti semangat kesukanan adalah dititikberatkan.

Demikian juga dalam pendidikan jasmani bukannya pertandingan yang diutamakan tetapi melengkapkan diri murid-murid dengan kemahiran-kemahiran fizikal yang tertentu. Budaya pengajaran dan pembelajaran yang positif dalam KBSR dapat juga dilihat melalui sistem penilaiannya. Sistem penilaian KBSR bertujuan:

- (1) untuk menentukan iaitu sama ada murid telah menguasai atau tidak sesuatu kemahiran itu;
- (2) untuk membantu guru mengesan kelemahan murid;
- (3) membantu guru meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran.

Jadi dalam sistem penilaian ini kebolehan seseorang murid tidak dibandingkan dengan kebolehan murid

yang lain. Tetapi murid itu dinilai untuk melihat kemajuannya sendiri dalam satu-satu kemahiran atau pengetahuan yang dipelajarinya. Dengan cara ini persaingan antara murid adalah kurang kerana murid dan guru lebih menumpukan perhatian kepada mengesan punca masalah dalam pembelajaran satu kemahiran atau pengetahuan dan bukan memusatkan perhatian kepada mengatasi kebolehan murid-murid yang lain.

Memandangkan tumpuan KBSR adalah terhadap perkembangan murid-murid secara positif dan bukan meningkatkan lagi persaingan yang membawa unsur-unsur negatif, Kementerian Pendidikan tidak perlu memikirkan satu sistem pendidikan yang lain buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng juga telah mencadangkan polarisasi perkauman di Pusat-pusat Pengajian Tinggi diteliti dan diberi perhatian yang serius.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah polarisasi kaum di Pusat-pusat Pengajian Tinggi tidaklah membimbangkan dan keadaan masih terkawal. Pihak Institusi Pengajian Tinggi telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk membendung masalah tersebut yang mana semua aktiviti-aktiviti Persatuan Pelajar yang dijalankan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi akan melibatkan semua golongan. Bagi kegiatan ko-kurikulum pula, pelajar-pelajar berbagai kaum adalah digalakkan mengambil bahagian di mana melalui kegiatan ini pembentukan disiplin pelajar dapat dipertingkatkan. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (1) tidak menggalakkan penubuhan persatuan kenegerian;
- (2) tidak membenarkan penubuhan persatuan yang hanya melibatkan kaum tertentu sahaja

seperti Persatuan Pelajar Melayu, Persatuan Pelajar Cina dan lain-lain;

- (3) pelajar digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti pakaian seragam seperti Pengakap, Pandu Puteri dan Bulan Sabit Merah;
- (4) diadakan pertandingan sukan tahunan yang melibatkan semua kaum;
- (5) acara sukan yang biasanya disertai oleh hanya satu kaum sahaja seperti bola keranjang, sepak takraw dan tekwando disyaratkan supaya permainan tersebut disertai oleh semua kaum;
- (6) penyertaan pelajar-pelajar dari berbagai kaum digalakkan dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan yang dijalankan di kampus;
- (7) bagi lawatan luar kampus sama ada lawatan dalam atau luar negeri, Institusi-institusi Pengajian Tinggi mensyaratkan supaya rombongan pelajar ini hendaklah terdiri dari semua kaum;
- (8) di asrama, kolej, keutamaan berbagai aktiviti diadakan yang dapat disertai oleh semua pelajar seperti gotong-royong, hari terbuka kolej, hari pekerja, acara sukan, majlis makan malam, lawatan aktiviti kelab dan kursus kepimpinan.

Kementerian berpendapat langkah-langkah ini serta lain-lain langkah yang difikirkan sesuai mengikut masa dan keadaan akan dapat membendung masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah meminta supaya kuota kemasukan pelajar ke universiti-universiti difikirkan semula. Ini adalah kerana kuota 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera itu tidak mungkin akan

mengakibatkan pencapaian matlamat melahirkan 30% pegawai iktisas. Ahli Yang Berhormat berkenaan juga menyarankan supaya UKM dikecualikan daripada mengikut kuota tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pendidikan mengambil ingatan di atas pandangan Ahli Yang Berhormat supaya kuota pengambilan pelajar ke Universiti Tempatan yang berdasarkan 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang meminta supaya Fakulti Undang-undang Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia mendaulat dan menggunakan Bahasa Malaysia supaya keluaran daripada fakulti tersebut dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia dalam pengajaran di fakulti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan soal sekolah Arab, sekolah Agama dan menyeru supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah tersebut.

Dalam perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu sekolah-sekolah tersebut. Antara langkah-langkah itu ialah:

- (1) memberi bantuan guru agama dan guru akademik—kepada Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri. Gaji mereka ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Setakat ini sebanyak 607 jawatan guru telah diwujudkan

oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk tujuan ini.

- (2) memberi bantuan buku teks kepada Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat;
- (3) memberi bantuan wang kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat;
- (4) memberi kursus pengurusan dan pentadbiran sekolah kepada guru-guru besar Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri; dan
- (5) memberi pendedahan tentang Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) kepada guru-guru besar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Sekolah Menengah Agama Rakyat dan guru-gurunya yang terlibat dengan mata pelajaran yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Semporna menyatakan bekalan guru agama tidak mencukupi di Sabah, khasnya di bahagian pedalaman. Oleh sebab itu, pendidikan agama di Sabah tidak dapat berjalan dengan lancar dan menjadi punca keciciran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Sabah menyedari tentang kekurangan guru-guru pendidikan Islam, guru-guru agama di Sabah, khususnya di bahagian-bahagian pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian dan Jabatan Pendidikan Sabah seperti menempatkan guru-guru sementara yang terdiri dari anak-anak Sabah sendiri dan juga dari Semenanjung. Sebagai contoh, mulai

awal tahun 1988 sahaja seramai 100 orang guru-guru pendidikan Islam telah ditempatkan di Sabah, khasnya guru-guru pendidikan Islam di kawasan-kawasan pendalaman. Sebahagian daripadanya adalah guru-guru terlatih ialah siswazah dari maktab perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marudu telah meminta supaya kes guru-guru sementara yang diberhentikan perkhidmatan mereka di Sabah itu dikaji semula dan guru-guru tersebut diambil semula untuk bertugas oleh kerana mereka sudah lama berkhidmat dan banyak pengalaman.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian atau pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan tidak bertujuan memberhentikan perkhidmatan guru-guru sementara ini sehinggalah berakhirnya tempoh kelonggaran syarat bahasa yang diluluskan oleh Kerajaan iaitu pada 31hb Disember, 1989. Sekiranya selepas dari 31hb Disember, 1989 guru-guru sementara yang tidak berjaya untuk mendapat kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) barulah perkhidmatan mereka akan ditamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlantikan semula guru sandaran tanpa latihan pula, saya ingin menjelaskan bahawa keutamaan adalah diberi kepada mereka yang telah mempunyai pengalaman mengajar. Walau bagaimanapun, perlantikan semula mereka adalah bergantung kepada beberapa faktor dan di antaranya ialah:

- (1) adanya keperluan untuk melantik guru sandaran tanpa latihan;
- (2) pengalaman mereka sebagai guru sandaran tanpa latihan; dan
- (3) prestasi guru-guru berkenaan semasa bertugas.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas menyokong usaha Kerajaan dalam gerakan Cintailah Bahasa Kita tetapi menyeru supaya usaha dan program yang berkesan hendaklah juga diadakan bagi meningkatkan lagi mutu pencapaian bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan Cintailah Bahasa Kita dilancarkan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Bahasa Malaysia selaras dengan tarafnya sebagai Bahasa Kebangsaan kita. Dalam pada itu, kita tidak pula mengabaikan usaha kita dalam bidang-bidang yang lain. Oleh itu di peringkat sekolah usaha-usaha untuk mempertingkatkan penguasaan ke atas bahasa Inggeris diteruskan. Usaha-usaha ini termasuklah seperti yang berikut:

- (1) menambahkan bilangan guru yang terlatih dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris;
- (2) menjalankan rancangan bacaan tambahan bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah;
- (3) memberi kursus tambahan di dalam bidang pengkaedahan kepada guru-guru;
- (4) mengeluarkan journal pengajaran dan pembelajaran bahasa yang memuat pengkaedahan pengajaran bahasa Inggeris;
- (5) untuk memberi bimbingan iktisas kepada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris;
- (6) mengeluarkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan menggalakkan guru-guru menggunakannya;
- (7) menjalankan program-program pembelajaran bahasa Inggeris melalui radio dan TV Pendidikan; dan

- (8) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Contohnya, kegiatan-kegiatan drama, pidato, bercerita, membaca dan sebagainya.

Langkah-langkah juga termasuk menyelaraskan program-program bahasa Inggeris melalui sebuah jawatankuasa penyelarasan yang di antara lain mengkaji buku teks yang sedang digunakan di sekolah, mengkaji sukatan pelajaran dan menyediakan kompendium bahasa Inggeris iaitu satu garis panduan yang membantu guru-guru kita untuk mentafsirkan sukatan pelajaran bahasa Inggeris termasuk juga langkah untuk mengemaskinikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dengan melaksanakan KBSR dan KBSM yang memberi penekanan kepada bidang-bidang kecekapan, pengkayaan dan juga pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh mendakwa isu berhubung dengan kenaikan pangkat di SRJK (C) boleh diselesaikan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu mengenai kenaikan pangkat di SRJK (C) ini telah pun diselesaikan. Jawatankuasa berkenaan telah membuat beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada Kabinet mengenai perlantikan masa hadapan. Ekoran dari keputusan tersebut, Kementerian Pendidikan tidak lagi menerima sungutan dari pihak-pihak yang tertentu tentang rasa tidak puas hati dengan keputusan yang dipersetujui itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa berkenaan telah pun dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan saya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dasar dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh dalam ulasan saya tadi adalah dalam

perhatian Kementerian Pendidikan. Saya sudah dengan sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.58 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Di Raja, soal teknologi telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Izinkan saya untuk menyatakan bahawa negara kita sedang berusaha ke arah perindustrian bagi menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang baru atau, dengan izin, newly industrialised country.

Memandangkan negara kita mempunyai suatu rancangan perindustrian, maka kita perlu memperolehi teknologi yang paling baik untuk menjayakan rancangan perindustrian itu. Dalam pada itu, kita tidak boleh ketepikan ataupun mengabaikan teknologi tinggi. Dan kesannya ialah bahawa tenaga pekerja yang kemahiran tinggi akan diberi keutamaan daripada pekerja yang tidak mempunyai kemahiran teknikal. Oleh yang demikian, penyelesaiannya ialah mengadakan lebih banyak lagi latihan bercorak teknikal bagi pekerja negara kita. Perlu diambil perhatian bahawa jentera atau peralatan serta teknologi tinggi bukan seolah-olah menggantikan tempat pekerja tidak mahir, bahkan ianya bertujuan menjayakan program perindustrian kita.

Berkenaan dengan pemindahan teknologi pula, kita tidak boleh menafikan bahawa pada peringkat awalnya, kita perlu membiayai untuk

mendapatkan teknologi baru. Adalah menjadi dasar Kerajaan kini untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan tenaga pekerja kita supaya mereka dapat menerapkan teknologi dari negara-negara asing, dan juga dapat membaiki teknologi yang diimport itu dengan tujuan kita dapat mewujudkan teknologi tempatan, terutamanya dalam soal memproseskan sumber-sumber asli kita seperti getah dan minyak kelapa sawit. Jika kita dapat berbuat demikian, maka negara boleh mengeluarkan produk yang bernilai tinggi dari bahan-bahan mentah kita. Untuk menuju ke arah tersebut, kita mesti membina satu asas atau landasan sains dan teknologi yang kukuh. Ini telah merupakan pengalaman negara Jepun dan Korea Selatan. Dan pada hari ini, kita dapat melihat kejayaan kedua-dua negara itu. Pengalaman Jepun dan Korea Selatan telah menunjukkan juga bahawa dalam usaha membina asas sains dan teknologi yang kukuh, kedua-dua negara itu telah pandang ke barat. Dengan demikian, mereka muncul sebagai negara yang maju serta tenaga pekerja mereka mempunyai kebolehan untuk membaiki teknologi barat dengan menggunakan kecerdikan mereka dan juga membuat inovasi dan ciptaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita hendak menjadi sebuah negara yang maju dalam perindustrian dan mengukuhkan ekonomi kita, maka tidak ada jalan lain kecuali dengan menggunakan teknologi tinggi dan paling baik untuk menjamin kejayaan program perindustrian kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Luar Negeri.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che

Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atau beberapa aspek dasar luar negeri semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menunjukkan minat yang makin meningkat ke atas urusan dasar luar negeri seperti dibuktikan oleh kualiti ucapan dan pandangan-pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu Palestin seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Pasir Mas dan Maran, suka saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa mengutuk sekeras-kerasnya kekejaman yang dilakukan oleh regim Tel Aviv ke atas rakyat Palestin. Kenyataan-kenyataan sedemikian berulang kali dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Luar Negeri bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia. Perwakilan-perwakilan kita di Bangsa-bangsa Bersatu dan di pelbagai persidangan antarabangsa yang lain juga sentiasa menyuarakan kutukan kita ini dan secara terbuka juga sentiasa mengesa pihak-pihak yang menyokong Israel supaya memberhenti berbuat demikian dan sebaliknya berusaha mencari penyelesaian damai yang akan menjamin hak-hak mutlak rakyat Palestin.

Sehubungan dengan ini Malaysia bersama-sama masyarakat antarabangsa menyokong penuh usul-usul Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya diadakan satu persidangan antarabangsa untuk kediaman di Timur Tengah, dengan

izin, International Conference on Peace in the Middle East. Malaysia akan terus berusaha dengan negara-negara lain untuk menyokong undang-undang yang boleh membawa keamanan yang sejati di kawasan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Kota Setar telah juga membangkitkan isu Afghanistan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keadaan di Afghanistan juga sedang diikuti dengan teliti oleh Kerajaan Malaysia. Kita menentang penjajahan asing di negara itu yang telah menimbulkan keadaan huru-hara. Oleh itu, Malaysia sentiasa menggesa di pelbagai forum antara-bangsa dan di perbincangan-perbincangan lain supaya tentera-tentera asing diundurkan dari Afghanistan supaya rakyat Afghanistan dapat menentukan nasib mereka sendiri. Pengunduran itu hendaklah satu pengunduran yang boleh membawa keamanan di Afghanistan, bukan pengunduran yang akan menimbulkan lebih banyak tumpahan darah di kalangan rakyatnya. Oleh yang demikian, Malaysia berharap semoga penyerahan kuasa yang teratur dapat dilaksanakan di Kabul yang boleh diterima oleh rakyat Afghanistan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Afrika Selatan seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, perjuangan menentang apartheid di Afrika Selatan juga mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Malaysia. Solidarity kita dengan orang-orang kulit hitam yang tertindas di sana adalah diketahui umum dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Di dalam hal ini kita sentiasa memainkan peranan yang aktif di Bangsa-bangsa Bersatu, di Pergerakan Negara-negara Berkecuali, di Persidangan Komanwel dan lain-lain persidangan antarabangsa bagi mengenakan sekatan ekonomi yang menyeluruh ke atas regim

Pretoria dengan tujuan menamatkan dasar apartheid itu. Kita akan terus berusaha untuk mencapai matlamat ini selagi dasar apartheid yang kejam ini tidak dihentikan. Selaras dengan ini Kerajaan Malaysia juga mengadakan kerjasama yang baik dengan puak-puak yang menentang apartheid di dalam dan di luar Afrika Selatan. Kita bukan sahaja memberi sokongan moral dan politik, malahan juga sokongan dalam bentuk bantuan teknik kepada Tabung Afrika, iaitu satu tabung bagi membantu negara-negara jiran Afrika Selatan yang diancam oleh regim Pretoria.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga telah memberi pendapat beliau tentang seriusnya masalah orang pelarian Indo-China. Kerajaan sedar bahawa masalah pelarian Indo-China masih berlarutan disebabkan oleh keadaan yang tidak stabil di Indo-China. Satu-satunya sebab penting mengapa masalah ini berterusan ialah sikap degil Vietnam yang masih tidak mahu mengundurkan tenteranya dari Kampuchea. Keadaan ini menimbulkan masalah pelarian di sempadan Kampuchea dengan Thailand. Seterusnya penduduk Vietnam di Kampuchea telah merumitkan lagi keadaan ekonomi dalam negeri di Vietnam itu sendiri. Ini menyebabkan ramai rakyat Vietnam lari meninggalkan negara mereka untuk tinggal di negara-negara Barat.

Program keberangkatan teratur ataupun, dengan izin, orderly departure programme yang melibatkan pengambilan rakyat Vietnam secara terus menerus dari Vietnam oleh negara-negara penempatan semula telah tidak berjalan dengan lancar dan program ini juga tidak dapat menampung kesemua permohonan orang Vietnam yang berhasrat meninggalkan negara mereka. Akibatnya ramai rakyat Vietnam lari keluar secara senyap melalui jalan laut yang luas. Mereka belayar menuju

negara jiran dan ramai yang mendarat sama ada di Malaysia ataupun di Thailand. Sehingga kini Malaysia tetap mengamalkan dasar memberi perlindungan sementara kepada pendatang dari Indo-China dengan dasar perikemanusiaan dan dengan syarat bahawa mereka akan diambil oleh negara-negara ketiga untuk penempatan semula di tempat lain. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencari jalan penyelesaian yang berkesan dan berkekalan bersama dengan negara-negara lain dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, terutamanya Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang pelarian iaitu, dengan izin, UNHCR.

Beberapa inisiatif telah dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu. Malangnya selagi masalah ini tidak dapat dibendung di puncanya, iaitu di Vietnam sendiri, selagi itulah akan berlarutan. Malaysia memang mengalu-alukan inisiatif-inisiatif yang boleh membawa kepada penyelesaian yang berkesan dan berkekalan. Kita mahukan perubahan sikap di pihak Vietnam dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Kampuchea, seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan Pasir Mas, inginlah saya memaklumkan bahawa Malaysia dan lain-lain negara anggota ASEAN bersependapat bahawa keamanan dan kestabilan di Kampuchea hanya akan dapat diperolehi selepas Vietnam mengundurkan tenteranya daripada Kampuchea dan satu Kerajaan yang benar-benar dipilih oleh rakyat wujud di negara tersebut. Untuk mencapai tujuan ini Malaysia berserta dengan lain-lain negara ASEAN telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea. Dalam usaha-usaha ini Malaysia menaruh kepercayaan penuh kepada peranan

yang dimainkan oleh Putera Norodom Sihanouk untuk mencari keamanan dan kemerdekaan di Cambodia. Di dalam usaha mencari penyelesaian politik di Kampuchea, Putera Sihanouk telah pun mengadakan perbincangan dengan Hon Sen di Paris di mana Putera Sihanouk telah menekankan soal mengundurkan tentera Vietnam dengan secepat mungkin pada tahun 1988 ataupun selewat-lewatnya pada tahun 1989. Putera Sihanouk telah mencadangkan supaya satu Kerajaan Sementara, dengan izin, Provisional Government of Cambodia ditubuhkan sebaik sahaja peringkat kedua dan terakhir askar-askar Vietnam diundurkan dari Kampuchea dilakukan.

Cadangan Putera Norodom Sihanouk itu belum mendapat sambutan yang positif daripada Hon Sen. Putera Sihanouk telah menyatakan kesediaannya untuk berbincang dengan pihak Vietnam. Malaysia akan terus memberi sokongan kepada Putera Sihanouk dalam usahanya untuk membebaskan Kampuchea daripada pendudukan Vietnam. Malaysia percaya bahawa apabila masalah Kampuchea diselesaikan pembangunan dan kestabilan di rantau ini dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempengaruhi Burma menyertai ASEAN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ASEAN adalah satu pertubuhan kerjasama serantau di mana keahliannya adalah terbuka kepada semua negara-negara di Asia Tenggara, termasuklah Burma. Namun demikian, adalah menjadi pendirian ASEAN bahawa niat ataupun hasrat untuk menjadi ahli kepada pertubuhan ini adalah tertakluk kepada inisiatif dan

permohonan yang dibuat oleh negara-negara itu sendiri. ASEAN tidaklah mahu mempengaruhi mana-mana pihak negara bukan ahli untuk menyertai ASEAN dan adalah dianggap tidak wajar kita membuat sedemikian memandangkan bahawa penentuan dasar satu-satu negara yang merdeka itu adalah hak negara masing-masing. Walau bagaimanapun negara-negara ASEAN mempunyai perhubungan dua hala yang rapat terus dengan Burma dan bagi Malaysia khususnya, kerjasama dua hala yang memuaskan telah wujud untuk sekian lama dan akan terus dipertingkatkan untuk kepentingan bersama.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah membuat teguran bahawa ASEAN masih tidak mempunyai kata sepakat dalam pakatan ekonomi. Untuk menjawab teguran ini, ingin saya menegaskan di sini bahawa tiap-tiap negara ASEAN adalah bebas untuk menentukan dan memilih dasar dan struktur ekonomi masing-masing. Dalam konteks ini amalan ataupun prinsip yang diamalkan oleh ASEAN ialah untuk menghormati dasar dalam negeri ahli-ahlinya dan tidak akan cuba untuk mempengaruhi atau dengan izin, *not to interfere in the domestic affairs and policies*, negara anggota yang lain. Namun demikian, walaupun negara-negara ASEAN mengeluarkan banyak barangan ataupun komoditi yang serupa, ini tidak bermakna kerjasama di dalam perkara-perkara ini tidak dapat diwujudkan. Malahan kesamaan yang ada di dalam struktur ekonomi di antara negara-negara ASEAN telah mendorong kita untuk menjalinkan kerjasama yang rapat. Mengenai kelapa sawit khasnya negara-negara ASEAN telah dapat mengambil pendirian yang padu dan kata sepakat untuk menjamin kestabilan harga komoditi itu di pasaran dunia.

Baru-baru ini ASEAN sebagai satu kumpulan telah berjaya untuk

memberikan pandangan dan bantahan yang berkesan terhadap cadangan Kesatuan Negara-negara Eropah untuk menaikkan cukai yang tinggi terhadap import minyak sayuran dan lemak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membuat pertanyaan atas langkah-langkah berkesan yang diambil dalam menjamin sikap berkecuali konsep ZOPFAN dapat dicapai. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia adalah anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali, dengan izin, *Non-Aligned Movement*. Keanggotaan ini melambangkan sikap Kerajaan berpegang teguh kepada dasar luar negara yang "non-bloc" dan yang tidak mahu memihak kepada mana-mana kuasa besar dalam arena politik antarabangsa. Kita juga sedar bahawa Malaysia adalah negara yang mencipta konsep ZOPFAN iaitu dengan izin, *Zone of Peace, Freedom and Neutrality*, dan mula-mula menyuarakan hasrat supaya rantau Asia Tenggara dijadikan zon aman, bebas dan berkecuali. Tujuan utama ZOPFAN ialah untuk mengelakkan rantau ini daripada dijadikan kancah persaingan atau pertikaian kuasa-kuasa besar secara berterusan. ZOPFAN boleh menjamin kestabilan, keamanan dan pembangunan negara-negara serantau. Kerajaan masih tidak berganjak daripada komitmen terhadap sikap berkecuali dan hasrat mewujudkan ZOPFAN. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah penting dengan menentukan bahawa Malaysia mengamalkan dasar luar yang dinamik. Di samping itu Malaysia telah menyertai dengan aktifnya semua persidangan dan aktiviti Pergerakan Negara-negara Berkecuali ataupun *Non-Aligned Movement (NAM)*.

Malaysia seterusnya masih berusaha bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk mencari jalan bagi menjadikan ZOPFAN satu

kenyataan dengan secepat mungkin. Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telah bersetuju di Sidang Kemuncak di Manila pada bulan Disember tahun sudah supaya segala usaha diteruskan dengan gigih bagi mencapai kewujudan ZOPFAN untuk keamanan dan keselamatan di Asia Tenggara.

Ahli Yang Berhormat dari Larut telah memberi pandangan agar satu Parlimen ASEAN dibentuk ataupun satu Dewan yang dianggotai oleh beberapa menteri dari setiap negara ASEAN diwujudkan sebagai usaha untuk mengeratkan lagi kerjasama dan persefahaman politik di kalangan negara-negara ASEAN. Pandangan yang dibuat merupakan satu pandangan yang baik, walau bagaimanapun perlulah dijelaskan bahawa ASEAN merupakan satu rangkaian kerjasama ditubuhkan atas konsep pertubuhan atau, dengan izin, association dan bukan atas dasar integrasi. Berlandaskan konsep "association" ini, tidak mungkin satu sistem Parlimen ASEAN dapat diwujudkan seperti Kesatuan Negara-negara Eropah.

Ingin saya nyatakan bahawa keutuhan, kerjasama dan persefahaman politik di kalangan negara-negara ASEAN telah dipupuk semenjak 20 tahun ASEAN ditubuhkan dan sentiasa mendapat perhatian yang saksama dari para pemimpin ASEAN. Perasaan hormat menghormati dan setiakawan politik di kalangan negara-negara ASEAN yang telah wujud ini amatlah dibanggakan dan saya berasa penuh yakin keadaan seperti ini akan terus wujud di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marudu telah menyentuh tentang pelarian-pelarian Filipina di Sabah. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan memberi kemudahan singgah sementara kepada

mereka semata-matanya berdasarkan kepada perasaan peri kemanusiaan. Dalam pada itu, Kerajaan tidak menghalang mana-mana pelarian yang ingin pulang ke negara asal mereka. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang tegas untuk menangkap, mendakwa dan mengusir keluar pendatang haram Filipina yang dikesan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Filipina telah menyatakan bahawa negaranya telah mengamalkan dasar, dengan izin, "open door" dan sedia menerima pelarian Filipina yang hendak kembali ke Filipina. Malaysia mengalu-alukan dasar "open door" ini yang akan membolehkan pelarian Filipina kembali ke negara asal mereka. Kerajaan Malaysia akan bekerjasama dengan Kerajaan Filipina dan semua badan-badan yang bertanggungjawab atas pendatang haram Filipina bagi mencari penyelesaian kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang dapat saya jawab terhadap perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang dibuat berkaitan dengan isu-isu dasar luar negeri kita. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara berkaitan dengan dasar luar negeri. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya sebut dalam jawapan ini, akan diambil nota, ingatan dan tindakan selanjutnya oleh pihak Kementerian saya dari masa ke semasa. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Kesihatan.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, beberapa teguran telah dibangkitkan di dalam Dewan ini sepanjang perbahasan di atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih dan

sukalah saya mengulas dan menjawab beberapa perkara sahaja yang ditimbulkan mengenai Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menimbulkan berkenaan dengan pembangunan masyarakat luar bandar dari segi kesihatan. Beliau menyatakan satu daripada faktor yang menyebabkan kemunduran masyarakat kampung ialah kerana kekurangan makanan berzat. Hakikat ini telah menyebabkan ramai kanak-kanak di luar bandar tidak begitu berjaya di dalam pelajaran mereka di sekolah. Mengikut beliau, kekurangan ini juga telah mendedahkan kepada berbagai penyakit yang boleh menjejaskan kesihatan. Sukalah saya memaklumkan bahawa kedudukan taraf pemakanan di negara kita secara keseluruhannya boleh dikatakan memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Masalah utama yang dihadapi ialah kekurangan zat makanan protein dan kalori peringkat sederhana. Keadaan ini biasanya didapati di kampung-kampung, di kawasan pedalaman, estet-estet dan kawasan setinggian.

Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan kekurangan zat makanan ialah kemiskinan, sosio-budaya seperti tabiat makanan dan pantang larang, kesedaran dan pengetahuan pemakanan, kekurangan bekalan kemudahan asas seperti air, tandas dan sebagainya yang boleh juga menjejaskan tahap pemakanan. Kerajaan sedar akan masalah ini dan telah menjalankan beberapa usaha untuk mengurangkan masalah pemakanan sejak tahun tujuh puluhan lagi dengan mengadakan Rancangan amalan Makanan dan Pemakanan dengan tujuan meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak di luar bandar. Program ini melibatkan beberapa agensi seperti Kementerian-kementerian Kesihatan, Pendidikan, Pertanian dan Penerangan.

Kementerian Kesihatan menjalankan berbagai aktiviti untuk meningkatkan taraf pemakanan masyarakat luar bandar melalui program kesihatan. Aktiviti-aktiviti khusus ialah pendidikan pemakanan yang disampaikan oleh pekerja kesihatan melalui ceramah-ceramah di klinik-klinik dan kampung dan nasihat secara perseorangan. Pertunjukan memasak juga diadakan di peringkat klinik dan masyarakat untuk mendidik kumpulan-kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, ibu-ibu bersalin dan ibu-ibu yang menyusukan bayi dan sebagainya mengenai makanan seimbang dan keperluan makanan harian.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan ialah pengawasan tumbesaran—perkataan baru, atau growth monitoring, pengesanan, pengendalian dan tindak susulan kes-kes kurang zat makanan. Pemberian zat-zat tambahan seperti vitamin dan zat besi dan pemberian susu penuh krim bagi kumpulan tertentu yang dikesan kekurangan zat makanan.

Beliau juga telah menyatakan bahawa masih banyak lagi kampung di kawasan-kawasan yang mundur seperti di Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang yang tidak mendapat bekalan air paip dan ini telah menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk bagi kawasan-kawasan itu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kampung-kampung dan juga estet-estet dan kawasan-kawasan yang lain yang tidak mendapat bekalan air paip dan justeru itu terdedah kepada penyakit.

Dari kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, hanya 68% rumah-rumah di luar bandar dan hanya 20% di estet-estet yang mempunyai bekalan air yang selamat sehingga Disember tahun 1987. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan yang bertanggungjawab membekalkan kemudahan air ialah Jabatan Bekalan Air Negeri dan projek-projek tajaan Kementerian Kesihatan hanya

dilaksanakan di kampung-kampung terpencil yang tidak dapat dibekalkan air paip oleh pihak tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.